

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 61

Isnin

11 September 2006

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Memperkenankan Akta-akta

(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2007

(Halaman 29)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2007

(Halaman 29)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 11 September 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2006
2. Akta Kilang dan Jentera (Pindaan) 2006
3. Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006
4. Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 2006
5. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan)2006
6. Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan)2006

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah perancangan holistik agar wang sejumlah RM12.9 bilion yang diperuntukkan di bawah RMK-9 kepada pembangunan "*ICT-Information Communication Technology*" berjaya dan berkesan dan berapa wang diperuntukkan untuk pembangunan ICT Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan telah memperuntukkan peruntukan yang besar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu sebanyak RM12.9 bilion untuk memastikan negara tidak ketinggalan

dalam bidang ICT sebagai strategi utama menjana ekonomi berasaskan ilmu dengan izin, *knowledge base economy* yang berdaya saing dan membentuk masyarakat berteraskan nilai *value base society*.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan sejumlah RM12.9 bilion tersebut adalah peruntukan keseluruhan untuk program-program pembangunan ICT meliputi beberapa kementerian dan agensi seperti Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, MAMPU, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi. Program-program tersebut meliputi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (i) untuk mengukuhkan Malaysia sebagai Hub-ICT dan multimedia secara global;
- (ii) MSC Fasa II dan perluasan aplikasi multimedia;
- (iii) perluasan infrastruktur komunikasi dan rangkaian;
- (iv) sumber pertumbuhan baru dalam ICT;
- (v) pembudayaan e-pembelajaran;
- (vi) mempertingkatkan keselamatan maklumat dan pembangunan tenaga kerja ICT;
- (vii) pembangunan kandungan digital, e-dagang dan merapatkan jurang digital.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ICT di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, di bawah MOSTI hanyalah sebanyak RM1.3 bilion, meliputi agensi-agensi MDECK, MIMOS dan dasar ICT. Walau bagaimanapun, pihak MOSTI telah merancang pendekatan yang *holistic* dan strategi-strategi bagi memastikan daya saing Malaysia dalam bidang ICT. Strategi-strategi yang telah dirancang tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pembangunan kandungan digital dan industri kandungan digital yang merangkumi animasi komputer kreatif, permainan digital, edutainment, aplikasi dan perkhidmatan mudah alih;
- (ii) pembangunan sumber manusia ICT untuk melahirkan modal insan;
- (iii) Kajian Pembangunan *ICT Road-Map*;
- (iv) penyediaan infrastruktur bertaraf dunia di MSC Cyberjaya;
- (v) menarik rakan kongsi antarabangsa di mana dalam lonjakan kedua MSC tahun 2004-2010;
- (vi) penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan R&D; dan
- (vii) membangun dan menyokong syarikat-syarikat tempatan di mana melalui aplikasi permohonan *techno-preneur*.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan program ICT di peringkat negeri-negeri misalnya negeri Sabah adalah dimaklumkan bahawa pihak kerajaan negeri mempunyai

perancangan tersendiri projek pembangunan ICT masing-masing. Walau bagaimanapun, di bawah Program *Universal Service Provision* (USP) dengan izin, dan Program Internet Desa di bawa bertujuan untuk merapatkan jurang digital negara, sejumlah 30 lokasi baru di pusat ICT Komuniti akan diwujudkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di bawah KETAK.

Selain itu sejumlah 26 Pusat ICT Komuniti (PPIK) sedia ada telah dikenal pasti untuk dinaiktarafkan sebagai PPIK. Kedua-dua bilangan lokasi tersebut adalah merangkumi 10% daripada keseluruhan projek USP dan kos yang dianggarkan adalah sebanyak RM15 juta. Bagi Program Internet Desa pula sejumlah RM7.5 juta telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, di Sabah terdapat tiga buah PID dan pecahan peruntukannya adalah sebanyak 7% daripada keseluruhan RM525,000. Terima kasih.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan, semua yang diperkatakan tadi memang nampak semuanya cantik dengan rangka yang begitu rapi sekali. Tetapi saya ingin tahu dalam semua rangka-rangka ini untuk kita mencapai matlamat kita khususnya di bahagian pedalaman untuk mengurangkan jurang perbezaan *digital divide* di antara bandar dengan kampung dan juga kampung dengan luar bandar.

Saya difahamkan bahawa pemasangan *broadband* yang masih lagi di peringkat permulaan ini, macam mana kita hendak capai semua ini sekiranya kita tahu mempunyai prasarana atau infrastruktur yang menghubungkan *collectivity* ini kepada luar bandar. Terima kasih.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan memang telah pun merangka bagaimana infrastruktur yang bertaraf dunia bagi bandar-bandar utama dan juga infrastruktur yang boleh menghubungkan seluruh rangkaian negara dengan *internet* kepada daerah-daerah pedalaman dan sebagainya.

Sebagai contoh, pada permulaannya kerajaan telah membina melalui sistem pendidikan sekolah iaitu pusat-pusat atau makmal komputer di seluruh negara termasuklah sekolah-sekolah di luar bandar. Dengan adanya makmal komputer di sekolah-sekolah luar bandar ini dengan sendirinya bahawa rangkaian *internet* akan *accses* melalui makmal-makmal ataupun pusat komputer yang telah dibangunkan oleh kerajaan. Ini satu contohnya.

Kemudian saya rasa di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ada menyediakan satu rangkaian untuk melengkapkan lagi rangkaian ataupun *network* komputer ataupun *internet* ke seluruh pelosok Malaysia dan termasuklah di negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan juga negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, peruntukan RM12.9 bilion untuk ICT bukan satu bilangan yang kecil. Kalau dibawa pakai lori duit seratus-seratus, hampir penuh Dewan ini. Persoalannya Tuan Yang di-

Pertua, soalan tambahan. Kita berbicara soal *digital divide* ataupun jurang digital antara bandar dan luar bandar.

Peruntukan yang banyak ini kenapa tidak dibawa turun untuk di *deliver* ataupun diberi kepada masyarakat-masyarakat luar bandar ataupun semua sekali sekolah luar bandar. Kenapa peruntukan ini ada tetapi persoalannya tidak nampak dilaksanakan. Apa usaha kementerian ini ke arah merealisasikan hasrat Perdana Menteri. Perdana Menteri sudah tegur bahawa ada *little Napoleon*. Ini salah satu sebab rakyat marah. Sebab wang ada, tetapi tidak dibelanjakan. Tidak tahu ke mana. Boleh minta penjelasan ke arah mana kementerian ini membawa soal-soal *digital divide* ini sehingga ke luar bandar supaya luar bandar juga tahu apa itu globalisasi, apa itu ICT, apa itu *borderless* dan sebagainya. Sebab kadang-madang mereka orang bandar cakap, dia orang tidak tahu. Minta penjelasan.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Yang Berhormat, seperti yang saya telah nyatakan tadi, daripada RM12.9 bilion, MOSTI hanya diperuntukkan RM1.35 bilion sahaja untuk program IT, Program 'C' iaitu *communication* dan selebihnya itu adalah peruntukan di bawah kementerian-kementerian lain terutama Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Kementerian ini adalah bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur komunikasi di seluruh Malaysia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, tidakkan *synchronize* di antara kementerian ini dan menuding jari di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup Yang Berhormat. Biar pihak menteri menjawab.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Bukan tidak ada. Tetapi ia berkaitan dengan infrastruktur, komunikasi ini akan melaksanakan mengikut pelan di bahawa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Bagi MOSTI kita lebih membangunkan berkaitan dengan *software* atau pun perisian komputer dan sebagainya termasuklah multimedia dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 2 - Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh (Kuala Langat) tidak hadir]

3. **Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana kejayaan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) membantu rakyat mendapatkan rumah kediaman. Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan untuk projek Rumah Mesra Rakyat dan juga bilangan projek terbengkalai yang telah diambil alih oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak penubuhannya pada tahun 1997, Syarikat Perumahan Negara Berhad telah berjaya melaksanakan projek-projek perumahan rakyat melalui beberapa skim perumahan seperti:

- i. skim rumah mampu milik;

- ii. skim rumah mesra rakyat;
- iii. pemulihan rumah terbengkalai; dan
- iv. projek perumahan anggota tentera secara usaha sama dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Sehingga bulan Ogos 2006, SPNB telah berjaya menyiapkan sebanyak 2,778 unit rumah di bawah skim rumah mampu milik dan 18,721 buah rumah lagi sedang dalam peringkat pelaksanaan. Di bawah skim rumah mesra, sebanyak 1,779 unit rumah telah siap dibina dan 1,121 unit dalam peringkat pembinaan.

Bagi projek perumahan terbengkalai, SPNB terlibat dalam program pemulihan, khidmat nasihat dan pemantauan bagi 73 projek perumahan terbengkalai. Setakat ini SPNB telah berjaya menyiapkan serta mendapat sijil layak menduduki bagi 11 buah projek mengandungi 4,575 buah unit rumah dan sedang melaksanakan pemulihan bagi lapan buah projek mengandungi 5,049 rumah dan menyediakan khidmat nasihat dan pemantauan bagi 54 projek melibatkan 13,374 unit rumah.

Di samping itu, sebanyak 42 projek perumahan terbengkalai sedang diteliti oleh SPNB sama ada sesuai atau tidak untuk di baik pulih atau sebaliknya. Mengenai perbelanjaan bagi projek rumah mesra, setakat ini SPNB telah membelanjakan sebanyak RM98 juta daripada RM257 juta peruntukan yang telah disediakan.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Forum ini merupakan harapan rakyat yang cukup tinggi terhadap skim ini dan terima kasih di atas program yang telah pun dibuat kepada rakyat.

Tetapi memandangkan seperti apa yang telah saya katakan tadi bahawa jumlah rumah yang didirikan agak sedikit tidak kesampaian dengan hasrat rakyat untuk memiliki rumah. Masih lagi ada rumah yang terbengkalai di peringkat kawasan-kawasan tertentu Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati bahawa harga rumah agak murah. Kontraktor tidak mendapat keuntungan hasil daripada hendak buat rumah ini dan pihak pemerintah telah menentukan di mana hendak mendapatkan bahan-bahan pembinaan.

Ini menyusahkan kontraktor. Apakah program kerajaan untuk mempercepatkan supaya ia memberi rumah yang lebih sempurna kepada rakyat dengan peruntukan yang lebih banyak diberikan kepada program ini dan apakah program-program yang memastikan supaya rumah-rumah terbengkalai ini dapat disiapkan dengan segera untuk memberi kemudahan kepada rakyat di peringkat kampung kerana ia merupakan benda yang cukup bagus di peringkat kampung selain daripada rumah PPRT. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang SPNB cuba sedaya upaya mempercepatkan lagi pembinaan rumah-rumah mesra ini Tuan Yang di-Pertua dan juga rumah mampu milik dan lain-lain lagi. Masalah sekarang ialah masalah tapak itu jelas maknanya ia dipunyai oleh calon yang memohon itu maka amat mudah sekali. Tetapi

kebanyakan tanah yang telah pun dimajukan kepada SPNB ini bercampur... kalau dengan bahasa mudah dia banyak sangat tuan tanah. Hendak mendapatkan kebenaran tuan tanah yang lain, itu masalah.

Yang keduanya seperti yang telah saya sebutkan tadi ialah harga rumah yang rendah, kontraktor tidak mahu buat. Setakat ini Kementerian Kewangan telah pun memberi kebenaran kepada SPNB untuk menambahkan lagi pinjaman itu. Bagi rumah berukuran 1,000 kaki persegi berharga RM46,000. Bagi rumah yang luasnya 700 kaki persegi campur lagi RM6,000, jadi RM 33,000 begitu. Maknanya sudah ada peningkatan. Saya harap tidak lagi timbul masalah tidak cukup modal hendak bina rumah.

Bagi projek terbengkalai, ini terpulang kepada kerajaan negeri. Dia boleh memohon melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun *direct* kepada SPNB dan SPNB akan teliti kes yang dirujuk kepada mereka dan kalau didapati memang boleh dipulihkan, akan dipulihkan.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ialah berkenaan dengan matlamat SPNB ini sebenarnya. Kalau tidak salah saya, pada asalnya SPNB ini ditubuhkan adalah untuk membantu projek-projek terbengkalai. Tetapi selepas itu skopnya diluaskan kepada membina rumah mesra rakyat dan mampu milik. Jadi saya rasa, tumpuan ataupun tujuan SPNB sudah keluar daripada asalnya. Kita lihat banyak lagi projek-projek terbengkalai yang belum lagi dapat diatasi. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh SPNB ini untuk membantu semua lagi projek-projek terbengkalai di mana beribu-ribu lagi pembeli rumah yang telah dianiyai ini dapat dibantu oleh SPNB ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Padang Serai. Memang tujuan asal begitulah untuk hendak membantu, hendak menyelesaikan masalah rumah terbengkalai. Jadi SPNB juga telah pun dibagi tugas tambahanlah iaitu untuk membina rumah mampu milik dan juga rumah mesra. Ini pun keperluan rakyat sebenarnya. Rakyat terutama sekali dalam kampung yang tidak mampu hendak duduk di bandar.

Jadi mereka ada tanah sikit, maka mereka boleh pinjam daripada ini. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sudah sebut sikit tadi, sebab itu untuk rumah terbengkalai, projek yang telah dibaik pulih dengan bantuan kewangan daripada kerajaan ialah 11 projek yang melibatkan 4,575 buah rumah. Projek yang dibaik pulih melalui khidmat nasihat dan pemantauan 54 projek melibatkan 13,334 buah rumah dan yang sedang dibaik pulih dan proses membaik pulih sekarang ada lapan projek iaitu melibatkan 5,049 buah rumah. Yang lain-lain sedang diteliti oleh SPNB Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 4 – Y.B Tuan Shim Paw Fat [Tawau] tidak hadir

[Soalan No. 5 – Y.B Datuk Ronald Kiandee [Beluran] tidak hadir]

6. **Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]** minta Menteri Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan pengusaha *homestay* di negeri Sarawak pada masa sekarang; dan
- (b) jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk tujuan galakan pelancongan di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan ;

- (a) Di Sarawak terdapat 10 buah kampung dan rumah panjang dengan 117 orang pengusaha *homestay* berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia. Kampung-kampung dan rumah panjang yang terlibat adalah seperti di daerah Kuching iaitu Kampung Telok Melano, Kampung Panglima Seman Lama, Kampung Puih, Kampung Mongkos, Kampung Telaga Air, Kampung Benuh, Kampung Anarais. Daerah Mukah pula ialah Kampung Senau, daerah Kapit ialah Roh Lutut, Sungai Tisa dan bagi daerah Betong, Kampung Meludam dan daerah Miri pula ialah Roh Patriat Niah.
- (b) Jumlah peruntukan bagi projek Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tujuan galakan pelancongan di seluruh Malaysia ialah berjumlah RM1.48 bilion. Jumlah peruntukan ini adalah bagi projek baru Rancangan Malaysia Kesembilan dan jumlah peruntukan bagi projek sambungan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Terima kasih.

Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]: Terima kasihlah kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Pertanian menjawab. Jadi soalan tambahan saya, di Sarawak, banyak rumah panjang-rumah panjang yang boleh dijadikan *homestay*. Kenapa tidak dijadikan semua rumah panjang, hampir 8,000 buah rumah panjang di Sarawak, boleh dijadikan tempat pelancong-pelancong, dijadikan *homestay*. Kenapa tidak?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri sudah menjawab. Jumlah rumah panjang di seluruh Sarawak 8,000 yang kita ketahui. Sebenarnya Yang Berhormat, ada beberapa kriteria yang digunakan oleh Kementerian Pelancongan untuk mewujudkan *homestay* dan kalau kita lihat daripada jawapan pertama tadi, dia adalah dengan izin *cross ethnic* dan sebagainya.

Jadi kalau Yang Berhormat masih juga berminat khususnya di dalam kawasan Yang Berhormat, bolehlah dirujuk kepada Kementerian Pelancongan supaya menjadikan tetapi kalau

semua 8,000 rumah panjang dijadikan *homestay*, saya rasa agak bermasalah dari segi peruntukan. Untuk makluman, keseluruhan *homestay* kebangsaan yang ada di seluruh Malaysia adalah 92 kampung yang meliputi semua negeri di seluruh Malaysia dengan 1,320 orang peserta. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat sedih kerana Menteri atau Timbalan Menteri tidak dapat datang untuk menjawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukit Bintang ada *homestay* kah?
[Menyampuk]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ada, Rancangan Malaysia Kesembilan. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah, apakah yang telah dilakukan oleh Majlis Tindakan Pelancongan mahupun negeri Sarawak atau Wilayah Persekutuan bahawa bagi menarik lebih ramai pelancong asing datang menginap dan berbelanja di ibu negara atau di Sarawak berbanding di kawasan-kawasan lain, kerana didapati bahawa pelancong-pelancong asing ini lebih gemar berbelanja di luar atau di tempat-tempat yang bukan di ibu kota. Minta penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Satu ialah kita ingin, sebab itulah Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri sekarang ini mereka berada di luar negara, sebab mengadakan pertemuan dengan pengusaha-pengusaha pelancongan di seluruh negara. Dan kali ini mereka pergi ke Eropah, dan ada yang pergi sebelah China untuk kita membawa pelancong-pelancong datang. Jadi, terima kasih Yang Berhormat.

Jadi ada beberapa peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah diagihkan supaya memantapkan lagi industri pelancongan di Sarawak yang mana keistimewaannya ialah *eco* dan *agro-tourism* iaitu bersama *nature*. Oleh yang demikian, ada beberapa peruntukan yang telah diberikan iaitu untuk mengadakan beberapa pembangunan infrastruktur seperti pembangunan kemudahan Taman Negara Mulu dan juga pembangunan kawasan Taman Negara Gua Niah. Sebab ini adalah satu *world heritage* sebenarnya yang berada di Malaysia, khususnya di Sarawak. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Sebelum itu saya mengalu-alukan kedatangan adik-adik yang berpakaian menutup aurat tidak seperti sesetengah Menteri beragama Islam yang masih lagi tidak menutup aurat... [Ketawa]

7. Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah syarikat yang telah diberi kelulusan bagi membawa masuk pekerja-pekerja asing ke negara kita. Berapakah jumlah pekerja asing mengikut negara-negara mereka yang sedang bekerja di negara kita dan negeri manakah yang paling ramai mengambil mereka bekerja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini jumlah syarikat yang telah diberi kelulusan untuk menjalankan perkhidmatan membekal dan mengurus pekerja asing atau *outsourcing* adalah sebanyak 146 buah syarikat. Manakala, jumlah pekerja asing yang sedang bekerja di negara ini sehingga 31 Julai 2006 bagi sektor pembinaan, perkilangan, pembuatan, perkhidmatan dan perladangan termasuk pembantu rumah adalah berjumlah 1,823,431 orang. Terdapat sekurang-kurangnya dua pekerja asing daripada 22 buah negara sedang bekerja di negara ini. Di mana lima buah negara yang paling ramai sekali menghantar pekerjaannya untuk bekerja di sini ialah seperti berikut:

- (i) Indonesia 1,172,990 orang;
- (ii) Nepal 199,962 orang;
- (iii) pekerja daripada negara India berjumlah 130,768 orang;
- (iv) Vietnam 96,892 orang dan
- (v) Bangladesh 64,156 orang.

Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat yang membawa masuk pekerja asing ini selain daripada mengaut keuntungan dan apakah kerja-kerja pemantauan pekerja asing ini terletak kepada polis atau syarikat yang menerima ini. Bagaimanakah cara penapisan mereka yang hendak dibawa masuk itu, di negeri mereka itu. Apakah mereka ini terlibat dengan penjenayah atau sebagainya, kerana sekarang ini kita lihat sudah jadi fobia rakyat Malaysia ini kalau tengok pekerja asing, rasa takut kerana berlaku banyak skandal di Malaysia ini termasuk rogol dan sebagainya. Sebahagian besarnya dilakukan oleh pekerja-pekerja asing. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tugas syarikat pembekal dan pengurus pekerja asing yang dibenarkan ini adalah untuk mengurus kemasukan pekerja asing secara terasuh:

- (i) mereka dikehendaki membayar levi kepada kerajaan;
- (ii) memastikan setiap pekerja asing yang dibawa masuk telah menjalani kursus induksi di negara sumber;
- (iii) pekerja asing yang masuk ke negara ini diwajibkan menggunakan sistem biometrik;
- (iv) memastikan setiap pekerja asing yang dibawa masuk mempunyai pekerjaan yang telah diatur; dan
- (v) memastikan pekerja asing tersebut menjalani pemeriksaan perubatan sebelum mereka dikeluarkan dengan pas lawatan dan pelbagai tugas lain yang telah ditetapkan.

Untuk memastikan pekerja asing ini dapat bekerja dengan sempurna, mereka terlebih dahulu disaring tapis oleh pihak agensi pekerjaan di negara mereka sebelum di bawa masuk dan di pihak kerajaan kita, kita sentiasa memantau mereka ini dari masa ke semasa. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kita tahu sekarang ini pekerja asing begitu ramai bilangannya yang masuk ke negara kita ini tidak kira sama ada daripada negara mana termasuk Bangladesh. Masalahnya ialah mereka yang datang ke sini seolah-olah agensi yang membawa mereka tidak ada tanggungjawab. Ada pekerja yang sama ada permit masih hidup ataupun sudah mati, hilang begitu sahaja. Jadi, apakah langkah untuk mengatasi masalah ini kerana kita bimbang kehadiran mereka ini bukan hanya hendak membantu masalah kekurangan tenaga pekerja tetapi menimbulkan masalah sosial. Jadi apakah pihak kementerian ada satu pendekatan baru untuk mengatasi masalah bilangan pekerja asing ini yang datang ke sini tetapi mengambil kesempatan, hilang dan tidak mahu pulang ke negara mereka sendiri. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah inilah maka pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah memperkenalkan pendekatan baru iaitu melesenkan syarikat-syarikat yang mengurus kemasukan pekerja asing yang tadi saya sebutkan sebagai *outsourcing*, dan mereka bertanggungjawab untuk menentukan segala-galanya berjalan dengan baik. Memanglah terdapat pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara ini terlibat dengan beberapa kes. Tetapi ada dua hal yang harus kita jelaskan di sini. Pertamanya, pekerja asing yang datang secara sah dan kebanyakan kes yang berlaku yang melibatkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi adalah pekerja yang datang secara tidak sah ataupun pendatang tanpa izin. Namun begitu pihak kementerian dan kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia dan sebagainya sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengatasi masalah ini.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama kita adalah merupakan pesara-pesara guru daripada Parlimen Kuala Terengganu dan mereka berpesan kepada saya untuk menyampaikan ucapan penghargaan terima kasih di atas kenaikan *one-off pension* mereka baru-baru ini.

8. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Perdana Menteri menyatakan metodologi yang digunakan oleh Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) untuk memantau pelaksanaan projek RMK-9 supaya terjamin mutunya, kos berpatutan dan siap dalam jangka masa yang ditetapkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab sekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Nasaruddin bin Hashim, Ahli Yang Berhormat bagi Parit pada 14 September 2006 kerana ia adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Direktorat Pelaksana Negara iaitu enjin penggerak Badan Bertindak Pelaksanaan Negara telah membuat kajian ke atas 20 projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Matlamat kerajaan tersebut adalah untuk mengetahui apakah ciri-ciri kejayaan dan kelemahan projek-projek tersebut yang dapat digunakan sebagai pengajaran untuk pelaksanaan projek-projek di bawah RMK-9. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan ciri penting kejayaan sesebuah projek ialah persiapan dan persediaan dibuat dengan teliti dan lengkap dari mula serta pemantauan aktif dari segi kos perbelanjaan, jangka waktu projek dibuat oleh pegawai-pegawai dan jabatan-jabatan sepanjang pelaksanaan sesuatu projek.

Sehubungan itu, ciri-ciri kejayaan ini akan ditambah baik dan diterapkan dalam perancangan dan pelaksanaan projek sementara kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti sedang diteliti agar ia tidak berulang. Walaupun begitu sudah tentu akan wujud masalah-masalah dari masa ke semasa. Apa yang penting ialah mengurangkan timbulnya masalah-masalah ini. Oleh itu, satu metodologi Pengurusan Projek dan Program (PPP) akan digunakan oleh kementerian dan agensi pelaksana. Ciri utama metodologi PPP ini akan menerapkan amalan dan proses terbaik dalam perancangan dan pelaksanaan projek. Ini termasuk memastikan projek akan disiapkan pada kos yang berpatutan dan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Metodologi PPP akan mengandungi pengurusan risiko untuk mengenal pasti risiko-risiko yang mungkin menjejaskan projek-projek dan mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan risiko-risiko tersebut. PPP juga akan membangunkan kaedah yang terbukti untuk menilai kesan dan hasil yang tepat bagi memastikan program dan projek yang dilaksanakan mencapai matlamatnya.

Sebagai permulaan, BBPN telah mengenal pasti empat kementerian untuk mengguna pakai PPM. Kementerian ini ialah Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sistem PPM ini akan dilaksanakan di kementerian dan agensi pelaksana yang lain apabila sistem ini telah didapati berjalan lancar di keempat-empat kementerian yang telah dikenal pasti buat masa ini.

Di samping itu, Unit Penyelarasan Pemantauan telah dan sedang mengambil beberapa langkah pemantauan yang lebih berkesan dengan melaksanakan kaedah pemantauan secara makro dan mikro bagi mengesan sebarang masalah pelaksanaan projek di peringkat awal bagi membolehkan projek-projek yang dilaksanakan dapat disiapkan mengikut jadual. Langkah-langkah tersebut ialah seperti berikut:

- (i) penambahbaikan dan pengukuhan penggunaan sistem pemantauan projek sebagai sumber utama maklumat secara berterusan;

- (ii) pendekatan tindakan intervensi bagi mengenal pasti dan mengatasi isu ataupun masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek pembangunan;
- (iii) pemantauan prestasi kontraktor secara berjadual; dan
- (iv) pembentangan laporan pelaksanaan projek-projek pembangunan di dalam mesyuarat-mesyuarat utama kerajaan bagi memaklumkan prestasi pelaksanaan projek-projek tersebut serta mendapatkan pertimbangan dan keputusan yang berkaitan dengan sebarang isu ataupun masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan projek.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas jawapan yang begitu mantap daripada Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Di bawah Belanjawan 2007, kita telah mendapat peruntukan lebih kurang RM27.5 bilion yang mencakupi kira-kira 61% daripada belanjawan pembangunan. Ini adalah merupakan satu *fiscal pump priming* yang begitu besar sekali. Persoalan saya sekarang ialah tentang kerenah yang pernah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kerenah '*know who ability*' dan bukannya '*know how talent*'.

Saya hendak Yang Berhormat Menteri di sini, apakah mekanisme kita untuk memastikan pengagihan projek-projek itu berjalan secara adil, saksama dan tidak menjanjikan membawa kerenah-kerenah, terjaminnya mutu, kos berpatutan dan juga jangka siap projek-projek ikut tempohnya seperti mana yang telah dilaporkan baru-baru ini bahawa terdapat projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang belum selesai disempurnakan. Mohon penjelasan tentang, apakah kaedah dan bagaimanakah sindrom ini dapat ditangani.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, agak sukar untuk memberikan jawapan kepada soalan daripada Yang Berhormat sebentar tadi dalam masa yang singkat ini. Tetapi apa yang penting di sini ialah iaitu bahawa kalau semua tender itu dapat dilakukan menerusi pemberian kontrak itu dibuat secara tender terbuka, saya percaya itu satu cara bagaimana untuk kita dapat mengatasi masalah berkenaan dengan teknikal '*know who*' ini. Namun ada projek-projek tertentu yang memerlukan supaya kita mempercepatkan dan proses tender ini adalah satu proses yang agak lambat juga memandangkan iaitu bahawa projek di negara kita ini bukannya satu, dua, beratus dan mungkin juga beribu. Jadi, oleh kerana itu kadang-kadangkala di atas *urgency* projek yang perlu dilakukan kita terpaksa bagi *direct negotiation* ataupun menerusi *selective tender*.

Jadi ianya mengikut keperluanlah, namun saya kira amalan yang akan kita laksanakan untuk menjamin supaya tidak berlaku perkara teknikal *know who* ini ialah untuk kita sebaik-baiknya memberikan projek-projek ini berdasarkan kepada tender terbuka.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kenapa pelaksanaan atau *take off* pelaksanaan Rancangan

Malaysia Kesembilan begitu lewat dan lambat berbanding dengan Rancangan Malaysia Kelima yang dahulu. Oleh kerana hampir satu tahun, ini tahun pertama tetapi *take off* belum bermula. Sungguh pun ada pengumuman mengenai 880 projek yang bernilai RM15 bilion ada diumumkan tetapi surat-surat, dokumen-dokumen tender belum siap. Apakah sebabnya?

Adakah benar dan tadi Yang Berhormat ada mengesahkan bahawa ada kontrak-kontrak yang diberi tanpa tender, berapa peratus? Dan adakah menjadi keutamaan, *priority* badan BBPN supaya tidak ada ketirisan yang serius dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang bernilai RM220 bilion, kalau ada 10% ke 30% ketirisan, *leakage, corruption, abuse of power* ialah satu angka yang besar RM22 bilion sehingga RM66 bilion *gravy train* untuk UMNO Putera.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita sudah tentulah tahu bahawa projek yang diletakkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini bukanlah satu, dua tentulah banyak. Jadi untuk memastikan supaya kita dapat mengagih dengan begitu adil, maka itulah kita memakan sedikit masa supaya jangan kita buat kerja tergesa-gesa seperti mana mungkin di masa-masa yang lepas. Dan akhirnya banyak ketirisan dan ini menjadi masalah kepada kita kembali. Jadi adalah baik kita berhati-hati dalam kita memberikan kontrak-kontrak ini untuk memastikan supaya ianya tidak akan berlaku seperti mana telah berlaku di masa yang lepas. Biarlah kita lambat sedikit, yang penting Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah selama lima tahun. Jadi ianya tidak menjadi masalah kalau kita terlambat sedikit dalam hal ini.

Yang lain-lain itu, saya ingat sudah tentulah apa yang saya sebut kita akan mengadakan badan ini untuk memastikan supaya ketirisan tidak berlaku. Dan kita sudah tentu akan mengamalkan *best practices* dalam memberikan kontrak-kontrak ini kerana akhirnya apa juga Yang Berhormat sebut tentang perkara ini, rakyat akan menentukan sama ada mereka berpuas hati atau tidak dengan pencapaian kita.

9. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sejauh mana peranan FAMA dalam memasarkan hasil pertanian negara di dalam dan luar negara serta berapakah jumlah hasil eksport serta negara yang terlibat sepanjang tempoh 2003 hingga 2005.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peranan FAMA dalam memasarkan hasil pertanian sangat luas bermula daripada pemasaran di peringkat pengeluaran hingga ke peringkat pengguna di mana FAMA terlibat dalam pemasaran sepanjang rantai bekalan hingga kepada pengguna.

Sebagai agensi kerajaan, FAMA berfungsi membantu dalam membangun dan memajukan pemasaran hasil pertanian dalam dan luar negeri. Di dalam negeri, FAMA telah mewujudkan kontrak pemasaran gerai-gerai jualan, pasar-pasar tani, belian secara langsung dan menjalankan promosi produk-produk. Di luar negara pula, FAMA telah menjalankan hantaran

percubaan, penerokaan, pemasaran, mempromosikan hasil pertanian dan produk baru. Jumlah hasil eksport barangan pertanian terpilih yang terdiri daripada sayur-sayuran, buah-buahan dan bijirin meningkat setiap tahun.

Pada tahun 2003, jumlah eksport untuk tiga kategori terpilih adalah bernilai RM2.7 bilion. Nilai tersebut telah meningkat menjadi RM3.3 bilion pada tahun 2004 dan RM3.6 bilion tahun 2005. Eksport negara tahun 2003, 2004 dan 2005 untuk sayuran, buah-buahan dan bijirin telah meningkat dalam tiga tahun ini. Manakala negara pasaran utama eksport Malaysia adalah Singapura, United States, Netherlands, Jepun, Indonesia dan Republik China yang mewakili 73% eksport komoditi sayur-sayuran, buah-buahan dan bijirin. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang agak sempurna juga daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. FAMA sebuah agensi terpenting dalam Kementerian Pertanian dan umurnya puluhan tahun. Saya nak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian kerana Menteri Pertaniannya tidak ada, sejauh mana peranan FAMA sebagai pemain antarabangsa dalam memasarkan hasil pengeluaran pertanian petani-petani kita? Kalau begitu pengalamannya, sejauh mana supaya produk-produk petani kita yang agak bermutu boleh tembus di pasaran antarabangsa supaya peluang untuk medan pasaran pengeluaran hasil-hasil pertanian kita itu lebih luas. Tadi saya dengar jawapan Yang Berhormat, antara negara-negara itu tadi tak ada pula negara Timur Tengah. So sejauh mana, apa orang Arab tak suka makan pisang kita, betik kita, rambutan kita, ciku kita dan durian kita? Dan kitalah, apa sekali kitalah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat telah menyentuh Timur Tengah. Timur Tengah adalah satu pasaran yang berpotensi terutamanya buah-buahan dan produk pertanian. Dan logo halal Malaysia juga disanjung tinggi di sana. Oleh itu dalam tahun lepas kita telah melantik agen tempatan di Bahrain, di Saudi dan di UAE supaya kita dapat menembusi pasaran negara Asia Timur. Dan kita telah dapat melihat sedikit hasil dalam satu, dua tahun ini. Misalnya pada tahun dulu, kita telah mengeksport RM17 juta dari nilai buah-buahan ke UAE. Dan untuk sayur-sayuran, dulu 2003 dan 2004 mengikut statistik langsung tidak ada eksport ke UAE, tetapi pada 2005, kita telah eksport RM8 juta hasil sayur-sayuran ke UAE. Ini adalah usaha yang akan ditingkatkan.

Dan saya juga bersetuju bahawa jenama adalah begitu penting. Oleh itu sekarang FAMA telah memperkenalkan satu jenama barangan hasil pertanian yang dikenali sebagai '*Malaysia Best*' di pasar raya *hyper market* seperti Tesco, kita juga dapat melihat *Malaysia Best*. Dan untuk barang pertanian asas tani, kita ada satu *brand* yang dipanggil *Olay Mas* untuk antarabangsa. Dan untuk pasaran dalaman kita menggunakan *brand Agro Mas*. Dan ini adalah usaha-usaha yang kita hendak mempertingkatkan supaya dapat menolong terutamanya petani-petani. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti setuju di Semenanjung sini memang FAMA ada, hebat. Tetapi di Sarawak tidak berapa berbunyi, I ingat SUP ini pertanian setujulah, terutama sekali di Bintulu, kita tidak dengar apa-apa bunyi tetapi pejabat ada.

Baru-baru ini, minggu yang lepas saya melawat kawasan banyak rumah panjang sesi dialog bersama-sama anak piak mengenai isu pertanian ataupun dibangunkan sektor pertanian. Dia kata, "Yang Berhormat, apa bikin kita tanam lebih-lebih? Tiada orang mahu beli, akhir sekali kita semua bawa balik kasi lembu ke, ataupun babi makan sahaja". Ini cerita, bukan cerita main-main, ini cerita betul, kalau ada kawan-kawan dari rumah panjang kita sila tanya nanti. Tadi saya di sini mahu bertanya soalan ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa peranan FAMA di Sarawak, apa sudah buat, apa kemajuan, apa usaha diterima oleh petani-petani di Sarawak terutama sekali di kawasan Bintulu?

Sekian terima kasih.... [Tepuk]

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dan kita di kementerian, kita alu-alukan *criticism* yang *constructive* supaya kita dapat bersama-sama mencapai matlamat kita.

Berkaitan dengan produk-produk pertanian, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Bintulu bahawa dalam satu tahun ini, kita telah tubuhkan dan FAMA telah tubuhkan 230 Pusat Pembelian Buah-buahan Bermusim supaya masalah lambakan di mana harga buah-buahan jatuh terjunam tidak akan berlaku seperti dua, tiga tahun dahulu. Di samping itu saya harap juga dapat kerjasama dari Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya jika petani-petani dia mungkin dia ada masalah dari pemasaran supaya mereka dapat *contact* dari FAMA untuk membuat *contract* pembelian.

Sekarang FAMA telah meningkatkan modalnya untuk membuat kontrak pembelian sebab kita harap bahawa kontrak ini dapat dibuat awal sedikit dan bukan selepas sudah kutip buah-buahan supaya FAMA dapat buat *planning* dengan pemborong-pemborong dan *supermarket*. Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasih dan kita akan meningkatkan lagi aktiviti di Sarawak dan juga Bintulu. Terima kasih.

10. Datuk Dr. Rahman Bin Ismail [Gombak] minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah Pertubuhan Negara Islam telah melakukan aktiviti penerangan dan pemahaman terhadap Islam di kalangan wartawan media Barat agar dapat memberi kesedaran terhadap mereka dari menyiarkan berita-berita yang mencaci dan mencemuh Islam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gombak di atas soalan yang dikemukakan.

Pertubuhan persidangan negara-negara Islam OIC sentiasa menjalankan usaha bagi meningkatkan pemahaman wartawan media Barat terhadap Islam. Langkah-langkah penerangan dan penjelasan bagi mereka mendalami pengetahuan dan memperbetulkan tanggapan mereka berkenaan Islam telah dilakukan melalui aktiviti-aktiviti dialog yang melibatkan perkongsian idea dan pendapat antara personaliti-personaliti penting Islam dan Barat. Langkah-langkah tersebut termasuklah dialog yang kita sendiri anjurkan pada bulan Februari 2006 iaitu dialog dengan izin, *who speaks for Islam, who speaks for the West* dan juga *US Islamic World Forum* yang telah diadakan di Doha, Qatar juga pada Februari tahun ini. Bagi OIC, badan-badan yang bernaung di bawahnya seperti *International Islamic News Agency (IINA)* dan *Islamic States Broadcasting Organization* atau ISBO telah diberi tanggungjawab untuk menghebahkan suara Islam atau *voice of Islam* dengan izin.

Menteri-Menteri Penerangan negara-negara anggota OIC juga telah dan akan mengambil langkah-langkah khusus jangka panjang bagi membersihkan imej Islam yang tercemar. Buat pengetahuan Yang Berhormat, perkara-perkara ini turut dibincangkan dalam sesi ketujuh persidangan Menteri-Menteri Penerangan negara-negara Islam ICIM yang sedang berlangsung di Jeddah, Arab Saudi sekarang iaitu antara 9 hingga 14 September 2006. Adalah yang menjadi harapan kita, usaha-usaha ini akan dapat membantu orang ramai terutamanya masyarakat Barat memahami Islam yang sebenarnya dan mengurangkan berita-berita yang mencaci dan mencemuh Islam. Usaha-usaha ini akan diteruskan dengan giat di masa hadapan.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di awal tahun ini saya ada menghadiri *Inter Faith Dialogue* di Cyprus dan saya dapat bertemu dengan ramai wartawan-wartawan Barat. Saya mendapati bahawa dua elemen yang besar yang pertama mereka tidak tahu tentang Islam *ignorance*, yang kedua mereka ada prasangka yang buruk terhadap Islam, prejudis terhadap Islam.

Saya dapati bahawa OIC kurang mendekati ataupun memberi penerangan kepada kumpulan-kumpulan ini itu yang pertama.

Yang kedua, saya dapati bahawa juga media-media *TV station* banyak menunjukkan soal yang berkaitan dengan keganasan tentang Islam. Saya ingin bertanya, dahulu yang diuar-uarkan bahawa OIC akan mengadakan pusat media yang dahulunya berada di Jeddah dan ini dialihkan ke Kuala Lumpur, apa jadi dengan pusat media? Kita juga mahu *TV station* contohnya, kalau kita boleh gunakan *Al-Jazeera* yang boleh mempromosikan Islam dan kemanusiaan, bukan *TV station* yang hanya menunjukkan Islam dan keganasan.

Soalan tambahan saya yang kedua, baru-baru ini kita tahu bahawa pengumuman Presiden Bush tentang dua rakyat Malaysia yang telah ditahan di kem CIA. Saya ingin tahu, adakah fakta ini diketahui oleh Kementerian Luar sebelum ini yang dua rakyat Malaysia ini ditahan oleh CIA di kem tahanan mereka dan, apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Malaysia di

dalam membela dua rakyat Malaysia yang ditahan di Kem Tahanan Guantanamo ini yang telah ditahan tanpa sebarang perbicaraan?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Buat pengetahuan Yang Berhormat, isu berkenaan dengan *International Islamic Media Centre* juga akan dibincangkan dalam mesyuarat Menteri-Menteri Penerangan negara-negara Islam yang sedang berlangsung di Jeddah sekarang ini dan tentang soal cadangan supaya *Al-Jazeera* untuk menjadikan sebagai suatu stesen televisyen bagi memaparkan Islam yang sebenarnya bukan berdasarkan pada pandangan Barat yang dikaitkan dengan keganasan sebagainya juga. Perkara ini adalah merupakan tanggungjawab kita bersama dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita mengadakan hubungan yang rapat dengan *Al-Jazeera* dan *insya–Allah*, *Al-Jazeera* akan mengadakan pusat *broadcasting* ataupun penyiarannya di Kuala Lumpur dan ini adalah merupakan satu proses yang akan *insya–Allah* akan dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Berkaitan dengan dua tahanan di Kem Guantanamo, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua oleh kerana soalan ini sangat spesifik, izinkan kami memaklumkan secara bertulis kepada Yang Berhormat tentang isu ini. Terima kasih.

Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa *Al-Jazeera* mungkin kalau tidak silap saya sudah pun mempunyai pejabatnya di Kuala Lumpur.

Soalan yang saya ingin timbulkan pada hari ini, setakat mana kerjasama positif yang telah kita dapat daripada *Al-Jazeera* sebenarnya untuk menghapuskan prejudis terhadap Islam dalam konteks negara kita di Malaysia dan juga dalam konteks peranan OIC dalam menghapuskan prejudis pada Islam ini, saya rasa sudah ada pejabat dia di Kuala Lumpur. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang atas soalan tambahan tadi. Memang benar *Al-Jazeera* dan banyak lagi pusat-pusat media lain telah mengadakan pejabatnya di sini tetapi dalam apa yang saya maksudkan tadi sebagai pusat penyiarannya dalam bahasa Inggeris, selain daripada *Al-Jazeera* yang kita lihat berpusat di Doha sekarang ini, tidak lama lagi *Al-Jazeera* yang dipancarkan melalui pejabatnya pusatnya di Kuala Lumpur. Ini adalah satu perkembangan dan satu pengiktirafan yang diberikan oleh pihak *Al-Jazeera* kepada Kuala Lumpur untuk memainkan peranan ini. Ini satu perkara yang patut dibanggakan oleh rakyat Malaysia.

Tentang soal yang saya sebutkan tadi, tentang imej yang perlu diutarakan, saya rasa peranan yang dimainkan oleh Malaysia khususnya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, khususnya dalam menerangkan konsep Islam yang sebenarnya berasaskan pada pendekatan Islam *Hadhari* sudah tentulah merupakan satu pendekatan yang dianggap lebih praktikal dalam menerangkan dan memberi gambaran bahawa

Islam bukanlah keganasan, Islam bukanlah yang dikaitkan dengan soal peperangan, Islam bukanlah ekstremisme dan saya rasa baiklah Yang Berhormat dapat menyokong pendekatan seperti ini. Terima kasih.

11. Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, bilangan dan jenis syarikat menjual kereta terpakai yang dilesenkan dalam negara kita. Bagaimanakah pemantauan dan pengawalan terhadap aktiviti perniagaan agar tiada orang terbeli kereta curi atau pemunya asal bebas daripada tanggungan bayaran balik pinjaman bank selepas dijual kepada penjual kereta terpakai.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bilangan syarikat menjual kenderaan terpakai yang dilesenkan dalam negara kita ialah sebanyak 2,080 syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini jumlah kes curi kereta bagi tempoh 2003 sehingga Jun tahun 2006 adalah seperti berikut :

Tahun 2003 jumlah kes yang dilaporkan hilang ialah 8,537, tahun 2004 ialah 8,624, tahun 2005 - 9,711 dan untuk tahun 2006 Januari hingga Jun ialah 5,388.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah bagi memantau dan mengawal aktiviti perniagaan agar tiada orang awam terbeli kereta curi adalah seperti berikut:

- (i) orang awam dan syarikat penjual kereta kenderaan terpakai boleh mendapatkan bantuan daripada pihak PDRM bagi menyemak maklumat sama ada kereta tersebut adalah kereta yang dilaporkan hilang atau tidak;
- (ii) penjual kereta terpakai perlu memastikan pembelian sesebuah kereta *secondhand* tersebut telah mendapat persetujuan empunya kenderaan yang didaftarkan dalam kad pendaftaran kenderaan; dan
- (iii) pihak PDRM boleh dan juga membuat pemantauan secara rambang di syarikat penjual kereta terpakai bagi memastikan tiada kenderaan dilaporkan hilang dipamerkan untuk dijual.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bayaran balik pinjaman kepada institusi kewangan adalah menjadi tanggungjawab pemilik kenderaan untuk menyelesaikan sebarang tunggakan terhadap institusi kewangan yang terbabit walaupun kenderaan tersebut telah dilaporkan hilang. Walau bagaimanapun pemilik kenderaan boleh membuat tuntutan pampasan daripada syarikat insurans. Sekian terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua sekarang ini kerajaan bersungguh-sungguh untuk menaikkan taraf lagi sistem pengangkutan awam negara kita dengan memberi banyak pelaburan ke atas Syarikat Prasarana Negara

Berhad dan juga *RapidKL*. Maka kita nampak ada satu trend di mana rakyat akan lebih banyak menggunakan pengangkutan awam maka kereta-kereta terpakai akan tambah dalam hal ini.

Dan apakah pihak kementerian sudi membantu kementerian-kementerian lain supaya kita mengurangkan syarikat penjual kereta terpakai ini kurangkan dan untuk dalam pasaran tempatan. Tetapi membantu untuk menyediakan satu pelan supaya kita menjadi negara eksport kereta terpakai. Sebab negara kita ini sekarang hendak naik kepada taraf negara maju maka kereta terpakai jika kita eksport ke luar negara tidak payahlah kita import banyak kereta terpakai masuk ke negara kita jadi kita negara eksport. Itulah soalan saya minta penjelasan.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua itu adalah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan bukan KDN. Sekian.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkaitan dengan kereta curi. Pada saya, saya yakin ini Yang Berhormat bagi Bukit Bintang setuju ya. Kalau tidak ada pembeli pada kereta curi tidak mungkin kereta curi tersebut dijual. Jadi apakah mekanisme yang boleh dikenakan terhadap penjual kereta supaya beban yang ditanggung oleh pembeli kereta curi ini dipertanggungjawabkan kepada penjual kerana penjuallah yang membeli kereta curi. Sekian terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua seperti tadi saya telah jawab bahawa kita memang mengharap supaya syarikat yang membeli kereta daripada mana-mana orang awam mereka kena pastikan ia telah dapat persetujuan daripada tuan punya kereta seperti mana didaftar dalam kad pendaftaran kereta. Tetapi masa kini kita tidak ada satu peruntukan dan undang-undang yang memastikan bahawa ia adalah tanggungjawab penjual kereta dan kalau tidak ia akan di bawah ke mahkamah, memang tidak ada dalam peruntukan undang-undang buat masa kini. Terima kasih.

12. Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada kerajaan bersedia untuk memansuhkan hukuman mati yang termaktub dalam undang-undang negara selari dengan kenyataan umum baru-baru ini daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di mana beliau mengatakan bahawa hukuman mati patut dimansuhkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua buat masa ini kerajaan masih belum bersedia untuk memansuhkan hukuman mati yang termaktub dalam undang-undang negara. Hukuman mati dikenakan bagi jenis kesalahan yang serius dan berat sahaja khususnya bagi kesalahan yang membawa kesan yang amat buruk dan memudaratkan orang awam dan negara. Hukuman mati masih perlu dikekalkan untuk menunjukkan ketegasan dan keseriusan kerajaan dalam menangani masalah jenayah berat dan serius. Matlamat hukuman tersebut mengambil kira prinsip pencegahan dan kepentingan awam. Sebagai contoh macam baru-baru ini apabila pihak polis mahu

mengurangkan denda, itu dianggap oleh *a big opinion* sebagai tidak serius sebab itu kita kekalkan hukuman mati ini untuk menunjukkan keseriusan kita bagi mengatasi masalah ini.

Selain itu kerajaan berpendapat bahawa terdapat cukup perlindungan - *save guards* dalam sistem keadilan di negara ini untuk memastikan hukuman mati itu tidak dijatuhkan dengan sewenang-wenangnya. Berkenaan dengan kenyataan saya, saya ingin menyatakan iaitu bahawa dalam suasana yang lebih terbuka sekarang ini saya bebas memberi pandangan saya. Tetapi bila keputusan dibuat oleh pihak kerajaan kita mesti akur. Itulah demokrasi. Mungkin Yang Berhormat masih terkongkong dengan suasana waktu mentor dia jadi Perdana Menteri dahulu kot.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Bukit Gelugor.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Adakah Yang Berhormat Menteri fahami sesuatu prinsip *collective responsibility*, dengan izin bagi Kabinet. Kenapa Menteri Yang Berhormat dengan umum menyatakan hukuman mati patut dimansuhkan. Tidakkah ini melanggar *collective responsibility* Kabinet.

Kedua Tuan Yang di-Pertua angka-angka menunjukkan dalam negara ini dan negara-negara lain bahawa hukuman mati bukan satu *deterrent* dan oleh kerana itu tidakkah patut hukuman mati patut dimansuhkan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua pertamanya Bukit Gelugor bukan Perdana Menteri dan dia tidak pernah jadi menteri pun dia tidak tahu. Dalam suasana yang terbuka kita boleh bagi pandangan kita. Saya sudah sebut sudah tadi saya bebas bagi pandangan. Tetapi apabila kita buat keputusan kita akulah tidak seperti macam mentor dia ini, Kabinet sudah keputusan masih dok bising mengata lagi.

Nombor dua, kalau adanya hukuman mati yang kita kenakan dianya tidak menjadi *deterrent* bayangkan kalau kita tidak kenakan hukuman mati lagi banyak. Dalam dok hukum gantung itu pun masih lagi berlaku pembunuhan. Kalau tidak dihukum gantung lagi banyak saya percaya. Sebab itu saya ingin menyatakan bahawa kerajaan tetap dengan pendirian iaitu supaya kita meneruskan mengekalkan dalam soal hukuman mati ini dalam kes jenayah yang serius dan berat.

13. Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sejak bilakah kerajaan mula memberi cukai jalan percuma kepada "kenderaan empat pacuan" di Cameron Highlands dan apakah asas-asas pemberian keistimewaan tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit yang telah mengemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua kenderaan-kenderaan pacuan empat roda yang digunakan untuk membawa sayur di Cameron Highlands tidak diberikan Lesen Kenderaan Motor ataupun cukai jalan percuma sebaliknya mereka diberikan pengurangan bayaran LKM sebanyak 90%. Dengan kata lain, mereka masih perlu membayar kepada LKM pada kadar 10%. Bagi kenderaan pacuan empat roda yang dimiliki oleh mereka, pengurangan LKM ini telah diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan sejak 27 Oktober 1987 lagi. Tempoh pengurangan adalah selama lima tahun dan akan tamat pada 27 Oktober 2007.

Pengurangan ini hanya diberikan kepada kenderaan pacuan empat roda yang membawa sayur sahaja. Bagi kenderaan lain, kadar LKM adalah seperti mana kadar LKM biasa. Pengurangan ini juga diberikan kepada kenderaan-kenderaan pacuan empat roda yang hanya digunakan di sekitar Cameron Highlands sahaja.

JPJ negeri Perak dari semasa ke semasa memantau pergerakan kenderaan-kenderaan ini agar tidak beroperasi melebihi kawasan yang dibenarkan. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas pemilik kenderaan sekiranya mereka beroperasi melebihi kawasan yang telah dibenarkan. Terima kasih.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Juga terima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi kemudahan ini kepada penduduk di Cameron Highlands. Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, Tuan Yang di-Pertua, bimbang saya tanya soalan ini. Sebenarnya....

Tuan Devamany a/I S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Cari pasal ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, dahulu orang membeli, orang ramai membeli kereta diesel, terutamanya peniaga. Oleh kerana untuk mengurangkan beban perbelanjaan harga minyak yang tinggi. Tapi pada hari ini harga minyak diesel dan harga minyak petrol tidak banyak perbezaannya.

Kalau dahulu misalnya harga diesel RM0.70, kadar *road tax* atau pun kadar cukai jalan, minta maaf. Adalah bagi kereta *four wheel drive* yang besar ini kadang-kadang hampir RM15 ribu. Jadi hari ini harga minyak diesel telah naik hampir sama dengan minyak petrol. Adakah pihak kerajaan juga bercadang untuk mengkaji semula formula cukai jalan ini supaya faedah ini dapat juga dirasakan oleh mereka yang memakai kenderaan diesel terutamanya peniaga-peniaga, kerana peniaga ini bukan semua peniaga besar, peniaga kecil pun menggunakan kenderaan diesel dengan tujuan untuk menjimatkan pada asalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Apakah cadangan, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji formula cukai jalan diesel ini supaya seimbang dan mendapat faedah daripada keadaan sekarang? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat hari ini, Kementerian pengangkutan atau pun kerajaan belum lagi membuat sesuatu keputusan untuk mengkaji semula dari segi peruntukkan, minta maaf. Cukai jalan untuk dikenakan kepada pemilik kereta diesel atau pun dibandingkan dengan petrol. Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat kalau kita menengokkan kereta, kenderaan-kenderaan diesel pada hari ini yang juga sama canggihnya dengan kenderaan-kenderaan yang menggunakan minyak petrol.

Tapi setakat ini belum ada lagi, tapi saya akan kemukakanlah pandangan Yang Berhormat ini kepada pihak Kementerian dalam masa yang terdekat ini. Terima kasih.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setuju kah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kenderaan-kenderaan pacuan empat roda ini, pacuan ini yang digunakan untuk kebun-kebun sayur tidak berupaya di bawa ke jalan-jalan biasa dan turun ke bawah, satu.

Dua, setuju kah bahawa insentif yang diberi telah pun menjanakan ekonomi Cameron Highlands sehingga memberi keuntungan yang begitu banyak sekali di dalam mengurangkan pengimportan sayur seluruh Malaysia? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Macam saya perkatikan tadi, kemudahan ini hanya diberi kepada pembawa-pembawa sayur di sekitar Cameron Highlands. Ini adalah kuasa yang terletak di tangan Menteri Pengangkutan kita.

Kalau ada cadangan-cadangan seumpama ini atau pun sesuatu yang difikirkan boleh memberi kebaikan atau pun dari segi ekonominya kepada keseluruhan masyarakat kita yang terlibat dengan penanaman sayur-sayuran ini, saya rasa boleh Yang Berhormat atau pun sesiapa mengemukakan kepada Menteri Pengangkutan. Ini adalah terpulang kepada budi bicara Menteri Pengangkutan untuk nak melulus atau tidak meluluskan atau dari segi kemudahan yang telah diberi selama ini. Terima kasih.

14. Tuan Razali bin Ibrahim [Muar] minta Perdana Menteri menyatakan, strategi baru terutama dalam RMK-9 dalam gerakan bersepadu kerajaan membasmi kemiskinan rakyat dan nyatakan halangan-halangan utama yang perlu diatasi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kadar kemiskinan keseluruhan berada di tahap yang rendah iaitu 5.7 peratus pada tahun 2004, kerajaan akan terus memberi perhatian untuk menghapuskan sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Di antara strategi utama pembasmian kemiskinan bawah RMK-9 adalah seperti berikut;

- (i) memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan bagi menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan. Usaha mempergiatkan pertumbuhan ekonomi di luar bandar akan ditumpukan antara lainnya kepada pembangunan pusat pertumbuhan baru serta mempelbagaikan pembangunan industri berasaskan sumber seperti industri kraf tangan, ecotourism, pertanian dan sebagainya. Di bandar pula, pertumbuhan yang berterusan juga akan menjana lebih banyak peluang meningkatkan pendapatan dan aktiviti-aktiviti ekonomi di sektor formal dan tidak formal;
- (ii) mempergiatkan pembangunan modal insan menerusi program pendidikan dan latihan. Tumpuan khusus diberikan kepada usaha menggalakkan latihan sepanjang hayat, serta meningkatkan akses kepada ICT dan di kalangan belia di luar bandar;
- (iii) meningkatkan pembangunan luar bandar dan sektor pertanian melalui program ekonomi seperti projek penternakan akuakultur, bantuan peralatan dan input pertanian, khidmat nasihat, kemudahan pinjaman kredit mikro, pembangunan industri desa dan sebagainya. Bagi golongan miskin bandar; program penjanaaan pendapatan, pendidikan dan latihan, serta penubuhan pusat maklumat akan memberi peluang kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah meningkatkan akses kepada peluang meningkatkan pendapatan masing-masing;
- (iv) menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti perumahan, bekalan air bersih, elektrik, kemudahan infrastruktur, kesihatan, pendidikan di kawasan luar bandar. Manakala di kawasan bandar, tumpuan diberikan kepada penyediaan kemudahan perumahan dan infrastruktur kepada penduduk setinggan kampung tradisional dan kampung baru;
- (v) memberi tumpuan khusus kepada kelompok-kelompok miskin di bandar dan luar bandar. Serta negeri-negeri yang mempunyai bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar yang tinggi melalui pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan Program Pembangunan Masyarakat Orang Asli, Pembangunan Tanah Wakaf, Pembangunan Tanah Peribumi dan Adat, terutamanya di luar bandar. Manakala Program Pembasmian Kemiskinan Bandar yang meliputi penyediaan perumahan, penjanaaan pendapatan dan sebagainya pula ditumpukan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar;

- (vi) mempertingkatkan keberkesanan jentera pelaksanaan dan memperkemas mekanisme penyelarasan dan pemantauan meliputi pembangunan pangkalan maklumat yang tepat dan kemas bagi membantu perancangan, penyelarasan serta pemantauan program dan projek pembasmian kemiskinan; dan
- (vii) menggalakkan sektor swasta dan badan bukan kerajaan memainkan peranan lebih besar dalam melengkapkan usaha kerajaan bagi menghapus sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan menjelang 2010.

Tuan Yang di-Pertua, halangan utama yang perlu diatasi bagi memastikan kejayaan usaha pembasmian kemiskinan dicapai sepenuhnya ialah;

- (i) sikap setengah kumpulan sasar yang mengharapkan bantuan kerajaan secara berterusan serta tidak berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri;
- (ii) maklumat yang kurang tepat dan kemas mengenai kumpulan sasar bagi membantu perancangan projek dan mengelakkan *miss targeting*; dan
- (iii) daya tahan ataupun *sustainability* projek yang dilaksanakan serta keupayaan jentera pelaksanaan penyelarasan dan pemantauan projek.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kerajaan mengambil langkah holistik seimbang dalam menyelesaikan masalah kemiskinan dan kita mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk mengurangkan 5.7 kepada separuh pada tahun 2010. Dan saya juga dapati daripada 11.5 bilion, ada lebih kurang 10 program yang disebut tadi tidak kurang daripada lima kaedah untuk penyampaian.

Cuma soalan saya, kerajaan ada mengumumkan tentang pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk menempatkan semua data-data ini. Bilakah perkara ini dapat kita laksanakan dan apakah garis kemiskinan terkini negara termasuk garis kemiskinan tegar kerana kita dapati bila mendekati golongan sasar, tahap-tahap yang digunakan atau pun pendapatan isi rumah yang digunakan itu berbeza-beza. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkenaan dengan pengumpulan data, sudah tentulah itu merupakan satu perkara yang paling *urgent* kepada kita, untuk kita memastikan supaya sasaran kita itu dapat dikenal pasti dan dapat kita capai, maka pengumpulan data itu merupakan satu perkara yang amat penting untuk dilaksanakan secepat mungkin.

Yang keduanya tadi berkenaan dengan apa tadi?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Garis kemiskinan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Garis kemiskinan ini, saya kira di dalam perbincangan kami, di dalam Kabinet dan juga di dalam *briefing*, kita tidak boleh begitu jumud

ataupun *rigid* berkenaan dengan tahap pentakrifan ini. Ianya perlu dikaji dan pada masa ke semasa kita akan menentukan garis itu untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan, garis kemiskinan tegar dan garis kemiskinan yang baru telah pun diputuskan oleh kerajaan. Dalam proses untuk kita mencapai matlamat miskin sifar ataupun tegar sifar. Saya yakin dan percaya bahawa pendekatan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bersifat gerakan bukan secara gerak tumpuan atau tembak sasaran tetapi tembak secara peluru tabur.

Adakah pihak kerajaan memikirkan satu pendekatan atau satu model pendekatan bersepadu yang mana kita sudah kenal pasti orang yang miskin dan miskin tegar ini, kita adakan satu modus operandi di peringkat akar umbi khususnya sama ada di kampung ataupun di kawasan bandar supaya program pembangunan sosioekonomi dapat disasarkan secara tepat dan mempercepatkan lagi pencapaian matlamat yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang besar yang dihadapi oleh kita ialah kerana mereka yang berada di dalam keadaan miskin tegar ini mereka bertaburan. Kita tidak boleh mengkhususkan kepada satu daerah sahaja di mana miskin tegar itu wujud. Sebab itu kena bertabur sikitlah senapang kita itu. Jadi oleh kerana itu, apa yang kita perlu ialah untuk kita memantapkan lagi di peringkat daerah, kita punya jentera di sana supaya kita akan dapat memastikan iaitu bahawa mereka dapat.., sebab saya kata satu dua halangan kerana *miss target*. Jadi, kita punya jentera di peringkat daerah itu sudah ada dan mereka yang kena memainkan peranan untuk memastikan iaitu bahawa mereka mencari mereka-mereka yang dianggap sebagai miskin tegar ini apabila dapat dikenal pasti, barulah kerajaan boleh melaksanakan program untuk menghapuskan dia.

Jadi yang saya hendak sebut di sini ialah, kita kena mantapkan jentera kita di peringkat akar umbi itu sendiri yang sememangnya sedia ada.

15. Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak kementerian bercadang untuk membina SJK(C) di Taman Selasih, Kulim memandangkan kawasan ini merupakan sebuah kawasan perumahan yang mempunyai penduduk yang padat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa prihatin dengan keperluan pendidikan terutama di kawasan perumahan dan kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Di samping itu kementerian sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum dan golongan masyarakat. Oleh itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah merancang pembinaan sekolah baru, bangunan tambahan dan juga bangunan gantian digunakan di Kulim. Terima kasih

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanya kepada pihak kementerian, apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu kawasan, apakah keperluannya? Adakah pihak kementerian sudi mengkaji semula ataupun sedia menimbang atas permohonan ataupun rayuan-rayuan yang diadukan kepada pihak kementerian oleh orang-orang tempatan sebab di kawasan Taman Selasih ini ada lebih kurang 15,000 buah rumah dan di sekelilingnya masih lagi ada pembinaan rumah-rumah. Jadi saya hendak minta sedikit penjelasan tentang kriteria-kriteria yang digunakan oleh kementerian. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, dalam perancangan untuk sekolah-sekolah baru, gantian dan sebagainya, memang kami akan menukar fikiran dengan penduduk di situ dan juga mendapatkan maklum balas daripada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan juga Jabatan Pelajaran Negeri.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia, beberapa projek pembangunan pendidikan di Kulim telah pun dirancang dan ini termasuk dua sekolah rendah baru, tiga projek bangunan tambahan dan dua projek bangunan gantian. Dan kos bagi tujuh projek ini di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan akan menampung perbelanjaan RM22.9 juta.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat ada apa-apa pandangan ataupun maklumat, kami jemput Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan kepada kementerian untuk pertimbangan sewajarnya. Terima kasih .

17. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kerajaan bercadang meminda Perlembagaan untuk memberi hak 'kekebalan' kepada semua Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan supaya mereka memainkan peranan 'Penyelia' dan 'Pengkritik' dengan lebih berkesan lagi dalam pentadbiran PBT.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memberikan hak kekebalan kepada Ahli Majlis PBT. Untuk makluman Ahli Majlis, PBT adalah dikecualikan dari sebarang tanggungan dari menjalankan tugas dengan niat baik sebagai Ahli-ahli Majlis, menurut seksyen 33 Akta Kerajaan Tempatan iaitu Akta 171. Oleh yang demikian, ini adalah mencukupi bagi melindungi mana-mana ahli dari sebarang tanggungan dalam melaksanakan tugas dan amanah mereka.

Seperti yang diketahui, pelantikan Ahli Majlis adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam seksyen 10 Akta 171. Seksyen yang sama juga telah menetapkan syarat-syarat dan kelayakan yang perlu dipenuhi bagi pelantikan-pelantikan Ahli-ahli Majlis dan di antara syarat-syaratnya ialah bermastautin tetap di kawasan PBT, mempunyai pengetahuan yang luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan, serta telah

mencapai kejayaan membanggakan dalam sesuatu profesion. Pelantikan Ahli Majlis di bawah seksyen 10 Akta 171 ini meletakkan satu amanah bagi mereka menjalankan tugas sebagai sebahagian daripada pentadbiran PBT. Di antara peranan Ahli-ahli Majlis ialah:

- (i) untuk memberi nasihat dan bantuan pakar mengikut bidang profesion masing-masing dalam membangunkan sesuatu kawasan PBT;
- (ii) mewakili rakyat ataupun kumpulan masyarakat bagi menyampaikan kehendak dan keperluan rakyat kepada PBT;
- (iii) untuk menjadi perantara bagi menerangkan kepada rakyat akan dasar-dasar yang telah diputuskan oleh kerajaan dan PBT;
- (iv) untuk mendapat maklum balas dan pandangan rakyat ke atas kesan pelaksanaan sesuatu dasar atau projek yang dilaksanakan oleh PBT; dan
- (v) untuk mendapat maklum balas dari orang ramai tentang penyelewengan yang dilakukan oleh kakitangan PBT dan melaporkan penyelewengan kepada pengurusan PBT atau kerajaan negeri untuk diambil tindakan dan sehabisnya menjadi *Area Officer* bagi sesuatu kawasan yang ditetapkan untuk mengenal pasti dan melaporkan kepada PBT sebarang kerosakan atau kecacatan untuk diambil tindakan pemulihan segera oleh PBT.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Soalan tambahan. Memang dari pengalaman saya sendiri, saya pernah bertugas sebagai seorang Ahli Majlis PBT, bahawa memang mereka tidak bebas untuk mengkritik banyak perkara di dalam mesyuarat. Pernah Ahli Majlis diugut mengambil tindakan mahkamah oleh kerana mengomen tentang penyelewengan dalam pengurusan kontrak dan sebagainya. Saya masih harap kerajaan akan menimbangkan memberi *immunity* kepada Ahli-ahli Majlis bila mereka mengucapkan sesuatu dalam mesyuarat. Itu adalah penting untuk meningkatkan keberkesanan pentadbiran PBT. Soalan tambahan saya, bagaimana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menangani masalah penyelewengan pengurusan kontrak-kontrak di peringkat PBT memandangkan sekarang ada Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan di peringkat kerajaan negeri. Dan banyak perkara nampaknya di bawah hak kuasa pengerusi jawatankuasa di peringkat negeri dan bukan pada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dan bagaimana kedua-dua unit kerajaan ini, di peringkat negeri dan peringkat Persekutuan menyelaraskan kuasanya untuk menangani masalah, menangani penyelewengan pengurusan kontrak untuk projek-projek pembangunan negeri.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Satu adalah tentang keperluan, supaya mereka diberi satu kebebasan untuk memberi pandangan tanpa di ugut oleh mana-mana pihak. Seperti yang telah

saya jawab tadi, ada di dalam akta yang memberi kuasa untuk Ahli-ahli Majlis, iaitu di dalam perkara-perkara yang secara langsung ada tanggungjawab dengan tugas mereka sebagai Ahli Majlis, untuk membawakan, membangkitkan, dan memberi pandangan, selaras dengan tanggungjawab mereka.

Di dalam perkara itu, tiada ada pihak mana pun yang boleh membuat ugutan kepada mereka, supaya untuk menjadi satu penghalang, supaya mereka tidak boleh membuat, menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Itu termaktub dan ada kawalan di dalam akta kerajaan tempatan, buat sementara pada masa sekarang. Kalau ada kejadian-kejadian yang tertentu, di mana satu-satu Ahli Majlis telah diugut oleh pihak-pihak pentadbiran di Majlis, semasa mereka menjalankan tanggungjawab mereka, perkara ini boleh dibawa ke pandangan kementerian kita.

Bahagian kedua yang telah dibangkitkan adalah tentang tanggungjawab kementerian di dalam menjaga dan memantau Pihak Berkuasa Tempatan di dalam mereka menjalankan projek-projek. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum bahawa, pengurusan PBT adalah di bawah pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri, dan kuasa lebih kepada kerajaan negeri secara langsung untuk memantau. Walau demikian pun, di kementerian kita, kita telah mewujudkan satu bahagian pemantauan untuk memantau segala projek yang dilaksanakan oleh PBT yang telah diberi peruntukkan kepada kementerian dan untuk memantau bahawa PBT mengikut dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Segala dasar yang telah ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan yang telah disalurkan oleh PBT, perkara-perkara dipantau oleh bahagian ini, untuk menetapkan bahawa segala dasar termasuk dasar-dasar kewangan yang di tetapkan oleh Kementerian Kewangan, diikuti oleh PBT dan melaksanakan projek-projek mereka.

Dengan cara ini, kita berharap penyelewengan di kalangan PBT boleh dikurangkan dan di jaga. Terima kasih.

Dato' Haji Mat yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya hendak minta pandangan Setiausaha Parlimen, terhadap watak K.S.W ini, Karam Singh Walia. Nampaknya dia menjadi seorang yang lebih berkesan daripada pemimpin yang lain. Jadi dalam konteks PBT ini, yang penting ialah langkah-langkah yang berkesan, apakah kementerian hendak mengambil satu panduan, iktibar daripada watak K.S.W ini, dengan segala ibaratnya. Nampaknya apabila dia turun sahaja, melihat kelemahan dan pendedahan, dalam tempoh satu, dua hari selesai masalah itu. Apakah hendak mengambil pengajaran daripada watak ini, Setiausaha Parlimen?

Dr. S. Subramaniam: Maklumat tentang masalah di mana-mana tempat boleh dibawa kepada PBT melalui beberapa saluran, termasuk Ahli-ahli Majlis PBT, pemimpin-pemimpin di akar umbi seperti JKKK dan termasuk Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang menjaga kawasan. Walaupun perkara ini berlaku dan mereka semua menjalankan tugas mereka dengan baik, dan membawa pandangan tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh rakyat di

beberapa tempat, dan tindakan sedang di ambil oleh kerajaan, kadang-kadang media massa masuk campur tangan dengan masalah-masalah ini dan bila satu-satu perkara sudah masuk ke media massa ini adalah satu kebiasaan di mana jika perkara itu dihebahkan kepada satu jumlah rakyat yang luas, itu memang mendatangkan kesan yang lebih positif. Tetapi itu tidak bermakna, saluran-saluran lain, atau jentera pentadbiran yang lain tidak menjalankan tanggungjawab mereka di dalam menyelesaikan masalah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Ahli Yang Berhormat, ditamatkan sekarang jawapan lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan." ***[7 September 2006]***

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan Belanjawan atau Bajet disambung semula. Saya jemput Yang Berhormat bagi Johor Bahru untuk menyambung ucapan.

12.29 pagi

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada Khamis yang lalu, saya ada menyentuh mengenai dengan pelantikan Ketua Setiausaha Negara yang baru. Saya turut juga mengucapkan tahniah kepada beliau dalam jawatan yang baru itu. Namun demikian, saya berharap bahawa selain daripada sikap *just do it*, iaitu amalan *NIKE* yang

digunakan sebagai cogan kata, Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara harus jugalah dilihat kepada cara perkhidmatan awam yang berlainan untuk tujuan menentukan agar rakyat dan masyarakat mendapat faedah yang lebih baik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita perlu mempunyai pemikiran yang semasa, iaitu kalau kita lihat sekarang ini, saya juga rasa bahawa harus juga difikirkan bagaimana hendak disampaikan perkhidmatan awam ini dengan lebih berkesan.

Adanya kecenderungan umpamanya kalau Jabatan Haiwan, ibu pejabat Jabatan Haiwan, Ibu Pejabat Jabatan Pertanian itu, diletakkan atau ditempatkan di ibu negeri. Jadi saya rasa pelik mengapa umpamanya di Johor Bahru, Jabatan Haiwan, diletakkan di dalam Bandaraya Johor Bahru umpamanya. Atau Jabatan Pertanian diletakkan di Kota Kinabalu, sedangkan kumpulan sasar yang hendak dibela ini duduk luar dan kegiatan ekonomi yang berkenaan luar daripada bandar atau ibu negeri. Jadi mungkin KSN yang baru ini boleh mempunyai satu cara yang berlainan, cara yang baru, bukan untuk menjadi satu tokoh yang popular, atau hendak menjadi lain daripada yang lain atau hendak menjadi, kalau betul-betul hendak mencapai amalan *NIKE* dengan *just do it* itu, jadi mereka yang membuat itu atau melakukan tanggungjawab mereka, mestilah dekat dengan kumpulan sasar.

Itu satu yang saya harap, saya percaya bahawa Tan Sri KSN yang baru ini akan dapat memainkan peranan yang baik tetapi dengan syarat, kenalah laksanakan moto itu dengan betul, kerana kumpulan yang melakukannya, dan kumpulan yang menunggu untuk dilakukan khidmat itu, mestilah dirapatkan. Silakan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Bagi Johor Bahru terima kasih juga. Saya tahu Yang Berhormat bagi Johor Bahru baru nak *flow* tu, jadi sebelum *flow* tu laju, saya kacau sekejaplah. Berkenaan dengan moto, "*Just Do It*" ini, Yang Berhormat. Kalau saya masih ingat moto, "*Just Do It*" dipopularkan oleh *NIKE* apabila ada seorang pemain bola keranjang namanya Michael Jordan yang telah melakukan sesuatu luar biasa Yang Berhormat. Dia boleh melompat di udara. Dia punya *airtime* itu lebih daripada *four second*. Jadi "*Just Do It*" kerana melakukan sesuatu yang luar biasa. Pada masa yang sama, "*Just Do It*" ini juga membawa maksud lupakan segala birokrasi, proses dan sebagainya, buat asal benda itu berlaku dan sedikit sebanyak juga nanti kita kata mungkin akan berlaku masalah integriti, masalah transparensi dan pelbagai masalah. Maknanya jangan terlalu menganalisis. Adakah ini baik ataupun tidak baik kepada seorang pegawai kerajaan untuk melakukan sesuatu dengan melupakan peraturan-peraturan asas dan sebagainya? Saya hendak minta Yang Berhormat komen sedikit tentang perkara ini. Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak beralih kepada bab yang lain daripada perkhidmatan awam di peringkat Kerajaan Pusat. Tetapi namun demikian saya rasa bahawa amalan "*Just Do It*" itu memanglah satu slogan yang baik, "buatlah" pasal masalah yang saya lihat bahawa biasanya perkhidmatan awam ini ia mencari sebab bagaimana hendak menyatakan "*No*". Selalunya dia hendak cepat, hendak mudah, dia cari kata "*No*" dan dia tidak akan bagi sebab-sebab mengapa ianya tidak dapat dilakukan. Jadi mungkin ini kita mengambil prasangka yang baik bahawa ianya satu-satunya yang positif, ianya menunjukkan sikap yang positif untuk melaksanakan.

Jadi tentulah soal integriti kena jaga, soal peraturan kena jaga tetapi jangan pula jadikan peraturan itu sebagai penghalang untuk sesuatu dilaksanakan. Ada kebimbangan saya juga kalau "*Just Do It, Just Do It*" itu kalau cakap Melayu pula "*just duit, just duit*", jadi cerita lain. Jadi saya berharap bahawa kita ini faham bahawa nasib baik kita *bilingual*, kita faham bahawa ianya bahasa Inggeris...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [*Bangun*]

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Sebelum Yang Berhormat beralih kepada perkara lain, perkara ini relevan juga dengan yang saya maksudkan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi supaya yang lebih penting ialah bagaimana agensi kerajaan ini terutamanya mengambil sikap mempermudah atau dalam Bahasa Inggeris, *to facilitate*. Dalam setiap tindakan, dalam setiap perancangan, dalam setiap prosedur, harus ada sikap untuk memudahkan.

Tadi Yang Berhormat menyebut agensi yang berkaitan dengan pertanian misalnya, tidak patut duduk di Kuala Lumpur, tidak patut duduk di ibu negeri tetapi di mana kumpulan sasaran itu. Bermakna memudahkan petani dan orang ramai berjumpa. Jadi dari segi prosedur dan sebagainya. Tetapi bagaimana sikap itu pula, Yang Berhormat bagi Johor Bahru, adakah perlu setiap orang itu dalam kepalanya, bagaimana hendak membantu, bagaimana hendak memudahkan. Ini yang lebih utama saya rasa, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya bersetuju. Sebab itu saya mempunyai sangkaan baik bahawa amalan slogan "*Just Do It*" merupakan sesuatu yang positif dan memanglah patutnya dipermudahkan dan jangan kita ini terlalu sangat menumpukan kepada politik dalaman dan keperluan organisasi kerana perkhidmatan awam ini satu organisasi yang besar. Jadi keperluan untuk hidup dan bertahan dalam organisasi-organisasi yang besar itu pun mungkin memesongkan kita daripada matlamat ataupun tugas dan tanggungjawab kita yang sebenar.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, peranan perkhidmatan awam ini boleh dipengaruhi oleh juga pemimpin-pemimpin politik terutamanya mereka yang duduk di pihak pentadbiran atau eksekutif. Saya bimbang umpamanya kalau melihat kepada dasar dan strategi yang diumumkan oleh kerajaan bahawa adanya begitu lama tempoh untuk dilaksanakan dengan baik. Bukan sahaja dari segi pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ataupun bajet yang kita baru bentangkan di sini tetapi juga umpamanya kita ambil satu contoh, Dasar Automotif Negara.

Dasar Automotif Negara diumumkan pada bulan April yang lalu tetapi hari ini masih lagi pegawai-pegawai kerajaan, pihak yang bertanggungjawab tentang pelaksanaan dasar ini masih terkial-kial, masih lagi samar-samar dari segi impak yang sebenarnya dan peraturan yang sebenarnya atau faedah yang sebenarnya daripada dasar ini. Jadi apabila pihak pelabur dan pihak pengusaha berhadapan dengan satu kesamaran dan kurang fahaman daripada kalangan pihak pentadbir awam, ia menimbulkan satu kesan yang tidak baik dan kita selalu mendapat laporan umpamanya, pegawai kerajaan punya reaksi, dia kata, "Itu Perdana Menteri yang cakap. Itu dalam surat khabar. Itu bukan kita punya tugas. Itu bukan tanggungjawab kita."

Walaupun rakyat mendengar pengumuman dasar yang berkenaan tetapi pelaksanaannya menghadapi masalah dan saya bukan hendak katakan salah kepada mereka yang menjadi pegawai-pegawai kerajaan tetapi saya rasa bahawa menteri yang bertanggungjawab, Kabinet yang bertanggungjawab janganlah pula hanya serah semuanya kepada menteri. Ini kita ada sistem timbalan-timbalan menteri. Jadi pakailah mereka juga. Mereka ini bukanlah golongan orang yang tidak faham. Tentulah kalau bandingkan dengan menteri yang bertahun-tahun...

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Nanti dulu, belum habis, tengah-tengah ayat. Duduk, sila. Kalau bandingkan dengan menteri-menteri yang lama-lama, tentulah kita ada timbalan menteri yang baru dan sebagainya, tentulah dia angin bertiup pun dia tahu monyet ke ataupun pokok bergoyang dia sudah tahu sama monyet ataupun angin. Ini kalau menteri yang lama-lamalah, orang politik lama-lama. Jadi kita kenalah memperkasa juga ahli-ahli politik kita, Ahli-ahli Parlimen kita yang duduk di jawatan-jawatan timbalan menteri, yang duduk di jawatan sebagai setiausaha Parlimen kerana mereka menjadi anggota pentadbiran, *members of the administration* dan mempunyai tanggungjawab yang sama.

Jadi kalau kuasa itu diturunkan kepada pihak timbalan menteri, dasar yang diumumkan itu lebih mudah untuk dilaksanakan kerana adanya kerja-kerja yang mungkin menteri tidak sempat buat, kita suruh timbalan menteri buat. Ya, Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Saya memang tertarik dengan kenyataan bahawa kadang-kadang pengumuman dasar dibuat dan diumumkan dan pegawai-pegawai kerajaan menyatakan mereka tidak mengetahui ataupun tidak bersedia untuk membuat perancangan yang baik. Tetapi Yang Berhormat juga menyatakan menteri tidak boleh disalahkan. Mengapa tidak? Saya rasa menteri yang perlu disalahkan kerana...

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya hendak membetulkan Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya kata bukan sahaja pegawai kerajaan yang boleh disalahkan. Dia tidak dengar. Saya minta maaf.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Jangan sensitif.... [Ketawa] Saya orang tua, tidak berapa dengar. *Point* yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru memang baik. Saya juga bersetuju kadang-kadang dasar diumumkan tetapi orang bawah tidak tahu, termasuklah pegawai kerajaan. Tetapi saya ingin mencadangkan kerana kita dengar banyak, bukan sahaja *automotive policy*, kita juga dengar perancangan kompleks sukan RM119 *million*, kita dengar macam-macam pengumuman. Tetapi bukankah sepatutnya tanggungjawab menteri dan Kabinet untuk menyediakan polisi itu, memperjelaskan kepada kakitangan kerajaan, memperjelaskan kepada semua sebelum diumumkan. Bukankah itu yang sebaiknya?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Ini yang saya maksudkan bahawa kalau diumumkan dasar tetapi setelah diumumkan dasar, sudah mesti pastinya juga ada dia punya pelan tindakan. Kalau menteri tidak ada masa, bagi kepada timbalan-timbalan menteri. Apa salahnya timbalan-timbalan menteri ini dilatih untuk melaksanakan sama?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Sudah ada pula? Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak, kita melihat seolah-olah dalam pentadbiran kita ini ada *launching syndrome* iaitu belum ada perancangan tertentu, Menteri umum itu, umum ini. Contohnya, empat tahun yang lalu pengumuman pewujudan *Community College* di seluruh kawasan Parlimen. Ini menteri cakap. Kita pula wakil rakyat temberang pergi kampung, kita diberi *Community College* di kawasan. Sekarang rakyat tanya, "YB, mana itu *Community College*? Sudah lima tahun tidak ada."

Jadi apakah Yang Berhormat ada pandangan supaya perancangan yang sebegini jangan terus diumumkan kalau tidak ada asasnya. Bersetujukah Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Setuju.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya dengar suara di belakang ada yang bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Ini bukan, saya tidak hendak kata ini satu

sindrom, yang bahawa ianya masalahnya kerana hendak melancar satu-satu dasar. Saya rasa ini bukan sindromnya. Saya rasa yang menjadi masalah ialah bahawa kita ini semua satu pasukan. Bukan kita ini satu *group exclusive* perkhidmatan awam, kita *group exclusive* Kabinet, lepas itu kumpulan Timbalan-timbalan Menteri, lepas itu Timbalan Menteri pula tidak tengok pada Setiausaha-setiausaha Parlimen, lepas itu kami Ahli-ahli Parlimen biasa, kita sebenarnya satu *team*, satu pasukan dan kalau boleh digalakkan supaya kita buat masing-masing buat kerja kita. Saya rasa *insya-Allah* ia tidak menjadi satu sindrom, tetapi Tuan Yang di-Pertua, memanglah ianya kelihatan bahawa adanya kelemahan dari segi pelaksanaan satu-satu dasar setelah diumumkan.

Saya ambil contoh Parlimen sahajalah. Pelan Integriti Nasional diumumkan bulan April 2004, sudah ada juga dia punya dasarnya, strateginya, programnya dan siapa yang patut dilaksanakan. Bagi Parlimen sahaja Tuan Yang di-Pertua, enam *point*, enam perkara, enam program yang patut dilaksanakan. Satu setengah dilaksanakan oleh BNBBC, bagi pihak ahli-ahlinya menyahut Pelan Integriti Nasional. Yang kami ini menyahut Pelan Integriti Nasional yang diumumkan oleh Perdana Menteri, tetapi sudah dua tahun mengapa Parlimen kita tidak boleh buat. Jawatankuasa *ethics*, satu *code of ethics*, kod etika, jawatankuasa etika, tidakkanlah susah sangat. Jadi ini maksud saya, bahawa sebenarnya kalaulah katakan Perdana Menteri sibuk, Timbalan Perdana Menteriilah, kalau Timbalan Perdana Menteri sibuk, ok. Menteri jaga Parlimen pun boleh buat, bukan susah sangat benda-benda ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Oh, Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Daripada hujah Yang Berhormat tadi, adakah Yang Berhormat menyatakan bahawa tidak wujud kerjasama di antara kalangan Ahli-Ahli Parlimen sama ada yang memegang jawatan di bahagian pentadbiran dengan bahagian yang lain, Ahli-Ahli Parlimen yang lain. Adakah pelan-pelan yang dibuat ataupun segala perancangan yang dibuat ini tidak difahami sepenuhnya oleh bahagian agensi-agensinya pelaksana?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi masalah ialah bahawa apabila kita bercakap dan kita dengar semua pemimpin bercakap tentang berfikir di luar kotak, *thinking out of the box*. Ini masalahnya bahawa kalau kita duduk dalam *compartment* kita sendiri atau kotak kita sendiri, tentulah kita akan melihat hanya kepentingan kita. Tetapi, kita kena lihat bahawa kita bukan duduk dalam kotak Kabinet, kita bukan duduk dalam kotak Timbalan Menteri, kita bukan duduk dalam kotak BBC atau pembangkang, kita duduk dalam kotak Parlimen dan juga sistem kerajaan dan soal kerjasama bukan tidak boleh

diatasi, ia hanya memerlukan kepada perubahan sikap, mengambil milik atau *take ownership* tentang dasar dan polisi yang telah diumumkan oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam usaha kerajaan, Perdana Menteri dan kita memperkasa sistem pentadbiran negara melalui Pelan Integriti Nasional lah, dan bermacam-macam-macam lagi. Hari ini, apakah Yang Berhormat juga bersetuju bahawa mungkin dengan pengekalan jawatan Perdana Menteri seumur hidup, Ketua Menteri, Menteri-Menteri Besar seumur hidup, mungkin sistem pentadbiran ini boleh berterusan dengan baik ataupun Yang Berhormat mungkin tidak bersetuju dengan cadangan daripada seorang pemimpin negara kita iaitu dikekalkan jawatan Ketua Menteri, Menteri Besar sampai mati, baru ganti. Minta pandangan.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya hanya bersetuju dengan satu Tuan Yang di-Pertua. Bahawa jawatan bekas menteri atau Perdana Menteri boleh sampai mati. Jawatan yang kita sandang bukan kita punya, ini datangnya daripada sokongan rakyat, mandat rakyat. Tidakkannya kita hendak balik kepada sistem *feudal*, di mana apabila jawatan kita sampai mati, lepas itu besok boleh bagi kepada anak kita atau isteri kita. Saya ingat itu sudah salah. Jadi tidak adalah soal jawatan sampai mati ini, saya ingat orang yang sudah pencen sahajalah jadi pihak pesara atau mantan macam saya, mantan menteri, jadi saya mantan Menteri sampai mati. Jadi kalau hendak ikut sistem Amerika Syarikat, kita boleh kekalkan panggilan *minister* itu sampai dia sudah bersara. Kalau katakan Presiden Amerika Syarikat, dia masih Presiden.

Umpamanya di kalangan duta-duta kita, di peringkat amalan perkhidmatan *foreign affairs*, atau amalan *community* masyarakat diplomatik, seorang itu apabila sudah jadi *ambassador*, dia punya gelaran itu kekal sampai mati, *ambassador* sekian-sekian. Itu *show* dialahkan. Jadi dia hendak syok sendiri dengan amalan nama, *ambassador* sampai mati, kita pun boleh amalkan bagi mantan-mantan jawatan-jawatan yang berkenaan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil balik perbahasan saya ini kepada soal perkhidmatan tempatan. Iaitu di mana sebenarnya saya pernah menyatakan perkara ini dan rakan-rakan saya pun menyatakan perkara ini bahawa kekesanan perkhidmatan awam ini harus dirasai oleh rakyat yang terdekat sekali yang memerlukan perkhidmatan ini. Perkhidmatan awam di peringkat tempatan merupakan perkhidmatan yang paling terdekat dengan rakyat.

Tetapi, kita menghadapi dengan pelbagai masalah dan sebab itu saya mengesyorkan kepada pihak kerajaan supaya kena mempercepatkan proses yang telah dibawa daripada cadangan-cadangan di kumpul daripada cadangan-cadangan daripada kerajaan-kerajaan negeri supaya perkhidmatan tempatan atau *local services* pihak berkuasa tempatan ini, perkhidmatan awamnya harus digabungkan di peringkat negeri supaya bukan adanya satu perkhidmatan tempatan bagi pihak majlis tempatan yang satu jadi mereka yang bekerja di situ tidak boleh

ditukar dan sebagainya, tidak boleh naik pangkat di tempat yang lain, tetapi dijadikan satu perkhidmatan awam yang lebih luas, yang lebih *unify*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan supaya dapat ditambahkan daya mampu perkhidmatan itu dan menjadikan perkhidmatan awam yang paling dekat dengan rakyat menjadi sebuah perkhidmatan awam yang kuat.

Itu yang pertama, yang kedua, pendapatan mereka juga harus ditambahkan. Hari ini kita lihat bahawa cukai hiburan, cukai jualan, cukai perkhidmatan dipungut, disimpan oleh pihak-pihak yang tidak kena-mengena dengan perkhidmatan yang diberikan di peringkat tempatan ini. Pengusaha hotel umpamanya, bayar cukai perkhidmatan, duit pergi balik ke KL. Buat apa KL hendak pakai duit itu? Duit perkhidmatan itu diberi di tempat yang berkenaan. Patutnya kekallah di situ supaya pendapatan yang lebih ini boleh dimanfaatkan kepada program dan projek yang menguntungkan yang akan memberi faedah dan manfaat kepada penduduk tempatan yang berkenaan. Jadi kita kena *decentralize* atau agihkan pembahagian pendapatan itu yang datangnya daripada cukai-cukai seperti ini supaya ada prinsip yang kita ikut, bahawa kalau cukai itu dipungut di Johor Bahru, balik di Johor Bahru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Baik, terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Adakah Yang Berhormat bagi Johor Bahru sedar bahawa apabila kerajaan mengumumkan baru-baru ini bonus dua bulan atau sebulan dalam bajet ini, sebahagian besar daripada kerajaan tempatan atau kakitangan di majlis daerah tidak akan mendapat bonus tersebut oleh kerana kekurangan *revenue* daripada majlis-majlis daerah tersebut. Setiap kali dinaikkan gaji yang diumumkan oleh Parlimen, mereka tidak dapat menikmati semua ini dan mereka tertanya-tanya "Ini hendak naik gaji, kami tidak dapat". Apa erti ini semua?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Ini contoh yang tambahan kepada apa yang saya cakap. Tetapi, prinsipnya Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita datang daripada akar umbi, apabila kita lihat bahawa kalau cukai hiburan, umpamanya dia di panggung wayang, apa pasal kerajaan negeri ambil pula, bagilah kepada bandar raya yang berkenaan, atau majlis daerah yang berkenaan, supaya dia pun boleh menggalakkan orang tengok wayang. Supaya pendapatan dia menjadi boleh ditingkatkan. Jadi maknanya ada hubung kait antara sumber pendapatan itu dengan pendapatan itu di mana dia patut dibelanjakan untuk memudahkan kepada pihak yang memungutnya itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Adakah Yang Berhormat sekarang ini ingin mencadangkan supaya mengadakan sistem cukai yang baru, yang mana cukai-cukai yang dipungut di kawasan-kawasan tertentu

dipulangkan kepada kawasan itu. Misalnya saya ambil macam kawasan saya di kawasan Sungai Petani, Kastam di Sungai Petani kutip cukai yang paling besar sekali di dalam negeri Kedah kerana perindustrian kawasan itu dan dipulangkan kepada kerajaan pusat. Adakah Yang Berhormat bercadang sistem cukai ini hendak kita ubahkan. Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya memang mencadangkan supaya ada perubahan, kerana kalau kita tidak ada hubung kaitnya usaha kita dengan pendapatan yang kita pungut dan perbelanjaan pendapatan itu bermakna semuanya akan datang ke Kuala Lumpur. Sebab itu hari ini kita lihat bahawa Kuala Lumpur sebuah kawasan, sebuah wilayah yang membangun. Semua hendak beribu pejabat di sini.

Saya pernah mencadangkan supaya FELDA umpamanya, apa pasal dia buat ibu pejabat dia di Kuala Lumpur. Kawasanya banyak di Pahang, di Johor, Sabah pun ada. Kenapa tidak boleh pergi ke Segamat. Impak, kesannya apabila satu kumpulan yang besar itu berpindah ke Segamat umpamanya, mana Ahli Yang Berhormat bagi Segamat, tidak ada sini. Tapi kalau pindah ke Segamat, sekolahnya baik, kawasan bandar itu akan bertambah baik, pendapatan masyarakat itu akan bertambah baik. Bermakna bahawa dengan adanya seorang Ketua Setiausaha Negara yang baru, fikirkanlah. Janganlah tidak hendak ubah. *Just do it...*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam kita berbicara ini, dunia sudah berubah Yang Berhormat. Sistem perundangan berubah, teknologi berubah. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya diubah sistem sekarang ini iaitu kita wujudkan pula jawatan timbalan KSN-KSN mewakili wilayah-wilayah. Sebab mungkin beban tanggungjawab KSN itu terlalu berat sebab menjaga seluruh negara. Jadi kalau ada timbalannya, fungsinya mungkin berbeza. Mungkin dia jaga wilayah Selatan, wilayah Sabah dan Sarawak, wilayah Utara dan meringankan beban dan mempercepatkan proses sistem penyampaian ini. Bersetujukah Yang Berhormat?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Itu satu cadangan yang baik. Saya pun terfikir nak sebut yang itu tapi saya tahu bahawa Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan akan mempunyai idea yang agak sama. Jadi saya terima dan saya hendak terus juga mencadangkan supaya boleh dipertimbangkan tapi tidak semestinya kerana tujuannya hendak sedapkan kawasan Kinabatangan atau kawasan Bintulu. Tidak. Berasaskan kepada *regional* ataupun wilayah mungkin kepada fungsi di dalam perkhidmatan awam itu sendiri kerana masalahnya yang saya bangkitkan pada hari Khamis yang lalu ialah KSN yang baru ini dia 28 tahun dalam satu kementerian. Jadi sudah terlalu *specialize* atau terlalu banyak pengkhususan.

Jadi akhirnya yang jelas nampak bahawa tidak ada perancangan kerjaya atau *career planning* dan juga tidak ada sebenarnya kalau tidak ada perancangan kerjaya maknanya tidak

ada langsung dasar pembangunan sumber manusia atau *human resources development policy*, tidak ada. Jadi tentulah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang kumpulan yang kita pun tidak tahu ini Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kerana Perkhidmatan Awam ini satu perkhidmatan yang bebas. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam saya menyerulah, tengoklah betul-betul kepada keadaan perkhidmatan awam ini betulkanlah dan mintalah supaya ada perubahan-perubahan seperti seorang Timbalan Ketua Setiausaha Negara kah dan Timbalan Ketua Setiausaha Negara itu bukan seorang yang automatik menjadi Ketua Setiausaha Negara. Dia melaksanakan tanggungjawab yang di bawah tugas dan tanggungjawab Ketua Setiausaha Negara itu sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kadang-kadang ada juga macam Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Arau selalu berbincang secara sulit di belakang. Jadi terbuka sekarang ini.

Tadi Yang Berhormat menyebut soalan perubahan. Saya juga berasa satu pemikiran mungkin tidak boleh dikatakan curiga ataupun bimbang tetapi di bawah dari segi *degree* dengan izin. Soalan seseorang yang *highly specialize* ataupun pengkhususan yang begitu rupa, kerana kita bimbang kalau ada perubahan memang ada sedikit gegaran dan mendatangkan masalah kepada pihak-pihak lain. Dan perubahan ini perlu dan penting oleh kerana kita tidak mahu negara kita masih terikut-ikut dengan cara lama dan cara-cara yang mungkin dianggap lapuk, dan sepatutnya kita berterusan mencari perubahan kepada yang baru dan yang membina. Tapi ada kadangkala pegawai, bahkan orang politik kalau memasuki satu jabatan dia hendak menunjukkan perubahan dia ubahkan pejabat, dia ubah tempat duduk, kerusi meja, *physical change* tapi *mindset change* itu jarang orang memikirkannya.

Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat supaya *the change of mindset* patut difikirkan oleh KSN yang baru ini supaya banyak perubahan yang sebenar secara *software* boleh dilaksanakan untuk mendatangkan objektif yang positif kepada negara ini. Serta berbincang dengan masyarakat atau pihak-pihak yang boleh memikirkannya juga dan membantu persoalan perubahan minda dan perubahan daripada segi jangan fikir dalam *box* sahaja tapi fikirlah keluar *box*. Khususnya pelantikan-pelantikan orang dalam *commission*, pelantikan-pelantikan orang dalam lembaga dan sebagainya janganlah cari.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ... Yang bersara daripada jabatan ini sampai KSU dapat ke DG lantik kepada *commission* ini tapi mereka ini ialah mereka yang telah di *box mind* dia, tidak ada pemikiran baru melainkan dia mendapat ilmu-ilmu yang baru. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, perubahan minda tidak perlu banyak duit. Perbelanjaan projek-projek perlu banyak duit. Ini sebenarnya satu yang ironis bahawa kalau kita hendak buat kerja kita dengan betul, cara betul, pemikiran betul yang baru, yang segar, yang berbeza untuk mencapai matlamat itu tidak perlu duit. Kerusi lama pun boleh. Bangunan lama pun boleh. Tapi masalahnya, kita ini sudah lama terperangkap dalam pemikiran bahawa; kita mesti ada bangunan baru, kita mesti ada pejabat baru, mesti ada kerusi baru, ada meja baru, baru boleh jadi baru. Ini yang dimaksudkan oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Santubong.

Jadi sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah tegaskan tentang perkara ini, yang dikatakan *software*, yang dikatakan perubahan minda, dikatakan tentang memikir di luar kotak.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Ini yang tidak perlu banyak duit. Inilah. Tapi malangnya orang tidak suka pula kalau tidak banyak belanja duit fasal kita sudah hampir hendak menjadi sebuah kerajaan yang mungkin projek *driven* kah, kontraktor *driven* kah. Jadi ini yang kita harus bimbang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Johor baru. Sabah dan Sarawak tengok juga yang kita bercakap panjang tentang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, adakah Yang Berhormat bagi Johor Bahru ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya diwujudkan satu suruhanjaya pula mengkaji Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kerana kalau kita lihat dengan cara yang kita lalui sekarang ini seolah-olah kita masih mewarisi cara perkhidmatan awam yang dibawa oleh British, dan kita diambang kemerdekaan ke 50. Sudah sampai masa dan ketikanya saya kira kita kena buat arah kita, era kita dan lebih-lebih lagi apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi. Kita lihat kebanyakan daripada orang-orang JPA ini, minta maaf saya cakap Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang *special* lah mereka ini. Ada yang sudah pencen KSU sampai 40, 30 *chairman* sini *chairman* sana dan pernah saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini ada satu badan berkanun yang mana pengerusinya Tuan Yang di-Pertua berjalan pun memimpin, terketar-ketar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masih duduk!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Masih duduk situ lagi sebagai *chairman*! Bagaimana dia hendak majukan lembaga dan badan ini. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Johor Bahru?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah mencadangkan supaya adanya satu suruhanjaya melihat kepada perkhidmatan awam, kerana sebenarnya kita memainkan fungsi ini untuk memberi teguran bukan kritikan, kita memberi teguran. Sebenarnya kita tujuan kita ialah supaya perkhidmatan awam ini boleh dibangunkan dan digerakkan balik kepada keadaan bukan yang dibentuk oleh British. Selepas merdeka, perkhidmatan awam kita ialah satu Perkhidmatan Awam yang boleh kita banggakan.

Tetapi dari masa itu sampai sekarang, ada masalah di mana mungkin dia terlalu asyik dengan politik dia sendiri ke atau *problem* dia sendirikah kan? Tetapi suatu ketika dahulu, semasa saya menteri, saya terasa bangga dengan perkhidmatan awam dengan pegawai-pegawai kerajaan yang boleh berbahas dengan saya, boleh berhujah dengan saya, dan saya pernah juga kalah, saya mengaku kalah tetapi ianya merupakan suatu perkhidmatan awam yang profesional yang lebih mengetahui, yang memikir bagaimana hendak melaksanakan satu-satunya. Jadi kita memang ada potensi, tetapi lama-kelamaan ini, mungkin dia, pemikirannya dah lapuk sikitlah ...[Ketawa] itu jadi... kita masih lagi ada peluang untuk membetulkannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat panjang lagi tak, boleh kalau hendak menggulung Yang Berhormat.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya hendak... sekejap lagi nak gulunglah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat bagi Johor Bahru, perkhidmatan awam ini adalah nadi pembangunan negara ini tidak dapat dinafikan kerana penggerak kepada pembangunan, penggerak daripada perbelanjaan-perbelanjaan negara ini adalah perkhidmatan awam dan saya berpendapat bahawa kerajaan dan kita sebagai wakil-wakil rakyat telah membela pegawai-pegawai kerajaan ini sehinggakan kita tidak pernah mempertikaikan bonus kita tetapi kita mahukan pegawai kerajaan ini diberi peluang berkhidmat dengan hati terbuka, dengan hati gembira dan kita faham juga kadang-kadang pegawai kerajaan sendiri merasa bahawa apabila pegawai-pegawai tinggi mereka itu selalu disambung kontrak setelah sampai ke bersara wajib, ini menyebabkan juga mereka kadang-kadang merasa kecewa, apakah timbalan sesuatu jabatan itu, kementerian itu tidak layak memegang jawatan yang tertinggi sedangkan dia timbalan di situ cukup lama. Ini menyebabkan kadang-kadang yang di bawah itu tersangkut-sangkut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta penjelasan dengan Johor Bahru Yang Berhormat. Yang Berhormat nak berucap panjang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya...saya beralih sini ke di sana,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta penjelasan dengan Yang Berhormat bagi Johor Bahru, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi adakah Yang Berhormat contohnya, saya ambil contoh yang paling mudah, kalaulah Gabenor Bank Negara disambung sampai lima tahun, saya ingat ini menyebabkan juga pegawai-pegawai dalam bank itu merasakan kalau kawan itu tinggal tiga tahun dia merasa kecewa, apakah perkhidmatannya tidak bagus, itu satu, yang kedua Yang Berhormat, *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Peruntukan Mengurus sebanyak RM91 bilion, peruntukan pembangunan RM46 bilion, jadi bermakna kerajaan begitu prihatin untuk memberi segala kemudahan kepada nadi pentadbiran negara iaitu pegawai kerajaan untuk membangunkan negara, untuk membelanjakan sebanyak RM46 bilion, jadi saya kira dengan peruntukan yang begitu besar kepada mengurus jadi pegawai-pegawai kerajaan saya ingat akan memberi perkhidmatan yang baik kepada negara. Adakah Yang Berhormat setuju supaya mereka dengan segala-galanya *facilities* yang ada ini mereka akan memberi perkhidmatan cukup baik, dan hari ini kita lihat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, cukuplah Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Setiausaha Parlimen pun tidak ada,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Timbalan Menteri pun tidak ada, jadi yang akan buat laporan dalam program kerajaan, jadi mungkin kah mereka akan buat laporan yang tepat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Johor Bahru, minta gulunglah.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya sebenarnya hendak menggulung akhirnya dengan soal pembangunan Johor Selatan, ini tentang sedikit *parochial* kerana ia melibatkan kawasan saya tetapi dari segi pentingnya saya rasa ialah bahawa ada perbezaannya. Walaupun dari segi konsep pembangunan wilayah, ia satu konsep yang baik, ia tidak pernah dilakukan bagi kawasan yang sudah membangun, biasanya dilaksanakan di kawasan-kawasan luar bandar, biasanya dilaksanakan bagi kawasan-kawasan pertanian tetapi bila dilaksanakan bagi kawasan Johor Selatan, saya rasa ia suatu yang berani dan suatu yang baik. Hanya yang pelik kepada saya bila melihatnya kenapa bagi Johor Selatan adanya hendak dicadangkan satu Lembaga Authority dengan adanya aktanya dan sebagainya, sedangkan bagi sebelah Terengganu, sebelah Kedah dan Perak, tidak pula cakap tentang authority, ataupun lembaga pihak berkuasa, jadi itu satu.

Yang kedua mengapa dipilih Shenzen sebagai contoh, saya tidak terima sangat contoh Shenzen dengan Hong Kong sebagai Johor Bahru dan Singapura, kerana Shenzen ialah *back yard* kepada Hong Kong segala yang busuk, yang buruk itu dihantarkan kepada Shenzen,.... Yang Berhormat nak bercakap tak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [*Berdiri*].

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Minta maaf..kerana saya ini hendak ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila menggulung Yang Berhormat ...

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Menggulung,...kalau menggulung lama-lama ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak menggulung Yang Berhormat, baik, yang lain cukuplah, sila duduk.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Jadi, saya minta maaf, sila duduk Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Jadi, saya minta maaf. Jadi kalau Shenzen dengan Hong Kong kalau digunakan sebagai contoh, saya tidak bersetuju, kerana Johor Bahru ataupun Selatan Johor mesti mempunyai identitinya sendiri, kena ada daya tahannya sendiri, daya kemampuannya sendiri satu wilayah ekonomi yang mempunyai punca-punca pertumbuhan ekonominya yang tersendiri, barulah saya rasa ia boleh dilaksanakan dengan baik.

Yang kedua, ialah tentang kawasan Selatan Johor ialah sebenarnya saya lihat pihak Persekutuan pun tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan baik. Dari segi keselamatan, ini tanggungjawab Persekutuan, baru ini kita dengar Bajet bahawa kalau anggota polis yang menaiki motor dapat elaun tambahan naik RM120.00. Kita fikir, bahawa RM120.00 itu menjadi elaun insentif, tetapi sebenarnya elaun RM120.00 itu, itulah digunakan bayar minyak, bayar penyelenggaraan kepada motosikal yang dipandu oleh anggota polis yang berkenaan, sampai saya mencadangkan di sebuah Rukun Tetangga di Johor Bahru kutiplah kita bagi duit imbuhan tolong bayar harga kos minyak motosikal. Fasal kita kadang-kadang tengok, saya lalu di Johor Bahru tengok kereta polis tersadai, tetapi walaupun kita ada peruntukan beli kereta polis, tetapi peruntukan untuk mengurus bayaran minyak tiada. Jadi kalau kita tidak hendak belanja duit minyak banyak-banyak kita fikir teknologi yang lain. Teknologi yang ada di dalam negara kita ialah teknologi wireless, jadi kita gunakan teknologi wireless ini di dalam pasukan keselamatan dalam perkhidmatan polis, anggota pasukan polis untuk meningkatkan keselamatan di negara kita. Jadi saya rasa terima kasih banyaklah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kota Belud

12.17 tgh.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan untuk membahaskan Bajet 2007. Saya hanya menyentuh empat perkara sahaja. Perkara pertama, iaitu soal perumahan, Bajet 2007 telah menjanjikan untuk memberi kemudahan perumahan kepada rakyat di Malaysia ini. Jabatan Perumahan Negara akan membina 30,000 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat termasuk rumah untuk disewa dan rumah untuk dimiliki. Syarikat Perumahan Negara Berhad pula akan membina 34,000 unit rumah mampu milik, 2,000 unit rumah di bawah unit pembelian rumah terbengkalai, dan 2,500 unit rumah di bawah program rumah mesara rakyat.

Saya tidak ingin membahaskan soal kaedah pelaksanaan, pada saya apa yang ingin saya bahaskan ialah di mana syarat membeli rumah ini sangat merumitkan, sukar dan payah untuk dipenuhi kriterianya. Saya lihat bahawa membeli kereta lebih mudah daripada membeli rumah, pada saya apakah puncanya sedemikian, kalau kita membeli kereta terlalu banyak insentif diberi, kadang kala kita hanya membayar RM200 sahaja kita boleh mendapat kereta Kancil, dan mereka ditawarkan pula dengan Astro, bekalan-bekalan elektrik dan sebagainya. Tetapi kalau dari segi membeli rumah tidak ada insentif sedemikian, apakah puncanya, sedangkan nilai rumah itu bertambah tetapi nilai kereta tidak bertambah. Jadi kita kena melihat perkara sedemikian.

Di beberapa negara banyak insentif diberikan kepada mereka yang ingin membeli rumah, contohnya di Australia mereka memberi bantuan 7,000 dollar Australia, kepada mereka yang ingin membeli rumah, kerana perkara ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya, jika tidak akhirnya semua rumah yang kita bina ini tidak akan mencapai sasarannya, sedangkan pembelian rumah ini adalah satu pelaburan.

Kalau kita lihat hasil daripada kita memberi perhatian kepada pembelian kereta pula Tuan Yang di-Pertua, perangkaan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, setakat Jun lalu menunjukkan kira-kira 52,000 pemilik kenderaan di negara ini mempunyai hutang tertunggak dengan institusi kewangan berjumlah RM3.16 bilion selepas gagal menjelaskan ansuran pinjaman mereka melebihi dua bulan dan ini tidak termasuk 15,000 kereta yang sudah ditarik dan kini disimpan di dalam stor syarikat kewangan di seluruh negara.

Jadi, oleh itu pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kena melihat bagaimana kita boleh memberi insentif kepada pembeli-pembeli rumah ini, kadang kala kalau kita lihat penjajah yang mungkin mempunyai tunai tetapi mereka tidak ada dokumen-dokumen tertentu untuk membeli rumah sedangkan ini penting untuk kita beri perhatian.

Saya tidak nampak perhatian yang wajar diberi oleh kerajaan ke atas perkara ini. Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah soal pendidikan, di mana saya lihat kerajaan telah memberi perhatian yang agak berat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya mahu tanya, ini mungkin Yang Berhormat berbicara dari aspek harga pembelian rumah terlalu sukar. Tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah rumah RM64,000 ini telah dibina dan sudahkah boleh dibeli sebab menjadi persoalan rakyat sekarang sama ada daripada Syarikat Perumahan Negara kah, Jabatan Perumahan Negara. Ini macam indah khabar dari rupa.

Di Sabah contohnya, yang dibina mungkin cuma 10%, yang lebihnya belum lagi. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Memang saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Kinabatangan tetapi seperti mana yang saya katakan pada tumpuan saya adalah soal syarat-syarat untuk membeli rumah. Bagaimanapun pada pendapat saya, ini ada kaitan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru tadi, soal bagaimana kita melaksanakan projek tersebut.

Pada saya singkat sahaja. Sebenarnya kalau kita melaksanakan, kalau benar-benar kerajaan ikhlas kita itu cara Pizza – *delivery system* nya. Di mana kalau saya *call* hari ini ke Kota Kinabalu, minta Pizza untuk anak saya di Kota Kinabalu, Pizza itu tidak datang daripada Kuala Lumpur. Pizza itu datang daripada kedai yang paling dekat dengan rumah saya.

Kalau kita benar-benar ingin melaksanakan perumahan yang begini banyak di Sabah contohnya, kita tentukan wang itu diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah. Maka kita boleh tentukan ia dapat dilaksanakan. Masalah sekarang ini ialah terlalu banyak *red tape* prosedurnya di mana saya tengok pegawai-pegawai hari ini asyik melawat. Belanja melawat itu mungkin berjuta ringgit dan ini tidak boleh menjayakannya. Tetapi oleh kerana dalam perbahasan ini saya ingin tumpukan kepada syaratnya, kerana saya lihat masalahnya ialah ada juga rumah-rumah yang telah siap dibina tetapi tidak dibeli. Ia bukan soal lokasi semata-mata tetapi syaratnya ketat kerana saya pernah berpengalaman menjadi Menteri Perumahan di peringkat negeri. Saya lihat syarat itu terlalu ketat sekali sehinggakan sukar bagi orang biasa, *taxi driver*, bagi menjadi yang menjaja, peniaga-peniaga kecil, kontraktor kecil kerana mereka perlu adakan dokumen-dokumen yang mungkin tidak ada pada mereka.

Jikalau ini berterusan, sedangkan rumah ini adalah satu *dignity* kalau kita membeli rumah sendiri, satu kebanggaan kepada kita. Kita kena lihat perkara ini di samping, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, di samping kita tentukan ia dilaksanakan kerana pengumuman telah dibuat berkali-kali, akhirnya kita tidak lihat hasilnya kerana kadang-kala alasan yang diberi itu pada pendapat saya, di mana perancangan itu tidak teratur kerana ia asyik merancang.

Apabila pegawai bertukar, perancangan pun berubah, cadangan pun berubah. Sedangkan perkara asas ini sepatutnya diambil kira. Saya masih ingat dahulu, Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri telah mengatakan, pada ketika itu beliau menjadi Menteri

Kewangan, di dalam Dewan yang mulia ini, beliau mengatakan pada ketika itu di mana belanjawan ini tidak lagi setahun sekali. Beliau berkata dua tahun sekali pada ketika itu.

Katanya ialah pada kita itu, belanjawan yang pertama seharusnya kita tentukan dan kita mengemukakan idea. Demikian selesai soal-soal perkara pokok, tanah-tanah yang diperlukan dan kaedah-kaedah bagaimana hendak melaksanakannya. Tahun kedua dilaksanakan tetapi sehingga hari ini ia tidak berlaku. Saya rasa bahawa kerajaan perlu melihat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal perkara yang kedua iaitu soal pendidikan di mana saya gembira kerajaan memberi perhatian.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya, Yang Berhormat bagi Padang Terap bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Yang Berhormat bagi Kota Belud, saya amat tertarik dengan cadangan Yang Berhormat mengenai perumahan rakyat dan sebagainya. Contoh yang paling ketara ialah di kawasan saya, hendak bina sebuah rumah RM12,000 ada lapan pegawai pergi tengok - KEMAS, Pejabat Daerah, Jabatan Haiwan, Jabatan Pertanian. Ramai sangat iaitu 12 pegawai hendak bina rumah PPRT harganya RM12,000 sahaja. Terlampau banyak masalah.

Sedangkan rakyat memerlukan rumah untuk tempat tinggal. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan memberi yang paling banyak kepada tiap-tiap negeri untuk menyelesaikan katalah rumah yang masih lagi menghantui masyarakat di luar bandar. Setakat ini tadi kita tengok bahawa tiap-tiap tahun, kerajaan hanya membina lebih kurang 30 buah rumah PPRT sahaja. Bolehkah kerajaan mendesak supaya kerajaan memberi yang paling banyak supaya masalah rumah ini dapat diselesaikan dengan segera dan tidak ada banyak kerehah untuk menyelesaikannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju. Pada saya soal *delivery system* ini telah pun diperkatakan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada saya prinsipnya *very simple* kalau ingin percepatkan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ada dua orang yang bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Sekejap Yang Berhormat. Kita ini adalah suatu Kerajaan Persekutuan, *we are federal system* dengan izin.

Dalam Kerajaan Persekutuan, kunci kepada sistem Kerajaan Persekutuan ialah *delegation of power and decentralization* dengan izin. Kalau dua asas ini tidak ada pada sistem federal, maka kita sebagai satu sistem *unitary system*. Semua masalah ini kalau kerajaan boleh

mengambil kira, mereka sanggup untuk mengambil kira *decentralize power than delegate power*, ia boleh diselesaikan.

Tetapi masalahnya ialah mereka terlalu takut untuk melepaskan kuasa tersebut. Itu masalah pokok, sehinggakan apa yang berlaku ialah kita sekadar melawat semata-mata, syarat ditambah dan kita sangsi, sedangkan rumah ini keperluan rakyat. Kalau kita ada rumah menjadi satu kebanggaan kepada kita.

Seseorang keluarga itu, ia perlukan satu rumah dan ia harus dipermudahkan proses untuk membina dan juga untuk memiliki rumah tersebut. Silakan Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, peraturan dan amalan adalah dua perkara yang berbeza. Peraturan ialah peraturan, amalan itu yang kadang-kala kita banyak persoalkan. Apa pendapat Yang Berhormat sekiranya ataupun kita meninjau apakah rancangan kementerian yang bajet dua tahun itu. Katanya dahulu pernah suatu ketika untuk hendak buat projek dua tahun supaya membolehkan isu pengambilan balik tanah, soal hendak ditender sesuatu projek itu memakan masa maka rancangan untuk mewujudkan bajet dua tahun di peringkat kementerian itu, apakah perkembangan soal apa Yang Berhormat bangkitkan kerenah yang dihadapi dari segi melaksanakan projek mengikut jadual dan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kena memberi penerangan kepada kita mengenai perkara ini kerana ini penting. Sebabnya apa yang telah kita nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, perlu kita laksanakan. Jika ia semuanya telah dibuat, tidak ada masalah yang timbul seperti sekarang ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit, sedikit sahaja.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Kalau boleh, pendeklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian tentang Syarikat Perumahan Negara. Alhamdulillah, target kerajaan itu baik. Tetapi dengan mengadakan konsultan berbagai-bagai projek, kadang-kadang konsultan itu yang melambatkan dan melibatkan kos.

Contohnya Syarikat Perumahan Negara, bumbung syarikat lain buat. Badan rumah itu orang lain buat. Kadang-kadang badan sudah siap, bumbung tidak sampai. Ini menyebabkan macam tadilah, Yang Berhormat kata dari segi peraturan. Kadang-kadang kita lantik konsultan, konsultan menyusahkan kerajaan dan rakyat, kita jangan lantik.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Terima kasih, kami minta Yang Berhormat bagi Setiu pula.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak menyentuh soal Syarikat Perumahan Negara Berhad. Dipanggil *interview* dan sebagainya sudah selesai, lama sudah selesai, sampai hari ini rumah tidak dapat dibina-bina.

Kita wakil rakyat ini seharusnya dan sebolehnya ingin membahagiakan rakyat. Tetapi hari ini mengharu wakil rakyat, sampai sekarang ini kenapa tidak bina-bina pun rumah. Kalau dahulu harga sebuah rumah RM40,000 sekarang sudah jadi RM46,000 - Rumah Mesra Rakyat. Ini membebankan rakyat juga kerana harga barang naik. Apa pandangan pula daripada Yang Berhormat bagi Kota Belud.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Terima kasih kedua-dua Ahli Yang Berhormat. Saya ingat ini pihak kerajaan harus menjawab perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua mereka bolehlah dianggap sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Saya berbalik kepada soal pendidikan ini di mana kita lihat kerajaan memang memberi perhatian cuma saya lihat kerajaan mengambil kira ada empat perkara seharusnya diberi perhatian. Pertama ialah saya senang hati apabila kerajaan telah mengambil keputusan memberi biasiswa kepada anak-anak yang mendapat 10A1 yang keluarganya mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan.

Cuma dalam hal ini saya rasakan bahawa kalau boleh mereka yang mendapat 10A1 ini seharusnya diberi peluang untuk memilih kursus yang mereka minati. Biarlah sebagai satu motivasi kepada mereka di mana mereka memilih kursus-kursus nanti biarlah mana yang mereka pilih itu diberi keutamaan.

Perkara yang kedua, saya juga memerhatikan bahawa bilangan purata pelajar dalam satu kelas masih lagi ramai.

Pada tahun 1990, 33.2 orang di sekolah rendah. Tahun 2005, 31 orang di peringkat sekolah rendah. Di peringkat sekolah menengah pula, pada tahun 1990, 33.6 orang sekolah menengah, tahun 2005, 32.5 di peringkat sekolah menengah. Tetapi di negara maju, purata 21 orang dalam satu kelas. So, saya lihat kerajaan perlu memberi perhatian dalam perkara ini.

Perkara yang ketiga ialah anak-anak yang tidak bersekolah agak masih ramai juga. Pada tahun 1990, 6.8% masih tidak bersekolah. Pada tahun 2005, 4% masih tidak bersekolah. Jadi oleh kerana ini, soal keciciran ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

Perkara yang keempat, saya ingin membangkitkan soal pungutan derma ini, di mana saya tengok sikap sebahagian kecil sekolah atau PIBG yang meminta anak-anak murid untuk memungut derma bagi pihak sekolah. Pada saya, ini sepatutnya tidak berlaku, biarlah anak-anak ini memberi tumpuan kepada pelajaran mereka, kerana jika ini berterusan, ia menjatuhkan moral kita, maruah kita, maruah sekolah, moral anak-anak kecil ini.

Jadi kadangkala ibu bapa pun tertekan. Mereka juga turut serta untuk membantu anak-anak mereka. Berlaku Tuan Yang di-Pertua, di mana di klinik-klinik kita lihat, jururawat, kerani mengambil kesempatan untuk memungut derma daripada pelanggan-pelanggan yang datang ke

klินิก tersebut. Ada juga pensyarah yang membawa buku-buku memohon derma daripada orang ramai. So, ini sepatutnya tidak seharusnya berlaku kerana kita memberi perhatian kepada pendidikan anak-anak kita. Walaupun ada arahan daripada Kementerian Pendidikan, tetapi ada sesetengah sekolah tidak menjalankan arahan-arahan yang telah dibuat oleh pihak sekolah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kota Belud. Kota Belud dan mana-manalah, 80% Ahli Parlimen di sini kebanyakannya luar bandar. Dan luar bandar ini macam-macam dia punya kategori. Ada yang daif betul. Satu yang kita hendak lihat keadilan dari segi pembelajaran kalau dapat pandangan Yang Berhormat bagi Kota Belud. Anak-anak yang dapat 5A dalam UPSR akan berpeluang pergi ke sekolah berasrama penuh, sekolah-sekolah yang baik.

Tetapi anak-anak di luar bandar kerana kedaifan ibu bapa, suasana yang tidak membantu, tidak ada kelas-kelas tuisyen khusus, mereka kadang-kadang cuma mendapat 3A, 4A. Maknanya, peluang bagi mereka berbanding dengan pelajar-pelajar di dalam bandar, jauh berbeza dan kalau keadaan ini berterusan, ia tidak dapat membantu orang di luar bandar supaya dapat bersaing dengan orang di dalam bandar. Kita katakan bahawa pelajaran boleh mengubah nasib seseorang pada masa depan. Tetapi kalau keadaan ini, ketempangan ini berterusan, orang luar bandar tidak dapat peluang anak-anaknya pergi ke sekolah-sekolah yang baik, maknanya anak-anak ini akan terus mewarisi tradisi ibu bapanya kerana kedaifan yang sama-sama kita ketahui.

Bolehkah tidak kementerian gunakan satu cara supaya anak-anak di luar bandar ini yang mendapat 3A, 4A pun layak, sama dengan peluang yang mendapat 5A yang di bandar. Kita kalau pakai sistem komputer ini sahaja, kita lihat keputusan berdasarkan itu, sampai kiamatlah anak-anak kita yang di luar bandar, yang nasibnya tidak berapa beruntung ini akan kecikiran. Bolehkah tidak Menteri Pelajaran, Kementerian Pelajaran, kerajaan kita, mengambil sedikit perbezaan, fikiran berbeza agaknya untuk membela golongan-golongan ini. Yang Berhormat bagi Kota Belud faham apa yang saya maksudkan.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading ini. Macam juga permainan golf, dia ada *handicap* dialah. Jadi mereka yang di bandar tidak sama dengan mereka yang di luar bandar oleh kerana kemudahan mereka itu kurang. Jadi sudah tentulah kerajaan seharusnya memberi pertimbangan yang sewajarnya di atas cadangan yang telah dikemukakan tadi kerana suasana di luar bandar berbeza.

Jadi dia tidak sama dengan suasana di bandar. Itulah sebabnya dahulu pernah saya mencadangkan, apabila kita berbicara soal biasiswa, kita tidak boleh berbicara sekadar memperbandingkan antara mereka yang di bandar, di luar bandar. Di luar bandar sepatutnya asrama-asrama desa diperbanyakkan, seharusnya mereka ini dikumpulkan di satu tempat supaya memberi peluang kepada mereka mempunyai keadaan yang lebih selesa. Barulah mereka boleh bersaing dengan mereka yang di bandar.

Saya masih ingat dahulu, Yang Berhormat bagi Kalabakan pernah juga mencadangkan di Dewan yang mulia ini, seharusnya bahawa khusus dasar untuk pendidikan di luar bandar dilaksanakan ataupun digubal oleh kerajaan. Sehingga hari ini, saya belum mendengar jawapan daripada pihak kementerian kerana kita sebagai Wakil Rakyat di luar bandar, kita melihat perkara ini. Setiap kali kita melawat kawasan, kita lihat bahawa perkara ini berlaku. Maka saya bersetuju agar sistem *handicap* itu perlu kita laksanakan kerana tidak boleh kita katakan, kalau tidak ada *same level playing field* orang kata, tidak sama rata. Maka mereka boleh bersaing.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah soal perkhidmatan awam jugalah yang saya rasa penting. Perkara ini telah pun dibangkitkan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat. Mereka banyak membangkitkan soal, *memotivate* kakitangan. Saya tidak akan turut dalam perbahasan tersebut. Saya ingin membahaskan struktur ini, *structure*. Kita kena struktur semula pentadbiran awam ini. Kita kena struktur semula pentadbiran awam ini. Kita kena tentukan agar di peringkat bawah itu merasa khidmat perkhidmatan awam ini. Ini yang paling penting. Kita sekarang ada mempunyai *three levels of government*, tiga peringkat kerajaan. Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan.

Tetapi permasalahannya ialah, kadangkala perkara ini tidak sampai ke bawah. Jadi pada saya yang penting ialah, kalau Kerajaan Persekutuan kalau sistemnya ialah, dia seharusnya bekerjasama dengan kerajaan negeri, tetapi apabila di peringkat daerah, ada permasalahan di antara peringkat kerajaan tempatan dan pejabat daerah. Kita kena ada kaedah untuk menyelaraskan antara fungsi pejabat daerah dan juga kerajaan tempatan di setiap tempat, itu yang pertama.

Yang kedua kita kena lihat bagaimana di peringkat yang bawah lagi, yang dipanggil Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Pada saya, sepatutnya ada satu *level* yang tinggi daripada Jawatankuasa Kemajuan Kampung iaitu di peringkat mukim di mana kita boleh dianggap sebagai satu kerajaan komuniti, di mana ia melibatkan masyarakat keseluruhannya. Saya bagi contohlah Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan saya sendiri sekarang, kita ada Persatuan Nelayan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan. Dia memberi peruntukan RM500,000 untuk memberi bekalan kepada nelayan. Tetapi untuk memutuskan soal enjin sangkut pun kena rujuk ke Kuala Lumpur. Tetapi kalau kita ada peringkat bawah tersebut, inikan perkara mudah. Jikalau kita tidak percaya Ahli Parlimen, siapa lagi kita percaya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Ini kerana, Ahli Parlimen itu ada dua peranan. Satu Ahli Parlimen di Dewan ini, kedua Ahli Parlimen parti pemerintah. Dalam sistem pemerintahan, kita adalah sebahagian daripada kerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betullah.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Kadang-kadang saya bertanya, di mana Ahli Parlimen dalam struktur kerajaan ini? Adakah sekadar hanya Ahli Jawatankuasa Pembangunan Daerah ataupun lebih daripada itu? Kerana peranan kita, adalah Ahli Parlimen parti pemerintah. Kita sebahagian daripada kerajaan. Oleh itu, kita kena diberi tanggungjawab, peranan dalam hal ini. Jadi kalau hal-hal kecil-kecil sedemikian pun kita tidak kuasa, hanya sekadar memberi sokongan, mengemukakan permohonan, tidak perlulah Ahli Parlimen sedemikian. Itu hanya sekadar JKK pun boleh membuat sedemikian. Tetapi pada saya, kalau kita *reduce*, kita kurangkan birokratik prosesnya, dia boleh dibuat kalau ada di depan kita. Macam itu juga pizza yang saya katakan. Kalau pizza ini kita *order*, yang paling dekat dengan kita yang akan menghantar pizza ke rumah kita. Sama juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Kalau kita perlukan kemudahan sedemikian, tidakkan enjin sangkut kita kena perlu rujuk ke Kuala Lumpur lagi senarainya, itu yang pertama. Yang kedua, baru-baru ini saya lihat dalam kapal terbang, minggu dahulu. Amanah Impian saya ambil contohnya. Saya lihat hanya melawat ke Sandakan, projek kononnya projek contoh di Sandakan memerlukan pegawai dari sini datang ke situ. Satu orang tambang RM1,500. Kalau dua orang RM3,000, campur hotel? Lihat, hendak dapat satu enjin sangkut Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Kalau mereka tidak melawat, itu perkara *simple matter*, bukannya susah sangat. Tetapi saya nampak trendnya kita suka melawat, kita suka bermesyuarat, tetapi hasilnya tidak ada. Jadi pada saya, strukturnya perlu diubah kerana kalau kita ubah pun, dari segi sikap seseorang itu, tetapi kerana struktur yang sama, dia bekerja dalam keadaan yang sama.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tetapi kalau kita tidak berani mengubah struktur tersebut, akhirnya kita tidak akan mencapai matlamat ini.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Belud, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Saya hendak bagi contoh kawasan saya, benda yang sama berlaku. Rakyat kawasan saya beritahu, dia kata selagi baju harimau tidak datang, tidak lulus projek. [Ketawa] Saya pun tidak faham, baju harimau apa ini.

Apa baju harimau ini, saya kata. Rupa-rupanya baju harimau ini baju jaket yang pegawai daripada ICU ataupun daripada Jabatan Perdana Menteri pakai. Inilah logonya, logo harimau. Maknanya kena datang daripada *Federal* - Kuala Lumpur. Kena Kuala Lumpur datang baru lulus

walaupun projek itu hanya RM3,000 tambang dan makan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dan saya minta supaya perkara ini diperbetulkan segera dan dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tambah sikit, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Yang Berhormat, sekarang saya tengok satu trend lagi, semua jabatan suka pakai uniform. Saya pun tidak faham. Saya harap uniform itu jangan belanjanya keluar daripada kerajaan. Kalau masing-masing memakai uniform dengan belanja sendiri tidak apa. Saya nampak macam satu trend sekarang setiap jabatan ada uniformnya. Saya pun tidak pasti dari mana wang tersebut. Kalau ia wang daripada kerajaan saya rasa ini harus dihentikan. Jangan kita membazirkan perbelanjaan hanya untuk menukar uniform. Kerana kononnya ia memberi semangat, buat apa semangat! Kononnya menanamkan identiti, buat apa identiti! Yang penting hasilnya kerana kita berbicara soal *delivery system*. *Delivery* kena sampai. Kalau ia sampai tidak perlu uniform, tidak perlu... Saya lihat sendiri di mana sekarang ini kalau di dalam kapal terbang kita sudah tahu ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baju singa pun tak guna.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Seperti kata Yang Berhormatlah di mana ada uniform, identiti. So, identiti tidak perlu yang perlu hasilnya. Pada saya struktur kena berani. KSN baru ini kena melihat. Walaupun hanya setahun lagi untuk memegang jawatan tersebut biarlah membuat yang terbaik dalam setahun tersebut, berani untuk mengubah struktur pentadbirannya dan mengambil kira bahawa negara kita Malaysia ini satu negara persekutuan, bukannya universiti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Belud. Sebenarnya baru-baru ini saya amat terkejut apabila seorang pegawai kerani atau pegawai pembantu tadbir hospital di daerah saya mengatakan, "*Sebenarnya kami tidak menerima surat sokongan daripada wakil rakyat untuk pesakit-pesakit hendak mengurangkan bayaran ataupun hendak masuk hospital, yang kami terima hanyalah surat dari Jabatan Kebajikan Masyarakat*". Bagaimana ini Yang Berhormat?

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya saya katakan tadi, kerajaan sekarang kena menentukan di mana Ahli Parlimen ini. Di mana Ahli Parlimen parti pemerintah? *Very clear*, ini bukan Ahli Parlimen parti pemerintah. Apakah kita sebahagian daripada struktur pentadbiran ataupun tidak. Jika ya, kita kena diberi peranan yang sewajarnya. Kita seharusnya ditempatkan dalam struktur yang sebenarnya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Setiu, Yang Berhormat.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Dulu, saya masih ingat di mana kita telah mencadangkan bahawa di mana Ahli Parlimen itu, di mana kalau kita katakan di peringkat pusat sekarang ini, Perdana Menteri telah mewujudkan satu jawatankuasa untuk memantaunya, tetapi di peringkat Parlimen bagaimana? Siapakah yang memantaunya? Jadi, bolehkah Ahli Parlimen diberi tanggungjawab Ahli Parlimen parti pemerintah sebagai satu jawatankuasa untuk mempengerusikan pemantauan projek-projek di peringkat kawasan masing-masing. Ia bukannya suatu kerja yang susah, kepada saya ia satu kerja yang paling mudah. Tetapi kalau kita tidak ada peranan kita akan terhegeh-hegeh. Nanti kita malu juga kalau pegawai kebajikan lebih tinggi daripada kita sedangkan kita katakan kita adalah satu kerajaan yang demokratik, kerajaan yang berasaskan kuasa rakyat, kerajaan yang berasaskan di mana parti yang mendapat majoriti yang besar adalah parti yang memerintah, maka kuasa itu di mana? Sudah tentu di tangan parti pemerintah, Ahli-ahli Parlimen parti pemerintah.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kota Belud. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang setiap jabatan kerajaan ada uniformnya. Itu benar. Bagaimana pula dengan setiap jabatan kerajaan ada pula kelab sukan rekreasinya, selalu tulis surat, melawat, melancong dan sebagainya melalui kelab sukan ini? Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Kinabatangan. *Last.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, mungkin kita sedar bahawa antara wakil rakyat dan kerajaan, kita cuma dipisahkan oleh satu garis pemisah. Tetapi penjawat-penjawat am kena sedar, membentuk kerajaan adalah kita. Parti kerajaan ini membentuk kerajaan dan adalah mereka bukan mereka yang berhadapan dengan rakyat. Justeru itu mereka hendaklah menghormati kita selaku wakil rakyat bahawa sokongan yang kita bagi itu ada keperluannya bukan suka-suka. Yang kita sokong ini pun macam pesakit itu, kita tahu dia orang miskin. Kita tahu dia tiada usaha tetapi kena *admit* di hospital sebab dia sakit. Tetapi dia hendak jumpa pegawai kebajikan ini bukan mudah. Dia ikut *office hour*. Sampai jam 5 dia tutuplah. Kita wakil rakyat pukul 1 pagi pun buka. Jadi dia kena pakai otak dialah. Ini kerajaan bukan dia yang cipta, kita yang berjumpa dengan rakyat. Lima tahun sekali kita balikkan kepada rakyat, rakyat bagi mandat kepada kita sebab *service* kita. Kalau kita ikut gaya perkhidmatan awam ini lingkuplah kita. Pembangkang senang hatilah. Minta pandangan.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Yang Berhormat, pertama tadi soal kelab rekreasi, memang biasalah. Itu bagi saya penting juga mereka mempunyai kelab-kelab sedemikian untuk terlibat dalam kegiatan-kegiatan sukan dan sebagainya. Soal yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, bagi saya sebenarnya saya tidak berapa nampak perbezaan antara tiga kuasa ini, pada sayalah, kerana ini adalah satu istilah yang dibuat oleh penjajah iaitu sistem British di mana ia mengagihkan kuasa-kuasa tersebut. Sebenarnya dia kata ada *fourth step* lagi iaitu media massa.

Pada saya Barisan Nasional, kerajaan ini telah mengamalkan konsep baru iaitu yang dipanggil *hands-on approach* - pendekatan *hands-on*. Dalam pendekatan *hands-on* ini, maka di mana orang politik seperti kita ini ada peranan untuk menentukan projek itu terlaksana. Jadi kalau sedemikian masalahnya ialah di mana kedudukan kita dalam pendekatan *hands-on* itu?

Jadi itu yang saya ingin rasakan bahawa penting untuk kerajaan memikirkan soal ini sedalam-dalamnya kerana kita ingin melihat Rancangan Malaysia Kesembilan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan pelaksanaan bergantung pada semua pihak. Tetapi dalam kita bekerja satu pasukan mesti ada taikonya dan taikonya adalah orang-orang politik.

Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Muar.

12.46 tgh.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin membahaskan Bajet Persekutuan 2007 yang telah memperuntukkan sebanyak RM160 bilion yang dibahagikan kepada RM113 belanja mengurus dan RM47 belanja pembangunan. Saya dapati pembentangan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merupakan satu pembentangan yang seimbang yang telah mengambil kira golongan miskin, golongan luar bandar, ibu bapa dan juga pihak korporat seperti yang disebutkan oleh ramai Ahli Parlimen, sistem penyampaian perlu juga kita beri penekanan.

Kita juga sedar bahawa dalam kita merangka sesuatu perbelanjaan, kalau dalam unit yang lebih kecil sebuah keluarga juga perlu membelanjakan pelunjan mengikut kemampuan tetapi dalam kerajaan kita kena ingat ada perkara yang boleh kita kawal dan ada perkara yang boleh berlaku di luar kawalan kita, seperti yang berlaku pada tahun 1997 di mana serangan mata wang dan kemudian sejak akhir-akhir ini kenaikan harga minyak yang boleh menjejaskan pelunjan kerajaan.

Dalam masa yang sama, dalam bulan kemerdekaan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh rakyat Malaysia kerana telah berjaya memerdekakan negara selama 49 tahun. Sebenarnya tidak banyak negara yang merdeka, yang dapat dibangunkan dalam tempoh masa yang terdekat itu. Jadi kita perlu mengawal selia, mengurus dan mengekalkan perpaduan di kalangan kita untuk kita menjadikan sambutan tahun hadapan satu sambutan yang begitu bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesusahan kita mempertahankan kemerdekaan ini, saya berpandangan bahawa tugas dan cabaran kita jauh lebih sukar daripada pejuang-pejuang terdahulu. Saya nyatakan demikian kerana pada masa dahulu kita hidup terhina, kita miskin, kita

tidak merdeka dan kita pada ketika itu seluruh rakyat tahu perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan hari ini dengan globalisasi liberalisasi, cabaran kita jauh lebih berat kerana kita berada dalam keadaan selesa, aman dan kita tidak tahu apa yang kita mahukan. Sebab itu seluruh rakyat perlu sedar bahawa tugas cabaran yang mendatang ini cukup sukar dan kita kena mempersiapkan diri. Walau bagaimanapun, dalam globalisasi liberalisasi ini selain daripada cabaran yang mendatang saya nampak ada banyak perkara yang boleh mewujudkan ruang peluang untuk kita mempertingkatkan dan memperkukuhkan kedudukan negara.

Dalam keadaan kita mencari identiti, hari ini saya dapati kita terlalu banyak dipengaruhi dengan hiburan dan keseronokan sehingga seperti yang saya pernah nyatakan anak-anak kita lebih tahu tentang 'strawberi dan coklat' berbanding dengan pejuang negara. Anak-anak kita lebih tahu tentang artis lebih daripada pemimpin. Anak-anak kita lebih tahu tentang keseronokan berbanding dengan ilmu.

Jadi perkara-perkara ini saya rasa perlu diberi penekanan, perlu diteruskan, perlu dijalankan dengan tersusun supaya satu hari nanti apa yang kita bincangkan di Dewan ini dapat turun ke bawah sehingga ke akar umbi, sehingga anak-anak kita. Dalam masa yang sama kita kena tahu apakah minat mereka. Dan saya rasa dalam keadaan tersebut, kita juga tidak boleh meninggalkan sektor ekonomi. Hari ini kita membincangkan tentang pemilikan ekonomi di antara bumiputera, bukan bumiputera, di antara kaum minoriti dan majoriti tetapi bila saya sebut tentang globalisasi, saya rasa kita perlu memberi penekanan juga terhadap pemilikan ekonomi di luar sempadan, di antara Malaysia dengan negara-negara lain. Maknanya rakyat Malaysia hari ini perlu bersatu padu, perlu melihat kekuatan kita sebagai sebuah negara yang tidaklah begitu besar, tetapi mempunyai ruang peluang di luar yang jauh lebih besar.

Kerana kalau kita lihat dalam tahun 1980, *foreign exchange trading* dengan izin berjumlah RM80 bilion tetapi hari ini RM1.5 trilion berada untuk kita rebut, untuk kita manfaatkan. Dan perkara ini merupakan satu *indicator* yang baik untuk kita menyusun gerakan rakyat Malaysia bagaimana kita dapat sama-sama turut serta mendapatkan ruang peluang dalam RM1.5 trilion yang berada di luar sana. Dan kita telah berubah daripada negara yang mengeluarkan mineral, pertanian kepada *manufacturing* dengan izin. Perkara-perkara ini juga perlu kita perkukuhkan supaya perancangan yang kerajaan buat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kemudian diumumkan IMP3 dan sekarang ini Bajet 2007 dapat disusun dengan baik.

Sebab itu pada saya, saya nak memberi contoh yang pertama sebab Setiausaha Parlimen Pengajian Tinggi ada di sini. Saya nak tunjukkan bahawa dalam kita menyusun gerak laku kita, ada kadang-kadang kita tertinggal dan kita tidak dapat memiliki peluang ruang tersebut. Sebagai contoh, kita membelanjakan RM1 juta.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Saya rasa satu pandangan yang bernas daripada Yang Berhormat tadi tentang globalisasi dan kita

patut mencari pasaran luar. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat, bagaimanakah rakyat Malaysia dapat menggembelngkan tenaga untuk merebut peluang-peluang di luar sempadan ini. Jadi saya rasa itu satu pandangan yang agak jauh dan bernas dan bagaimana ianya dapat dilakukan. Misalan kalau seorang itu nak ke negara Timur Tengah, bagaimana kita boleh mengatur strategi kita? Bagaimana pula dengan India dan China? Saya rasa ini adalah tempat-tempat yang boleh kita membuat pelaburan secara strategik dan bagaimana ia dapat dilakukan? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Yang pertama kita perlu memiliki semangat kebangsaan. Tak ada negara dalam dunia yang boleh mengatasi Malaysia kalau kita tahu ada pasaran di negara China dan India. Kita dalam negara kita ada masyarakat Cina dan India yang boleh kita kerjasama, sebab itu yang pertama kita kena wujudkan semangat kebangsaan di kalangan rakyat Malaysia supaya di antara kelebihan yang ada di kalangan orang bumiputera dapat digunakan dan di kalangan orang bukan bumiputera sebagai contoh kalau kita nak ke negara China, alangkah baik kalau orang-orang masyarakat Tionghoa di Malaysia ini dapat sama-sama turut serta atas nama Malaysia. Kalau nak ke India, kita carilah masyarakat usaha sama India yang hari ini pada saya kita bersaing dalam negara. Tetapi apabila kita keluar, kita tidak membawa imej Malaysia, kita masih lagi bersama dengan kelompok individu ini yang kalau boleh saya panggil *comfort zone*. Bila kita berada dalam keadaan selesa, masyarakat India akan bersama masyarakat India untuk pergi ke negara India.

Jadi sebab itu semangat nasionalisme kebangsaan Malaysia itu perlu kita pupuk dan kita pelihara walaupun hari ini kita tahu isu ini masih lagi sensitif kepada banyak pihak. Tetapi pada saya, kita tidak dapat tidak mengelak daripada masa depan Malaysia kepada kaum-kaum ini. Jadi bagaimana kita boleh mencari jalan penyatuan untuk menguatkan kelebihan yang kita ada berbanding dengan kita mencari jalan untuk membeza-bezakan di antara kaum.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Muar. Saya nak berbalik kepada apa ucapan Yang Berhormat awal tadi mengenai cabaran yang dihadapi di masa depan. Yang Berhormat bagi Muar, yang menjadi masalah kepada kita ialah untuk meyakinkan kepada rakyat terutama generasi muda tentang adanya cabaran di hadapan kita itu. Jadi kita biasa disebut, kita aman damai, ekonomi baik, dan banyak pula dipamerkan di media massa tentang keseronokan, jadi tidak ada melambangkan kerisauan. Adakah Yang Berhormat berpendapat perkara ini perlu ditukar, misalnya kenapa Israel boleh menjadi satu negara yang kuat? Kerana dia sentiasa merasakan dirinya terancam, dikelilingi oleh negara-negara musuh. Begitu juga Singapura, negaranya kecil, kawasannya kecil dan dikelilingi oleh negara-negara yang besar di kelilingnya.

Tapi kita sentiasa merasa kita aman, damai dan sebagainya jadi ancaman itu tak nampak oleh rakyat. Jadi kita sentiasa dalam keadaan selesa, Yang Berhormat kata tadi *comfort zone*, jadi kita tak nampak dan akhirnya faktor ini akan menjadi penghalang kepada kita untuk

maju lebih ke hadapan. Adakah Yang Berhormat berpendapat seharusnya sekarang kita menunjukkan budaya takut kepada ancaman jiran dan ancaman ekonomi dunia? Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Kita boleh wujudkan macam-macam perkara, kita sesama kita, bila kita bercakap kita mudah faham. Tetapi bila kita turun ke bawah, anak-anak muda kita tak faham apa kita cakap sebab bila kita buat satu-satu pendekatan, kita punya kumpulan sasar ini kadang-kadang tak betul. Kita bercerita tentang agama di masjid, orang yang datang ke masjid sudah tentu tahu tentang nilai budaya murni. Tetapi bila kita pergi jumpa dengan mereka yang terlibat dalam perlumbaan haram, dengan penyalahgunaan dadah, kita akan rasa terkejut. Mereka tidak tahu langsung tentang sejarah pembangunan pembentukan negara, macam mana kita nak kejutkan dia? Sebab itu di awal mukadimah tadi, saya katakan cabaran pemimpin hari ini jauh lebih sukar daripada pemimpin zaman dulu. Kalau kita hari ini menjadi pemimpin zaman dahulu, saya rasa kita akan buat perkara yang sama.

Tetapi ketika itu hidup memang susah, dalam ketakutan, terhimpit, miskin. Jadi semua bersatu padu sebab nak memerdekakan negara. Hari ini susah untuk kita menarik minat anak-anak muda sebab di rumah mereka semua ada walaupun macam mana daif pun kita bincang dalam Dewan ini, miskinnya rakyat kita, *hand phone* tetap ada kepada anak muda. Mana dia dapat duit beli *hand phone* tak pernah pun kita tanya. Tetapi kita mesti bercerita tentang untuk menjaga orang miskin menaikkan taraf, memberikan pekerjaan, memberikan pendapatan. Tetapi kalau kita pergi rumah dia, Astro pun ada. Sebab itu di awal tadi saya tanya dengan menteri, macam mana kita tetapkan taraf kemiskinan? Adakah hanya kerana gajinya sedikit, dia itu miskin tetapi keperluan-keperluan yang tak perlu ada kepada orang miskin turut dimiliki. Jadi perkara-perkara ini kalau kita nak kejutkan anak muda kita, saya tidak ada jawapan. Tetapi biarlah kita buat satu perkara menepati kumpulan sasar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Muar. Yang Berhormat ada menyebut bahawa keadaan ataupun suasana ketika pra kemerdekaan, terhimpit, tertekan dan sebagainya menyebabkan masyarakat bersatu padu untuk mencapai kemerdekaan dalam apa juga bentuk. Adakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya jika saya katakan kaedah atau metodologi ataupun *approach*, pendekatan kita hari ini masih lagi terikut-ikut cara pra kemerdekaan ataupun dalam proses kemerdekaan. Kerana itulah hari ini kita tidak dapat mencapai sasaran apa yang kita cita-citakan. Mungkin hari ini pendekatan kita perlu berubah pada cara yang baru kepada pendekatan yang boleh moden di mana mungkin kalau kita lakukan sesuatu lebih objektif, lebih bermatlamat dan akan dapat mencapai sasaran apa Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya memang tunggu-tunggu perkara ini sebab saya tadi mungkin salah buka mukadimah. Saya

belum masuk *point* saya lagi ini tapi bila Yang Berhormat bagi Tangga Batu tanya, itu yang saya maksudkan. Peluang, ruang yang ada hari ini perlu kita raih, kita tak boleh lagi berfikir macam kita baru merdeka. Sebab itu saya sebut tadi kita masih lagi menghantar pelajar-pelajar perubatan ke luar negara, akhirnya kita terpaksa membelanjakan jumlah yang banyak untuk menarik mereka pulang pula. RM1 juta satu pelajar, 458 yang sedang kita cari untuk bawa balik, RM458 juta. Saya mengalu-alukan cadangan, kalau kita tengok hari ini 26 *neurosurgeon* dalam negara, 26 orang, satu doktor lebih kurang 1,200 orang rakyat. Tapi kita masih hantar lagi pelajar kita ke luar negara belajar perubatan selepas itu tak nak balik. Saya lebih suka kita hantar hanya yang nak melanjutkan pelajaran sebagai doktor pakar. Yang lain itu kita belajar dalam negara.

KUIM sebagai contoh sudah membuat tempat. Kalau kita hentikan penghantaran terus, saya tidak setuju. Kita kena hantar untuk pendedahan tetapi tidak perlu hantar belajar undang-undang. Pelajar undang-undang pergi dekat UK, undang-undang tak sama, balik kena duduk CLP. Sudahnya dia tak duduk CLP, dia kerja korporat. Jadi *ratio* peguam dengan penduduk masih tak dapat kita capai. Kalau nak hantar pelajar luar negara Tuan Yang di-Pertua, saya lebih suka kita hantar mereka yang akan didedahkan kepada *negotiation*. Sebab kita ada FTA, kita ada hubungan antara negara-negara di peringkat antarabangsa yang pada saya kita tidak begitu mahir. Hantar pelajar-pelajar ini untuk belajar kursus-kursus sumber manusia, perbincangan supaya dia tahu macam mana pemikiran orang-orang barat, macam mana pemikiran orang-orang Jepun.

Undang-undang saya rasa kita dah ada banyak sekolah undang-undang dalam negara.

Perubatan kalau RM480 juta ini tidak dibelanjakan untuk *first graduate*, kita boleh buat satu hospital. Contoh di Johor Bahru ada satu hospital baru buat, buatlah sekolah perubatan di sebelahnya supaya mereka ini dapat latihan amali sebelah hospital yang baru kita bina. Pada saya ini dapat membantu mengurangkan *ratio* pelajar doktor dan penduduk sebab itu pendekatan zaman pra merdeka, *post* merdeka ini perlu kita ubah. Kursus-kursus ini tidak perlu lagi kita dedahkan kepada pelajar tahun-tahun pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung petang.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat dari Muar untuk meneruskan ucapannya dalam perbahasan belanjawan.

2.32 ptg

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ditangguhkan tadi saya menyebut tentang betapa perlunya kita beralih pemikiran daripada zaman sebelum kemerdekaan sebaik sahaja selepas kemerdekaan, dan pada hari sudah hampir 50 tahun kita merdeka. Sebab itu tumpuan perlu diberikan lebih kepada membangunkan prasarana yang ada daripada kita menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negara selepas tamat pengajian. Kalau dahulu tidak ramai anak-anak kita yang dapat masuk universiti. Insentif kepada mereka yang cemerlang dapat belajar ke luar negara, hari ini kita kena ubah sedikit. Sebagai contoh, kalau pelajar perubatan itu berkhidmat di hospital-hospital kerajaan, kemudian baru kita hantar ke luar negara. Ini sebagai insentif untuk menggalakkan lebih ramai doktor berkhidmat di hospital kerajaan. Untuk membolehkan perkara ini berlaku, untuk mengurangkan ratio satu doktor kepada 1, 236 rakyat. Maka, perkara ini perlu kita laksanakan. Kita tidak perlu berbelanja besar untuk menghantar mereka ke luar negara, kita tidak perlu pula membelanjakan jumlah yang besar untuk mencari mereka untuk membayar biasiswa yang diberikan. Tetapi membina sebuah universiti-universiti yang lebih banyak supaya lebih banyak pelajar-pelajar perubatan dapat belajar, dan kemudiannya berkhidmat di hospital-hospital kerajaan. Dan bagi yang baik, yang betul-betul kita rasakan perlu kita hantar ke luar negara untuk melanjutkan pengajian dalam bidang pengkhususan tertentu. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih, selamat petang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Muar. Ini tentang doktor, ratio yang tepat itu saya tidak berapa jelas tetapi apa yang dirasakan oleh mereka yang memerlukan perkhidmatan doktor di hospital kerajaan. Mereka ada dua perkara yang mereka bangkitkan, yang pertama seseorang itu dipanggil untuk bertemu doktor-doktor yang berkenaan, datanglah hamba Allah yang tua berumur 60-70 tahun kerana hendakkan perkhidmatan hospital kerajaan. Hendak pergi hospital swasta terlalu mahal dan tidak mampu, datanglah hamba Allah ini. Daripada pukul 8.30 sampai 4.30 petang, baru berjumpa dengan doktor. Alangkah azabnya warga-warga emas ini, cuba bayangkan orang tua-tua yang berumur 60, 65,70 tahun, daripada kampung. Hendak keluar pergi makan takut dipanggil, tidak keluar menunggu sampai ke petang dan ada kalanya sampai ke petang tidak dapat juga hendak bertemu dengan doktor, esok. Esok dia kena tambang balik, tambang datang lagi, orang miskin Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya...biasalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu satu, yang kedua... bukan semua Tuan Yang di-Pertua, bukan semua.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Ada lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ramai orang yang memerlukan perkhidmatan di hospital-hospital kerajaan walaupun menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimennya yang mengatakan kita kena layan pesakit-pesakit dengan muka yang manis tetapi tidak berlaku, keadaan lama sentiasa berulang, bukan semua, bukan semua jururawat. Dengan masam muka tidak disapa, seolah-olah yang datang ini musuh...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]* Ya, cukup Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, ini soal rakyat ini, rakyat ini siapa yang hendak bela ini Tuan Yang di-Pertua, sesetengahnya itu alahai! Jadi perkhidmatan ini saya tidak marah menteri, saya tidak marah timbalan menteri, saya tidak marah setiausaha parlimen, saya tidak marah Ketua Setiausaha, mungkin mereka berjiwa rakyat memang hendak menolong rakyat tetapi peranan di peringkat yang bertemu dengan rakyat ini masih tidak berubah. Bila agaknya? Bila? Ini ialah sesuatu yang amat memedihkan, majoriti rakyat di negara ini dilayan masih bukan seperti manusia. Apakah tidak ada rasa hormat, yang baik tetap baik Tuan Yang di-Pertua, kita ucapkan terima kasih. Tetapi yang berkeadaan seperti ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Sri Gading. Ada dua perkara, yang pertama lama dan yang kedua senyum. Contoh, kalau ada 26 *neurosurgeon* dalam Malaysia, yang mana tiga orang terpaksa mengendalikan 40 pembedahan dalam masa satu minggu, macam mana dia hendak senyum, tidak boleh senyum. 40 pembedahan, tiga orang dalam masa seminggu, penat. Satu-satu pembedahan makan masa lama. Sebab itu saya katakan tadi, untuk mengatasi masalah pakar perubatan ataupun doktor ataupun jururawat untuk berkeadaan senyum, kita kena ada ramai doktor. Kita kena ada kalau 40 *neurosurgeon*, 40 pembedahan dalam masa seminggu, saya yakin dia boleh buat kerja dalam keadaan senyum. Dan jangka masa tunggu pun tidak perlu lama, sebab kita ada jumlah doktor yang memadai untuk rakyat negara kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini pula lain persoalannya. Bagaimana pula pandangan Yang Berhormat; prasarana ada, pusat kesihatan ada semua sudah ada. Tetapi doktor pula sudah empat tahun tidak ada seperti di kawasan saya, yang sakit kena bawa ke Sandakan, jalan enam jam, jalan pun tidak baik, pertengahan jalan dia mati, minta pandangan Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Ini pandangan yang baik, sebab itu kalau hari ini pelajar-pelajar kita yang baik itu tidak cukup, saya rasa kita ada masalah besar. Tetapi hari ini pelajar yang menangis hendak jadi doktor tidak dapat ini cukup ramai. Sebab itu daripada kita hantar *first graduate* ke luar negara, kita sediakan prasarana dalam negara. Supaya jumlahnya lebih ramai, supaya doktor-doktor ini dapat lebih ramai kita lahirkan, jadilah dia doktor-doktor *general* di hospital-hospital kerajaan. Apabila mereka meningkat baik, kita tahu dia boleh

membuat pulangan kepada negara, kita hantar dia ke luar negara. Seperti yang diumumkan oleh Menteri Pengajian Tinggi baru-baru ini dia hendak hantar lebih ramai *lecturer* ke New Zealand dan Australia. Ini ada satu pendekatan yang baik, kita kena hantar lebih ramai pensyarah untuk buat PhD supaya kita tahu mereka akan balik dan mengajar semula ke universiti kita, dia tidaklah pula tidak mahu balik. Tetapi kalau kita hantar pelajar-pelajar yang baru menamatkan SPM, apabila dia tengok negara orang, dia seronok, dia tidak mahu balik.

Jadi kita kena hantar orang yang telah kita pulihkan semangat ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jumpa pula *ma'am!*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: [*Ketawa*] Orang yang ada semangat kebangsaannya, ada semangat sayangkan negaranya dan dia tahu dia belajar untuk dia balik memberi khidmat kepada rakyat. Ini yang saya tekankan tadi Tuan Yang di-Pertua. Kita bukan menghalang pelajar kita ke luar negara tetapi kursus-kursus selepas merdeka ini seperti doktor, *lawyer*. Saya pun *lawyer* juga. Mereka yang pergi UK, balik sengsara terpaksa melalui CLP dalam masa setahun yang kami belajar di dalam negara selama empat tahun. Sudahnya mereka tidak mahu menjadi *practitioner*, mereka lebih suka kerja di syarikat-syarikat ataupun di bank-bank. Akhirnya matlamat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai peguam tidak tercapai sebab bila ambil CLP, ramai tidak lulus sebab susah. Jadi kenapa kita masih menghantar jurusan-jurusan yang sebegini? Kita patut hantar yang pertama jurusan-jurusan yang saya sebutkan awal tadi tentang hendak *negotiate*. Kita ada FTA. Kita terpaksa berhadapan dengan orang-orang luar dari barat dan kita kena tahu pemikiran dia. Kursus ini perlu kita galakkan ataupun perancangan bandar.

Di kampung saya, di kawasan saya banyak rumah-rumah kampung tradisi. Di tengah-tengah itu sudah ada projek-projek kecil. Sekarang tidak ada masalah. Lima, sepuluh tahun sebab tidak ada perancangan yang tersusun kita akan tengok kampung-kampung tradisi ini akan terjejas kerana kita kurang mereka yang mahir tentang perancangan kampung dan bandar. Kursus ini yang patut kita ketengahkan bukan lagi kursus-kursus pemikiran selepas merdeka.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bangun*]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini sebetulnya sudah lama kita sarankan tetapi tidak ada tindakan, Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang menghairankan kita. Apa sudah jadi dengan pihak pelaksana? Kenapa tidak ada satu *one stop centre* untuk semua agensi kerajaan ini memikirkan, pertama kita kekurangan dari segi doktor. Doktor pakar jangan ceritalah. Kedua dari segi promosi pun kita kekurangan. Yang kita hantar peguam pergi luar negara, hantar yang tidak kena mengena dengan keperluan negara buat apa? Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan mulai tahun akan datang bahawa akan distruktur semula, akan disusun dan difikir bidang apa yang kita boleh *negotiate* dan yang boleh menjadi *marketable* dalam negara kita. Tidak perlu buang duit dan kita tidak perlu pelajar-

pelajar yang baru, lulusan ini dihantar sebab mereka ini pandai tetapi kadang-kadang memandai-mandai. Cuba minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya setuju sebab perkara-perkara ini telah dibangkitkan banyak kali. Sebab itu saya hendak cadangkan, saya menyokong Kementerian Pengajian Tinggi tetapi saya hendak mencadangkan kepada agensi-agensi yang memberi biasiswa JPA, MARA dan Petronas. MARA hari ini terpaksa kutip RM500 juta. Dia tidak tahu pun orang ini dekat mana. Jadi usaha-usaha ini perlu diberhentikanlah. Agensi-agensi yang ada duit untuk menghantar pelajar-pelajarnya duduk balik dan tanya dekat kementerian yang berkaitan, tanya Kementerian Sumber Manusia apa *market demand* yang perlu untuk kita hantar pelajar-pelajar ini. Bukan setakat kita menjalankan tugas obligasi sosial semata-mata akhirnya kita terpaksa berhadapan dengan masalah yang kita sendiri wujudkan.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak-pihak yang diberikan dana untuk menyediakan biasiswa pinjaman kepada para pelajar mengenal pasti kursus-kursus seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sama juga dengan satu peluang yang bila saya katakan globalisasi ini. Kita tahu hari ini kita kehilangan ramai jururawat, ramai juruterbang ke Timur Tengah sebab gajinya besar. Saya rasa ini satu peluang. Kementerian-kementerian yang berkaitan perlu mewujudkan satu institusi untuk melatih lebih ramai jururawat yang dipantau oleh kerajaan bukan jururawat lari daripada perkhidmatan sebab tawaran yang lebih besar. Kita di antara kerajaan boleh berbincang dengan Bahrain dan Dubai. Kita kata, kita akan bagi *you* hendak 1000 orang jururawat kita bagi tetapi kita yang selia dan kita yang tentukan supaya ini boleh menjadi sektor kepada penambahan punca pendapatan negara. Ini menjadi punca kepada pengurangan *undergraduate* yang tidak bekerja dan perkara-perkara ini merupakan kekuatan. Tempat-tempat ini melihat Malaysia sebagai tempat pengeluaran jururawat yang baik maka kita sediakan lebih ramai jururawat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat anak muda Muar ini. Jururawat ini kita kurang fasal yang perempuan pergi Timur Tengah. Tidak tahu apasal dia orang suka. Dan jururawat ini perempuan, jururawat ini tidak bolehkah lelaki? Kita dalam program *gender*, Yang Berhormat bagi Seputeh faham ini. Apa tangan lelaki ini kasar ataupun macam mana? Apa lelaki tidak layak jadi jururawat sedangkan lelaki pun saya rasa kecekapannya dia tidak boleh kita mempertikaikan. Tetapi kenapa dimonopoli oleh perempuan semua? Apa agaknya pendapat Yang Berhormat bagi Muar?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya setuju. Kalau di tempat lain jururawat ini tidak dikaitkan dengan wanita semata-mata tetapi tang senyum itu, senyum lelaki dengan senyum

perempuan, senyum ini lain. Tetapi saya rasa yang sakit pun tidak semuanya perempuan dan tidak semuanya lelaki. Kalau yang sakit perempuan, kalau senyum perempuan pun tidak sama. Kadang-kadang kalau yang sakit perempuan yang senyum lelaki pun boleh baik juga.

Seorang Ahli: Betul, betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat punya senyuman lebih manis daripada wanita.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: [*Ketawa*] Jadi saya rasa sudah sampai masanya untuk kita mengenal pasti sektor-sektor yang boleh kita manfaatkan, melahirkan lebih ramai jururawat sama ada lelaki ataupun wanita. Dalam perjuangan *gender* ini jururawat tidak bermaknanya wanita. Kita lahirkan dengan lebih ramai, jadi kita hantar ke luar. Ini yang dibuat oleh Indonesia, ini yang dibuat oleh Filipina dan ini yang dibuat oleh India. Negara India ada satu kementerian yang diwujudkan untuk melihat rakyat India di luar negara. Yalah dia ada 24 juta rakyat India bekerja di luar negara sampai terpaksa mewujudkan satu kementerian. Tetapi kalau kita rasa ini merupakan ancaman kepada negara kita, ramai jururawat keluar kita hebahkan, ramai-ramai jadi jururawat sebab ada kerja di Timur Tengah. Jadi ini dapat membantu menambah punca pendapatan negara dan mengurangkan kadar pengangguran.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta sedikit.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Ya, ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memandangkan kita kekurangan jururawat dan dimonopoli oleh perempuan, apakah Yang Berhormat setuju bahawa saya mencadangkan kalau boleh kerajaan membuka ruang pekerjaan ini kepada lelaki ataupun sekali lelaki jenis lembut punya. Ha, yang lembut punya itu dan beri mereka keutamaan memasuki jururawat dan mungkin mereka boleh mencapai satu kerja yang baik. Setujukah Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya rasa dia ada peraturan untuk jadi jururawat ataupun untuk menjadi apa sahajalah. Saya rasa tidak semestinya lembut itu layak jadi jururawat sebab kalau saya sakit yang lembut datang pun saya takut jadi lain. Tetapi itulah maksud saya, dalam mana-mana pekerjaan dia ada peraturan. Kalau yang lembut ini kita tidak boleh ada diskriminasi Yang Berhormat. Kalau dia layak, dia boleh jadi jururawat. Yang penting kita tahu ini sektor boleh beri banyak peluang pekerjaan, kita kena manfaatkan. Kementerian Sumber Manusia kena tengok. Saya hanya memberi contoh jururawat dan juruterbang sebab kita banyak kehilangan tenaga-tenaga pakar dalam bidang ini. Tetapi kalau kita boleh jadikan satu peluang, maka perkara ini boleh kita pantau dan keluar masuknya jururawat dalam negara kita ini tidak akan berlaku. Sebab itu....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa cukup.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya minta sangat, yang ini saya kena sebut fasal ICT. Saya hendak beri satu gambaran sahaja. Di bawah

MCMC, kita ada USP yang hari ini terkumpul sebanyak RM1.6 bilion. Dalam perkara tiga, MCMC dikatakan bahawa USP ini akan digunakan untuk memberi perkhidmatan telefon dan internet ke seluruh negara. Hari ini kalau kita tengok orang kampung terpaksa bayar 2.5 sen kalau dia menggunakan *dial-up*, yang kalau dia guna selama tempoh satu jam RM1.25. Kalau dia gunakan dalam tempoh 20 hari sebulan, dia kena bayar RM240 sebulan lebih mahal daripada kita di bandar. Kita bayar *broadband* RM66 ataupun RM88 sebulan tidak ada tempoh masa.

Jadi saya rasa kerajaan kena beritahu kita dalam Dewan ini, dalam tahun 2010 kita mensasarkan lebih kurang dua juta capaian. Hari ini 2006, kita baru ada 500,000 lebih capaian. Saya hendak tahu daripada kementerian yang berkaitan untuk memberi *timeline* bila hendak dilaksanakan perkara ini kerana *digital divide* ada empat:

- (i) telefon tetap;
- (ii) telefon mudah alih;
- (iii) pemilikan komputer peribadi; dan
- (iv) *internet access*

Internet access dan yang ketiga-tiga ini kena dilakukan serentak. RM1.6 bilion yang ada cukup untuk menyediakan *internet access* seluruh negara. Tidak ada alasan, tidak boleh digunakan untuk benda lain. Duit ini kena dibelanjakan. RM12 bilion yang diperuntukkan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menyediakan prasarana lain untuk sekolah, untuk komuniti dan untuk perpustakaan desa. Tetapi RM1.6 bilion ini perlu diberitahu dalam Dewan macam mana kita hendak buat dan tolong jangan bagi balik kepada *telco-telco* yang menyumbang kerana mereka hanya memikirkan untung rugi.

Kerajaan ada tanggungjawab sosial, gunakan perkara ini kerana akhir sekali kerana untuk orang luar melabur dalam negara kita, dia akan tengok *penetration*. Kalau *penetration* kita masih rendah, dia tidak datang. Dia datang ke negara kita dahulu kerana *highway* kita baik, hendak bawa barang keluar cepat dan murah, hari ini dia tengok *internet*. Kalau *internet* kita masih jauh tertinggal, kita susah hendak dapat pelabur-pelabur untuk datang.

Bayangkanlah kalau jalan raya boleh memberi khidmat ekonomi yang cukup baik, *internet* dalam masa akan datang menjadi satu perkara yang sama seperti jalan raya. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Lipis.

2.51 ptg.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Bajet 2007 yang telah dibentangkan dengan jayanya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri kita. Saya hendak bercakap tentang satu lagi universiti yang akan ditubuhkan dalam negara kita pada tahun depan iaitu Universiti Pertahanan Nasional.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan juga kepada Kementerian Pertahanan kerana telah merealisasikan satu daripada hasrat Angkatan Tentera Malaysia untuk memiliki sebuah universiti penuh apabila meluluskan Bajet 2007 yang baru lalu. Jadi, kalau kita lihat universiti ini diberi peruntukkan sebanyak RM500 juta sebagai modal permulaan dan kalau kita lihat Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan yang juga Timbalan Perdana Menteri mengatakan Universiti Pertahanan Nasional ini terbuka kepada semua pihak.

Bermaksud dia tidak terbuka untuk tentera sahaja tetapi terbuka untuk semua pihak. Dan pada masa yang sama, kita pastilah yang universiti ini akan lebih menjurus kepada mereka yang berminat untuk menjadi tentera dan mengikuti kursus-kursus ketenteraan. Dan ini rasa saya merupakan satu daripada hasrat Menteri Pertahanan yang mengatakan bahawa apa yang diharapkannya ialah semua pegawai tentera yang ada di Malaysia nanti mempunyai ijazah.

Macam sekarang ada yang ada Diploma dan syarat masuk pun untuk menjadi pegawai masih rendah lagi. Dan kalau kita lihat universiti ini Tuan Yang di-Pertua, dia setanding dengan negara maju yang lain. Kita lihat di Amerika dia ada *Defend University*nya sendiri, di *Czech* dia ada *Defend University*nya sendiri, begitu juga India dan sebagainya. Jadi, kalau kita lihat asas kepada penubuhan ini, dia bermula dengan Akademi Tentera Malaysia iaitu ATMA ya.

Jadi, apa yang kita harapkan dengan universiti yang ada ini ramailah nanti pegawai-pegawai tentera yang berwibawa bukan sahaja dalam bidang ketenteraan, tetapi dalam bidang-bidang yang lain seperti bidang undang-undang tentera, perhubungan antarabangsa, penyelidikan ketenteraan, penyelidikan-penyelidikan maritim dan yang lain-lain. Dengan cara ini kita akan dapat membekalkan angkatan tentera kita dalam sektor awam dan swasta dengan pegawai-pegawai yang berwibawa dan yang mempunyai kelulusan akademik yang baik.

Kalau kita lihat satu masa dahulu, ramai daripada pegawai-pegawai di dalam tentera, sektor awam dan juga swasta yang datangnya daripada Maktab Tentera Diraja atau Maktab Tentera Persekutuan sekarang. Jadi, rasa saya dengan adanya universiti ini, perkara itu akan berlaku juga. Hanya apa yang saya harapkan ialah tapak universiti ini haruslah difikirkan tempat yang paling sesuai dan saya rasa kalau kita buat di Pahang pun bagus juga kerana di Pahang banyak lagi kawasan-kawasan luas yang boleh dijadikan tapak universiti dan di Pahang juga kalau untuk latihan hutan, banyak lagi hutan yang boleh kita gunakan untuk dibuat tempat latihan.

Bagi saya, beberapa elemen yang perlu ada dalam universiti ini selain daripada kursus-kursus ketenteraan, tetapi juga penekanan harus juga diberi kepada latihan-latihan kemahiran. Bukan setakat teorinya sahaja.

Saya hendak menyentuh pula tentang Mayang Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat Mayang atau pun Unit Mayang (Masyarakat Penyayang) yang dibentangkan hari itu dan telah di letakkan dalam Teras Keempat iaitu untuk meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup.

Kalau kita lihat Mayang ini telah pun dimulakan apabila Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menubuhkan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat.

Jadi sekarang ini kita telah wujudkan Mayang yang sebenarnya iaitu untuk bantuan, kebajikan dan bencana semasa. Kita harapkan Mayang ini bukan sahaja berfungsi sebagai satu jabatan kerajaan yang ada birokrasi dan sebagainya tapi dia dapat menjadi penghubung terus di antara orang yang memerlukan dengan unit ini. Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Sama ada Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa sejak wujudnya Mayang ini, telah membolehkan bahawa Wakil-wakil Rakyat terutamanya, turut sama memantau segala kegiatan yang membabitkan mereka yang memerlukan bantuan, sumbangan tidak kira sama ada mereka ini adalah merupakan ibu-ibu tunggal, kumpulan anak-anak yatim, fakir miskin yang memerlukan juga perlindungan dan bimbingan kita semua.

Jadi apakah Yang Berhormat melihat secara tidak langsung *delivery system* yang kita bangkitkan hari ini sistem penyampaian juga membantu dengan pembabitan Wakil Rakyat dalam soal untuk sama-sama mengimbangkan lagi tentang keistimewaan pengagihan kekayaan yang ada dalam negara kita ini. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Lipis?

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dan menyokong penuh apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi dan kita memang lihat kalau *delivery system* atau sistem penyampaian yang betul, yang sesuai dan kena pada tempatnya, memang dia akan memberi bantuan atau pun terus sampai kepada rakyat. Jadi ini lah yang dikehendaki dan saya percaya hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mewujudkan unit ini kerana mereka telah atau pun pihak Kementerian telah melihat bahawa unit atau pun Majlis Kebajikan Masyarakat yang kebanyakan dipimpin oleh Ahli-ahli Parlimen berjaya melaksanakan tugas ini dengan cemerlang. Ada lagi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis, sikit lagi. Sama ada Yang Berhormat juga mungkin bersetuju bahawa dengan adanya Mayang ini, pengagihan bantuan-bantuan ini, kalau dahulu tidak ada penyelarasan, tapi hari ini sudah ada satu senarai. Senarai yang di mana pembabitan Ketua Kampung, JKK dan sebagainya. Jadi tidaklah bermakna kumpulan yang sama akan menerima bantuan yang serupa daripada badan-badan yang lain.

Dengan demikian, mereka yang berlainan daripada kumpulan yang lain akan sama-sama dapat menikmati. Jadi, cara ini saya rasa boleh dijadikan contoh kepada agensi yang lain dalam sistem untuk memudahkan lagi proses, tidak kiralah macam kita kalau kita sebut kehadiran Mayang, mungkin juga dalam pengagihan bantuan pelajar miskin, Kumpulan Amanah Pelajar Miskin. Saya, Tuan Yang di-Pertua. Baru ini saya dapat *complain* bagaimana bantuan Kumpulan Amanah Pelajar Miskin ini hari ini sudah ada perbezaan arahan.

Barangkali ini perlu diambil perhatian oleh menteri yang berkenaan - Menteri Pelajaran, kerana di peringkat daerah, Yang Berhormat mungkin bersetuju ada pelbagai arahan. Di kawasan saya, di daerah Larut Matang dan Selama. Contoh, saya bagi yang spesifik, mungkin

Yang Berhormat bersetuju. Ada keluar arahan, seolah-olah ada pegawai yang takut. Kalau terlalu ramai mereka yang menerima bantuan ini, seolah-olah kawasan ini terlalu ramai pelajar miskin. Maka, sebab itu telah diarahkan supaya hanya kumpulan sasaran yang tertentu sahaja yang direkodkan, menggambarkan seolah-olah kawasan ini tidak lagi menjadikan kawasan miskin. Sedangkan kehendak menteri ialah supaya pelajar-pelajar miskin yang benar-benar sepatutnya dapat bantuan ini perlu dibantu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju juga dengan yang itu. Ini kerana bagi saya Mayang boleh dijadikan *benchmark* mungkin kepada Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, dapat menubuhkan unit atau majlis yang melibatkan wakil rakyat, Ahli-ahli Parlimen ataupun pemimpin-pemimpin tempatan untuk menyelaraskan perkara itu. Dari segi, Kementerian Pelajaran pula, kita pun rasa hairan juga kerana kita lihat KWAPM, kumpulan itu kita hanya tahu selepas duit itu diberi. Duit sudah diberi baru kita tahu. Jadi, kita harapkan pada tahun hadapan, rasanya perkara ini tidak berlaku dan Ahli-ahli Parlimen, juga wakil rakyat yang lain diberitahu awal mengenai perkara ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sila, dua orang, ya. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dahulu.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Lipis. Kita sebenarnya membicarakan isu masyarakat kita di peringkat akar umbi yang sangat penting. Kalau hendak cari orang yang setia kepada kerajaan ini biasanya daripada mereka. Oleh kerana itulah saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun memberikan perhatian yang khusus. Hanya yang penting ialah yang selalu kita sebut dari segi pelaksanaan, saya lihat. Apa pandangan Yang Berhormat dengan pandangan saya ini?

Koordinasi antara jabatan, agensi kerajaan dan bukan kerajaan di dalam Mayang itu sebenarnya kurang mantap. Bila kita bercakap mengenai kemiskinan, ia ada dua. Satu kemiskinan dari segi harta benda dan satu lagi kemiskinan ilmu. Bila kemiskinan ilmu pastinya Kementerian Pelajaran. Begitu juga dengan ibu tunggal atau keluarga miskin, pertanian harus ada di situ, sebab mereka ada peruntukan untuk memperkenalkan dan membantu projek ekonomi. Apa pandangan Yang Berhormat supaya Mayang (Masyarakat Penyayang) ini di *upgraden* fungsi dan peranannya seperti Majlis Tindakan Pembangunan Daerah.

Maknanya, apabila diadakan mesyuarat sebulan sekali maka semua ketua jabatan ataupun wakil jabatan harus ada supaya masalah rakyat kita yang memerlukan bantuan, yang selalunya dapat diberikan bantuan itu. Terima kasih.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Saya bersetuju dengan pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam itu tadi dan kita jadikan pandangan untuk disatukan, di *upgrade* itu sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pada tahun 2007 ini, dana yang diperuntukkan ialah sebanyak RM302 juta. Ini untuk meringankan beban orang yang kurang bernasib baik seperti OKU, mangsa bencana, golongan miskin, warga tua dan rasa saya anak yatim juga termasuk dalam ini. Jadi, apa yang kita harapkan ialah pembahagian peruntukan ini adalah serata dan sampai ke golongan sasaran.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [*Bangun*]

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Sila, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Lipis. Sebenarnya saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat yang membangkitkan perkara soal Mayang. Lebih-lebih lagi kita dapati kementerian ini telah banyak memberi sumbangan kepada kita di tiap-tiap kawasan Parlimen. Bersetujukah Yang Berhormat dalam hal ini? Kalau kita lihat peruntukan dalam Bajet 2007, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini mendapat peruntukan yang terendah. Bolehkah Yang Berhormat buat cadangan supaya peruntukan itu ditambah kerana inilah yang kalau kita kata hendak memerangi *hardcore poverty* dengan izin, inilah satu caranya yang dapat kita sampaikan ke peringkat bawah sekali. Terima kasih.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini pun boleh kita masukkan sekali dan kita harapkan dalam Bajet Tambahan nanti kita boleh minta supaya ditambah balik, ya.

Jadi, itulah saya katakan sekarang ini kalau kita lihat kanak-kanak OKU, elaun bulanannya RM25 naik kepada RM50 tetapi rasa saya RM50 sebulan pun tidak cukup. Tuan Yang di-Pertua, ini yang dipanggil melalui program pemulihan dalam komuniti. Sebab rasa saya kalau RM50 sebulan ini untuk membeli, mungkin bagi yang *hyperactive* dan sebagainya, kadang-kadang hendak beli *pampers* pun tidak cukup untuk mereka ini. Jadi, apa yang kita harapkan supaya ditambah lagi, lebih-lebih lagi kalau kita lihat sekarang ini lebih daripada 9,000 orang sebenarnya yang akan mendapat peruntukan RM50 ini kepada ibu bapa mereka. Jelaslah kalau kita lihat bajet yang kita ada ini merupakan satu bajet yang penyayang dan untuk masyarakat.

Selain daripada itu....

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: [*Bangun*]

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Okey, sila.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum pergi ke topik lain, ada satu yang saya tertanya-tanya di mana di peringkat kampung ataupun mukim selalu kita akan terjumpa dengan orang yang kurang siuman, yang tidak begitu

tinggi penyakitnya untuk dihantar ke rumah sakit tetapi duduk di kampung dan mereka ini bagaimana, mengikut Yang Berhormat bagi Lipis, adakah diambil berat dan dijaga oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat atau bagaimana? Mereka tidak terlalu tinggi tetapi ada di kampung-kampung, di sana-sini, kadangkala berkeliaran, makan minum dan sebagainya. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, yang ini pun susah juga kita hendak mengklasifikasikan kerana yang dapat hendak kelaskan mereka ini sama ada kurang siaman atau kurang upaya dan sebagainya adalah doktor. Di kampung saya sendiri pun sebenarnya ada yang begini. Biasanya kalau melalui Mayang ini, kita letak mereka pesakit kroniklah. Tetapi kalau pesakit kronik kita boleh beri sikit sahaja. Jadi, apa yang penting bagi saya ialah supaya ketua-ketua kampung dan pemimpin-pemimpin masyarakat memastikan semua penduduk di kampung mereka yang kurang upaya dan sebagainya, dilindungi. Itu yang sangat penting.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Sila, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Menyedari bahawa kebajikan adalah tanggungjawab bersama dan menyedari bahawa bantuan yang disediakan oleh kerajaan juga tidak memadai dan juga seperti Yang Berhormat bagi Sungai Petani cadangkan supaya peruntukan di tambah. Adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan kepada kerajaan bahawa dengan penubuhan Mayang ini, merupakan satu *platform* yang cukup baik untuk melibatkan semua pihak, bukan sahaja jabatan agensi, NGO dan juga pihak swasta.

Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan, kalau Yang Berhormat bersetuju supaya Mayang ini dibenarkan untuk menubuhkan atau mewujudkan dananya sendiri untuk melibatkan pihak swasta turut bertanggungjawab dalam soal kebajikan dan mereka menyumbang kepada tabung ini untuk kita membantu kumpulan sasar. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Memang saya rasa itu satu perkara yang sangat baik dan kita mengalu-alukan sebab itulah kalau kita lihat ada peruntukan yang menyatakan rebet yang tinggi juga kepada pihak swasta untuk terlibat sama selain daripada sukan ialah pemberian kepada badan-badan kebajikan. Kalau kita hendak tambah peruntukan, memang saya rasa sangat baik kerana dengan cara inilah masyarakat di peringkat akar umbi dan di peringkat bawah dapat menikmati sepenuhnya pembangunan. Bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal tetapi juga dari segi pembangunan modal insan dan juga pembangunan-pembangunan mental yang lain yang harus kita berikan.

Jadi, selain daripada Mayang ini, rasa saya yang paling bagus sekali ialah kita lihat ramai juga yang OKU. OKU ini pelbagai, ada di antara yang pekak dan bisu. Jadi yang ini, rasa

saya yang cacat anggota dan sebagainya eloklah kalau bagi saya, kita menambahkan jurubahasa isyarat. Kerana kalau banyak yang ini, senang atau mudah untuk mereka berkomunikasi dan dengan cara itu mereka boleh balik kita letakkan mereka dalam *mainstream*. Saya pernah tengok ada organisasi yang mengambil mereka yang pekak dan bisu ini untuk bekerja. Dan kita lihat mereka sangat rajin dan pandai dan berdedikasi untuk bekerja. Jadi sekarang ini kalau kita lihat jurubahasa atau kita panggil *therapist* pertuturan ini kurang, tidak banyak.

Jadi apa yang kita harapkan Kementerian Pelajaran supaya memastikan yang ini diperbanyakkan dan kalau boleh yang ini kita melampaui syarat yang adalah. Kalau kita hendak syaratkan juga yang buat bahasa isyarat ini mesti mempunyai kelulusan ijazah dan sebagainya pun susah juga. Sebab mereka yang berminat dengan perkara-perkara sebegini tidak semestinya harus ada ijazah dan sebagainya. Sebab apa yang kita hendak adalah semangat ataupun kecintaan mereka kepada orang-orang OKU. Dan kalau kita lihat setiap tahun ada lebih kurang dua ribu orang sebenarnya di Malaysia yang dilahirkan cacat, pekak dan sebagainya. Dan kalau kita lihat terdapat lebih kurang 10,000 orang kanak-kanak yang pekak ini berumur di bawah 5 tahun.

Jadi kita harap kalau kita tidak perbanyakkan *therapist* bahasa isyarat ini mungkin sukar nanti untuk kita menangani ataupun memberi perhatian kepada mereka. Dan kalau kita tidak bawa mereka ke dalam *mainstream* dengan izin boleh menyebabkan mereka ini akan tersisih dan menjadi orang yang tidak ada masa depan, mudah putus asa dan sebagainya. Jadi sebab itulah apa yang kita harapkan ialah *therapist* ataupun jurubahasa isyarat ini diperbanyakkan, dan rasa saya peranan ini bolehlah dimainkan oleh dua kementerian iaitu yang pertamanya Kementerian Pelajaran Malaysia untuk di sekolah yang formal dan keduanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini untuk yang pendidikan yang tidak formal dan sebagainya. Jadi satu daripadanya ialah ada satu yang tentang pertuturan orang pekak ini yang boleh kita beri iaitu komunikasi kanak-kanak pekak yang dipanggil Q. Jadi kita mencadangkan supaya pihak daripada kedua-dua kementerian tadi melihat bagaimana pertuturan Q ini boleh digunakan dalam bahasa Melayu di mana membolehkan setiap suku kata diucap dan kanak-kanak dilihat dan didengar pada masa yang sama.

Jadi menurut mereka yang biasa dengan sistem Q ini, dia kata sistem Q ini boleh digunakan tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Dan dengan cara ini kanak-kanak yang pekak tadi boleh juga diajar Al-Quran. Jadi apa yang kita harapkan kedua-dua kementerian tadi boleh meneliti perkara ini dan mengambil maklum ataupun melaksana dan sebagainya. Selain daripada itu, melalui 'Mayang' juga kita harapkan kita dapat mewujudkan sukarela-sukarela yang dapat membantu dalam masa bencana dan sebagainya sebagai tambahan kepada agensi-agensinya yang sedia ada, kerana dengan cara ini kita dapat menunjukkan satu kumpulan yang boleh terus pergi contohnya kalau rumah terbakar. Baru-baru

ini di kawasan saya ada rumah yang terbakar. Rumah terbakar tidak sampai setengah jam sudah habis, tetapi bomba sampai 40 minit kemudian. Jadi sudah tidak ada apa-apalah. Bukan kerana apa, kerana jauh, bomba itu jauh. Jadi bukan kerana bomba tidak cekap tetapi jauh 40km daripada kawasan kebakaran. Jadi apa yang kita harapkan di sini ialah kedua-dua kementerian tadi memastikan, saya katakan lagi sekali apa sahaja bentuk bantuan yang diberi melalui 'Mayang' ini sampai ke akar umbi.

Dan yang ketiga, yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan sukan. Jadi kalau kita lihat jurulatih sukan di sekolah setakat ini rasa saya tidak wujud jawatan ini. Dan kalau kita lihat di sekolah pula, tengok pembabitan remaja yang berumur 15 tahun ke bawah merupakan satu yang penting bukan sahaja untuk kesihatan tetapi untuk kemajuan sukan yang berprestij tinggi. Dan juga untuk menerapkan budaya sukan di sekolah. Jadi kalau ini berlaku, pembabitannya hampir keseluruhan kalau kita generasi sekolah terbabit dengan sukan sebenarnya. Sekarang ini kalau kita lihat di sekolah Tuan Yang di-Pertua, guru-guru terdiri daripada mereka kepentingan diambil dari segi kelayakan akademik. Sekarang kalau hendak masuk ke Institut Pendidikan Guru, kalau dahulu SPM boleh masuk, sekarang tidak boleh masuk. Dan kalau kita lihat mereka yang aktif dalam sukan ini tidak semuanya sampai ke tahap boleh mendapat ijazah.

Jadi apa yang saya harapkan di sini mereka yang aktif dalam sukan yang boleh memberi bantuan kepada pelajar-pelajar dan sebagainya diwujudkan jawatan lain yang kita panggil jurulatih sukan. Jadi melalui jurulatih sukan ini kita harapkan mereka boleh memainkan peranan, ini bukan jawatan yang *part time* tetapi kita wujudkan jawatan ini di sekolah dan mereka ini khusus untuk sukan sahaja. Guru-guru boleh menjadi pengurus, dan jurulatih sukan ini yang melatih murid-murid dan dengan cara ini tumpuan mereka lebih kepada sukan. Kerana sekarang kalau kita lihat semua orang hendak kejar A. Lepas peperiksaan UPSR besok masing-masing akan bertanya, berapa A anak dia dapat dan dipaparkan di media dan sebagainya dari segi jumlah sekolah-sekolah yang mencapai kecemerlangan yang banyak A dan sebagainya. Dan bagi saya kalau keadaan ini berterusan, kita mungkin tidak dapat untuk melahirkan jaguh-jaguh sukan dan sampai bila-bila kita hanya bercakap tentang masalah sukan yang kian menurun daripada tahun ke tahun. Jadi apa yang kita harapkan pihak Kementerian Pelajaran memikirkan bagaimanakah kita hendak mewujudkan jawatan jurulatih sukan ini di sekolah, rasanya tidak banyak belanjanya dan dengan cara itu sukan boleh kita jadikan budaya di sekolah.

Jadi saya hendak sentuh sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi dengan bahasa. bahasa Melayu, saya rasa bahasa Melayu ini Tuan Yang di-Pertua bahasa biasanya kita kata "Bahasa Jiwa Bangsa". Lemah bahasa, lemahlah jiwa sesuatu bangsa. Perkasa bahasa, perkasalah sesuatu bangsa. Kalau kita tengok bangsa-bangsa yang besar bangsa Jerman menggunakan bahasa dia, bangsa Perancis menggunakan bahasa dia, China guna bahasa dia, Jepun bahasa dia. Jadi kalau kita tidak kisah tentang bahasa kita, saya rasa sampai bila-bilalah

jiwa orang Melayu atau jiwa bangsa kita di sini akan menjadi lemah. Jadi Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) kebetulan Yang Berhormat menteri pun ada di sini fikir-fikirkanlah ke mana hendak kita bawa bahasa Melayu, bahasa kebangsaan kita. Ke mana... satu minit saya ambil...

Ini mengenai dengan perumahan. Kita percaya semua manusia dalam dunia ini, dalam Malaysia, perlukan rumah atau tempat berlindung. Rumah ini kita boleh jadikan alat sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Rumah boleh jadi alat penyatu atau alat pemisah antara kaum. Jika sesuatu kawasan perumahan dikhaskan untuk sesuatu kaum, maka terpisahlah kita. Dan kalau begini berlaku, saya percaya hasrat kerajaan tidak akan tercapai, hendak menyatukan, hendak berpadu atau hendak sebagainya. Tetapi kalau kita lihat sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, di Lembah Klang, Wilayah Persekutuan, ada satu kawasan perumahan yang dipanggil sebagai kawasan komuniti yang berpagar, *gated community*. Ini bagi sayalah macam kita hendak wujudkan aparteid.

Satu bentuk aparteid sebenarnya dalam negara. Dan kalau kita lihat pula sekarang ini, harga rumah, kalau kita teliti dalam akhbar, harga rumah di Lembah Klang, di Wilayah Persekutuan memang tidak tercapai. Tidak semua kaum tercapai, harganya sampai berjuta-juta ringgit. Hendak bayar *down payment* (wang pendahuluan) pun tak boleh, tidak cukup. Kalau pegawai kerajaan pandang sahajalah, yang boleh duduk di rumah sarang burung, rumah merpati.

Jadi, akhirnya kalau kita lihat, kebanyakan kawasan perumahan sekarang ini, yang mahal-mahal ini, semuanya diwujudkan untuk satu kaum. Kaum-kaum yang tidak mampu ini terpercillah. Makin jauh, makin pergi makin jauh, kalau dulu ada mungkin dekat-dekat Kuala Lumpur. Sekarang ini sudah sampai ke belah mana, Ulu Yam, makin jauh. Tidak lama kemudian makin jauh, Pahang pun mungkin sudah sampai dekat Ulu Tembeling perginya, duduklah di sana. Jadi rasa saya ini tidak sihat untuk perpaduan. Kita minta kerajaan lihat balik perkara ini, lihat balik harga rumah ini, jangan sampai nanti ada dasar aparteid yang tidak ketara berlaku dalam Malaysia kesan daripada rumah yang terlalu tinggi. Jadi dengan kata-kata itu, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk turut mengambil bahagian membahaskan Bajet 2007. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2007 yang merupakan bajet ketiga bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, masih meneruskan tradisi defisit iaitu 3.4%, yang mana jumlah perbelanjaan ialah RM157.4 bilion. Tetapi hasil yang boleh dijana ialah RM134.8 bilion. Sungguhpun ada peningkatan bajet tahun 2007, ialah RM157.4 bilion berbanding 2006 iaitu RM134.748 bilion. Berikutan ekonomi negara berkembang dari RM597,748 juta dalam tahun 2006 kepada RM645,305 juta dalam tahun 2007. Daripada sumber hasil yang ada, cukai pendapatan merupakan sumber hasil terbesar yang semakin meningkat iaitu tahun 2006 sebanyak 36.9% manakala tahun 2007 iaitu 42.5%, yang

merupakan satu petanda kerajaan semakin tegas menggembeleng sumber hasil dalam negara bagi membiayai bajet. Tetapi hasil dari baik duti eksport mahupun import semakin merosot iaitu pada 2006 duti eksport 1.9% dan duti import ialah 3.1% manakala 2007 pula duti eksport menjadi 1.7% dan duti import 1.7 % sahaja. Inilah menunjukkan negara tidak bergantung pada sektor eksport dan import bagi merancakkan kegiatan ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 2006, kerajaan sibuk memfokuskan pembangunan pertanian moden tetapi ia hanya menyumbang 3.6% dan 2007 pula ia menyumbang 3.4% dari Pengeluaran Negara Kasar. Dari segi perbelanjaan, sektor utama perkhidmatan ekonomi, sosial dan pertahanan semakin bertambah bagi 2007 berbanding tahun sebelumnya dan saiz perbelanjaan pentadbiran am berkurang dari 2.6% pada tahun 2006 ke 1.7% pada tahun 2007 dan subsidi berkurang dari 8.2% ke 7.5% tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati Kementerian Pelajaran menerima peruntukan bajet terbesar iaitu sebanyak RM19,139,190,900 belanja mengurus dan untuk pembangunan ialah RM3.01 bilion, mendahului Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mana menerima RM1.783 bilion belanja mengurus dan pembangunan ialah RM1.8 bilion. Manakala Kementerian Wilayah Persekutuan adalah salah satu yang menerima peruntukan terendah iaitu RM195,681,800 sahaja untuk belanja mengurus dan RM556,008,000 untuk pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, petunjuk ekonomi negara menandakan rakyat masih terus terbelenggu dan bergelut dengan kenaikan bahan api (petrol atau tenaga elektrik) dan kos sara hidup. Walaupun banyak seruan dibuat oleh pelbagai lapisan rakyat, termasuk siri-siri demonstrasi jalanan secara aman di bawah keganasan pasukan polis untuk menggesa kerajaan menurunkan harga minyak dengan menggunakan dana Petronas sebagai penyelamat. Tetapi Bajet 2007 tidak menyediakan langkah penyelamat tersebut. Pelbagai insentif cukai yang disediakan tidak mencukupi untuk menampung bebanan kos yang ditanggung oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Singapura yang tidak mempunyai telaga minyak sendiri masih berupaya untuk memberi insentif sebanyak RM6 bilion di bawah Bajet 2006 kepada rakyatnya terutama golongan miskin. Tetapi mengapa Malaysia tidak melakukannya sedangkan Petronas yang ditubuhkan sejak tahun 1974 memperolehi hasil pendapatan lebih RM500 bilion. Pengimport minyak Singapura memberi S\$10.675 bilion (RM24 bilion) terus kepada rakyat Singapura sejak tahun 2000 berbanding dengan Petronas yang tidak memberikan satu sen pun kepada rakyat negara ini. Kita tidak perlu mengenakan cukai ke atas Petronas, sebaliknya keuntungan sebelum cukai yang diterima oleh Petronas itu diagihkan kepada rakyat Malaysia sebanyak maksimum RM2000 seorang dan bakinya bolehlah digunakan oleh Petronas untuk tujuan pelaburan modalnya.

Pada tahun ini sahaja, keuntungan sebelum cukai Petronas mencecah RM70.2 bilion melompat 21% berbanding RM58 bilion dalam tahun kewangan yang lalu berakhir 31 Mac 2006. Keuntungan bersih meningkat dari RM35.6 bilion kepada RM43.6 bilion. Keuntungan bersih

Malayan Banking sahaja hanya RM2.5 bilion sahaja. Lihat betapa besarnya keuntungan Petronas. Jadi mengapa Malaysia sebagai pengeksport minyak tidak boleh melakukannya. Sudah pasti kos barangan dan perkhidmatan dalam pasaran boleh menurun.

Kesannya ialah kadar inflasi 48% dapat diturunkan atau dibendung. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2007 menyebut bahawa harga minyak mungkin naik dalam lingkungan USD70 setong pada tahun hadapan dan kerajaan akan mengekalkan subsidi minyak berjumlah RM19 bilion. Ini tidak mencukupi. Petronas wajar dibawa ke dalam rangka tanggungjawab sosial korporat yang lebih besar seperti gesaan kerajaan dalam Bajet 2007. Maka Petronas haruslah mendahului senarai syarikat tersenarai awam.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Ekonomi 2007 menyebut bahawa pelaburan terus asing negara menghadapi saingan hebat dari Eropah Timur dan Asia dan hanya berjaya mencatat pelaburan sebanyak RM3,696 juta bagi tempoh suku pertama 2006. Jika kita meneliti laporan Bank Dunia bertajuk "Doing Business 2007" ada memetik bahawa Malaysia menduduki....

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ...tangga ke-25 daripada 175 senarai negara mesra perniagaan.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Yang Berhormat, boleh saya minta....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat kalaulah cadangan Yang Berhormat ini diterima, mungkin harga minyak di pasaran di Malaysia ini menjadi yang termurah sekali untuk rantau ini. Apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat supaya minyak kita ini tidak diseludupkan kepada negara-negara jiran kita oleh kerana itulah satu cabaran yang begitu besar apabila minyak kita dikawal dengan cara yang begitu *artificial*.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Negara Malaysia ialah negara yang mengimport lebih banyak minyak. Jika negara kita mengagihkan wang hasil daripada Petronas sebab Petronas adalah salah satu khazanah kepada rakyat kita jika setiap rumah, setiap rakyat Malaysia mendapat dana daripada Petronas, katalah RM1,000, kira satu purata ada lima orang, RM5,000. Kalau RM5,000 kepada satu keluarga, saya rasa harga minyak *even though* RM2 atau RM3 tidak menjadi masalah kepada mereka sebab mereka orang miskin yang dapat perlindungan daripada khazanah negara kita sebab tahun ini Petronas akan catatkan satu keuntungan yang terbesar, mungkin RM80 bilion. Jika ini boleh diagihkan kepada 25 juta rakyat di Malaysia, saya rasa ini tidak membimbangkan jika harga minyak naik atau tidak, tidak akan memberi kesan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kalah kepada Singapura yang menduduki tempat pertama negara paling mesra di dunia, Hong Kong di tangga ke-5 dan Thailand di tangga ke-18.

Malaysia perlu melakukan reformasi ke atas persekitaran perniagaan bagi menarik lebih banyak FDI. Halangan Malaysia yang ada ialah birokrasi, pelesenan pekerja, perniagaan lintas sempadan, menguatkuasakan kontrak dan penutupan perniagaan. Untuk memulakan perniagaan di Malaysia, usahawan perlu melalui 9 langkah berbanding 8.2 langkah di rantau lain. Langkah, masa dan kos untuk mematuhi kehendak pelesenan bagi perniagaan memerlukan 281 langkah dengan kos 78.19% pendapatan per kapita berbanding dengan purata rantau lain yang hanya 17.6 langkah.

Bagi harta pula, ia mengambil masa 144 hari untuk didaftarkan berbanding dengan 85.8 hari di kawasan lain dan ini mengambil masa 31 langkah dan 450 hari untuk menguatkuasakan kontrak perniagaan di Malaysia. Masa dan kos yang diperlukan untuk menyelesaikan tindakan kebangkrutan di Malaysia mengambil masa 2.25 tahun dan kosnya lebih kurang 14.5 dari nilai harta. Negara kita tidak boleh terlalu *protective* dalam dunia globalisasi yang pesat sekarang sama ada kita bergerak pantas atau tertinggal di belakang. Negara Indonesia kini sudah mengubah dasarnya dengan menghapuskan penyertaan bumiputera. Negara kita boleh tertinggal di belakang Indonesia, Thailand dan Vietnam jika kita tidak terbuka mulai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1 September 2006, PNB membuka sekali lagi pintunya untuk menawarkan unit Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020 bernilai RM1 bilion kepada seluruh rakyat Malaysia dan dalam tempoh setengah jam, ianya telah habis dijual dan ditutup. Rakyat terdiri daripada pelbagai kaum berebut-rebut di kaunter bank seperti BCB tetapi dimaklumkan ASW 2020 habis dijual padahal orang ramai beratur seawal pagi.

Mengapa dalam tempoh setengah jam ASW 2020 boleh habis dijual? Siapakah pembelinya? Siapakah yang membolot pembelian? Bagaimanakah pecahan angka para pembelinya? Saya minta Yang Berhormat Menteri maklumkan dalam Dewan yang mulia ini. Rakyat berasa sungguh kesal kerana seolah-olah mereka dipermainkan setelah membawa wang untuk melabur, mereka dimaklumkan saham habis dijual. Sebanyak 49% daripada 1 bilion unit baru yang diperuntukkan kepada pelabur bukan bumiputera habis dijual pada 9.57 pagi setelah dibuka pada 9.30 pagi. Ada pelabur yang telah membuka akaun di BCB Bank terlebih awal bagi memudahkan urusan pembelian tetapi malangnya setelah berbaris dalam nombor 6, beliau tidak berjaya. Hanya pelabur nombor 1 atau 2 orang sahaja yang berjaya melanggannya.

Mengapakah jumlah dalam masa singkat ini boleh berlaku? PNB tidak berlaku adil kepada pelabur-pelabur kecil. Jika keadaan ini berlarutan, apakah yang dapat para pelabur kecil bukan bumiputera harapkan dari melibatkan diri dengan pelaburan PNB jika jalan masuk telah ditutup? Janganlah tutup peluang untuk rakyat dan pelabur yang sudah bersedia, bukan tercapai-cari pelabur yang tidak datang melabur. Saya ingin bertanya, sejak ASW 2020 dan ASM dilancarkan, berapa jumlah penyertaan dan kategori pelabur bukan bumiputera yang terlibat dan bagaimanakah nisbahnya dengan pelabur bumiputera dalam pelbagai siri pelaburan PNB yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2007 menyaksikan bahawa jumlah hasil Kerajaan Persekutuan ialah RM134.8 bilion yang mana cukai pendapatan menyumbang sebanyak 42.5%. Saya mendapati selain Kastam Diraja, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah bertindak tegas untuk mengutip cukai dan insiden operasi mengikut maklumat daripada penjaja dan peniaga dilakukan oleh pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri di Jalan Petaling, Kuala Lumpur baru-baru ini dengan bertemankan anggota polis bersenjata api tidak sepatutnya dilakukan.

Jalan Petaling terkenal sebagai pusat perniagaan kecil dan menjadi tarikan pelancong-pelancong asing dan rakyat tempatan. Mereka bimbang dengan kedatangan pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri bersama pasukan polis bersenjata api, *sub machine gun*, seolah-olah sesuatu sedang berlaku di kawasan Jalan Petaling seperti rompakan, pergaduhan dan para pelanggan mengambil langkah meninggalkan tempat tersebut dan para peniaga hilang perniagaan. Saya rasa tidak perlu membawa senjata sewaktu bertugas untuk mendaftarkan pembayar cukai baru. Ini akan menjadikan keadaan lebih tenang. Para penjaja mudah diajak berunding dan boleh memberi kerjasama.

Gambaran orang ramai ialah kawasan Jalan Petaling adalah kawasan berbahaya dan boleh menjauhkan orang-orang membeli belah di situ. Sedangkan operasi Lembaga Hasil Dalam Negeri di kawasan lain bergerak tanpa senjata. Salah tanggapan ini hendaklah diperbetulkan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa membangkitkan di Dewan yang mulia ini untuk satu bagaimana sekali pegawai penguatkuasa DBKL menyalahgunakan kuasa walaupun sebelum ini kita sering menyeru supaya DBKL meningkatkan integriti pegawai dan kakitangannya. Tetapi sampai tahap mana integriti mereka, kita tidak tahu. Akan tetapi, contoh yang saya hendak sebutkan di sini menjadikan bukti bahawa kakitangan awam masih ada yang belum berubah. Kisahnya adalah pada 2 Julai 2006, seorang penjaga letak kereta di Jalan Bukit Bintang telah ditahan dan dipukul oleh pasukan penguatkuasa DBKL yang menaikkan lori bernombor WHM 3172 serta wang tunai miliki berjumlah RM1500 telah diambil oleh mereka.

Saya telah membuat aduan bertulis kepada Pengarah Penguatkuasa pada 26 Julai lalu, tetapi sehingga sekarang telefon dan surat saya pun tidak dilayan dan diambil tindakan. Bagaimanakah aduan ini boleh diambil tindakan segera, tetapi telah disiarkan dalam akhbar, surat aduan dikemukakan, tetapi ini tidak ada tindakan dari DBKL. Insiden yang kedua ialah apabila seorang penjaja di Jalan Tun Sambanthan Brickfields mengadu kereta sorong telah disita oleh Pejabat DBKL cawangan Bukit Bintang pada Ogos lalu. Lantaran tempat letak gerainya sejak lebih 10 tahun turut diminati oleh penjaja sebelahnya yang menggunakan khidmat lori DBKL untuk memindah gerai ke tempat lain, di luar waktu pejabat. Salah guna kuasa ini berlaku tanpa ada kawalan pihak atasan.

Walaupun kereta sorong telah dikembalikan dalam keadaan cacat dan barangan perniagaan di bayar ganti rugi, tetapi ini haruslah menjadi contoh dan teladan supaya jabatan lain

tidak menirunya. Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak pengurusan DBKL menyiasat kenderaan yang digunakan selepas waktu bekerja oleh pekerja-pekerja DBKL untuk kegunaan peribadi atau aktiviti peribadi kerana di mana-mana kawasan dan jabatan ada bekerja yang menjadikan sektor boleh menjadikan salah satu salah guna kuasa, ini merupakan seekor kerbau boleh membawa lumpur semuanya terpalit.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM7.79 bilion disediakan untuk Polis Diraja Malaysia dalam Bajet 2007 yang bertujuan utamanya untuk memastikan pasukan polis dapat menjalankan tugas memerangi jenayah terancam keselamatan dalam negeri dengan berkesan.

Saya tidak fikir bahawa dengan peruntukan yang banyak, bahawa Polis Diraja Malaysia bertambah baik. Jawabnya tidak, selagi IPCMC tidak ditubuhkan dan berfungsi seperti yang dihasratkan, saya tidak menolak kemungkinan kadar jenayah dan kecekapan anggota menangani adalah satu mimpi sahaja. Jenayah berlaku kerana kesukaran kita melihat anggota bertugas di mana-mana. Rakyat berkata, boleh berbilang anggota polis berada atau bertugas di luar berbanding anggota yang bertugas dalam balai. Malah, pondok polis pula kadang-kadang tidak ada anggota bertugas. Malah untuk mengadakan temu janji dengan Ketua Polis Kuala Lumpur yang baru dengan ahli-ahli Parlimen, yang dimohon kira-kira lebih satu setengah bulan lalu pun, masih belum berhasil walaupun maklumat dan kes yang hendak dibincang telah dikemukakan awal.

Saya kira temu janji menteri lebih senang dari temu janji menunggu Ketua Polis Kuala Lumpur. Bajet ini diharap akan dapat mengambil langkah menambah anggota polis bertugas di luar balai dan insentif mereka yang bertugas di luar balai, hendaklah dipertingkatkan supaya mereka bersama masyarakat dapat berada terus di padang, ketika jenayah berlaku dan bukan menunggu kelewatan kedatangan polis. Peningkatan kadar jenayah dari 21,604 kes dalam tahun 2000, 22,133 kes di tahun 2005. Bukanlah satu bahan jenaka. Ini boleh menjadikan satu ancaman keselamatan negara selepas tadah, jika kita sambil lewa mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan meningkatkan kecekapan dan pengangkutan awam terutama di Lembah Klang menerusi daya usaha Syarikat Prasarana Negara Bhd, SPNB dengan menambah 1,000 bas Rapid Kuala Lumpur baru dan meluaskan khidmat Rail Transit Ringan ke kawasan padat baru sejauh 240 kilometer dan penambahan kapasiti penumpang ke 1 juta berikutan penambahan 140 tren baru. Memanglah disambut baik kerana ia boleh membantu mengurangkan waktu menunggu.

Namun begitu khidmat rail ke kawasan Cheras hendaklah dilanjutkan sampai ke bandar Kajang, Ampang ke Gombak, Jalan Kelang Lama manakala tempat tunggu bas hendaklah dilengkapi dengan bilik air atau tandas awam dan tempat tertutup yang sempurna. Bagi teksi pula, pembiayaan untuk kenderaan baru yang menggunakan Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam di bawah SME Bank hendaklah diperluaskan kepada pemandu pengusaha teksi sedia ada yang mana mereka ini tertekan dengan kadar faedah yang tinggi bagi pinjaman

supaya mereka boleh memindahkan bagi pinjaman kepada pembiaya tabung itu yang mengenakan kadar faedah ialah rendah 4.5%. Para pengusaha teksi kini elok panjang kerana tekanan hidup dan kos penyelenggaraan teksi yang tinggi sedangkan mereka berdepan dengan persaingan dengan sistem Rail Transit Ringan dan Bas Rapid Kuala Lumpur. Penambahan teksi baru akan menambahkan kesulitan mereka. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

3.50 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan Bajet 2007 di mana bajet tahun ini adalah sejajar dengan misi kerajaan iaitu Misi Nasional Penjana Wawasan iaitu wawasan kita iaitu Wawasan 2020 untuk menjadikan negara kita negara maju. Hari ini saya tengok bajet ini disambut baik oleh semua peringkat dan semua kaum di dalam negara kita. Tapi di sini kita membahaskan *post-budget*. Saya cadangkan mungkin satu perkara yang lebih baik sekiranya kita buat perbincangan ataupun perbahasan dari segi pra bajet supaya bajet untuk dibelanjakan pada tiap-tiap tahun dapat dibincangkan di kalangan wakil-wakil rakyat dan Ahli-ahli Parlimen untuk memberi input kepada kerajaan supaya lebih berkesan. Keperluan di bawah apa yang patut kerajaan luluskan, projek mana kerajaan patut dahulukan, ianya lebih memberi kesan yang positif dan lebih menyeluruh sekiranya pra bajet diberi ruang kepada Ahli-ahli Parlimen.

Contohnya di tempat saya, saya dapati satu projek yang penting yang saya sendiri mengutarakan kepada pihak kerajaan dan juga pihak berkenaan tentang penyelesaian masalah lintasan kereta api di Bandar Tanah Merah. Didapati projek ini tidak diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini memberi satu ketidakpuasan hati di kalangan masyarakat di kawasan saya termasuklah saya sendiri, yang saya fikirkan projek ini perlu diselesaikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerana perkara ini telah timbul sejak sekian lama dan masalah ini menyebabkan kesesakan di mana pagar kereta api ini ditutup pada setiap hari adalah 10 kali. Kalau 10 minit setiap kali, ini bermaksud 100 minit rakyat ataupun mereka yang menggunakan lintasan ataupun jalan raya yang melintasi lintasan kereta api ini terbuang masa di tempat tersebut dan saya cadangkan supaya lintasan kereta api ataupun Projek Tanah Merah Bypass ini diberi pertimbangan dalam kajian separuh penggal nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) yang banyak menguruskan pembangunan kepada negeri Kelantan, saya dapati pelaksanaannya mungkin lebih perlahan disebabkan oleh tidak cukup kakitangan di Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan ini saya menyeru kepada ICU, Jabatan Perdana Menteri supaya memberi keutamaan untuk menambah kakitangan di Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan ini

supaya lebih merencanakan lagi pembangunan di negeri Kelantan yang mana peruntukan yang besar telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Bagi Bajet 2007, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM27.5 bilion bagi tujuan pembangunan infrastruktur di negara kita pada tahun 2007. Dengan jumlah peruntukan yang besar ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk bersama-sama membawa ke Dewan yang mulia ini beberapa perkara yang ada hubung kait dengan pembinaan infrastruktur jalan raya di negara kita terutamanya untuk menambah baik kawasan-kawasan yang berisiko tinggi dan juga melebarkan jalan raya-jalan raya supaya kenderaan yang melaluinya selesa dan juga mengelakkan daripada kemalangan.

Kita maklum antara tujuan utama kerajaan adalah untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya, kematian di jalan raya dan juga kesesakan jalan raya. Tahun lalu sahaja seramai 6,188 orang rakyat Malaysia mati dalam 328,268 kemalangan jalan raya di seluruh negara kita. Secara puratanya 16 orang meninggal dunia dalam tempoh 24 jam ataupun 515 orang dalam tempoh sebulan mati di jalan raya, sekali gus menjadikan Malaysia antara negara paling berbahaya di dunia untuk berkenderaan. Apa yang ingin diutarakan di sini adalah mengenai kemalangan jalan raya dan kematian yang membabitkan penunggang dan juga pembonceng motosikal.

Pada tahun 2005 sahaja, penunggang dan pembonceng motosikal mencatatkan kemalangan 57.9% daripada keseluruhan jumlah kematian diikuti oleh kenderaan lain 20% dan juga pejalan kaki 9.7% kematian. Menurut statistik Polis Diraja Malaysia, kadar kematian penunggang dan pembonceng motosikal tiga kali ganda berbanding dengan pemandu dan penumpang kereta. Pada tahun 2005 sebanyak 3,175 kematian dicatatkan bagi kelompok itu berbanding dengan 3,088 pada tahun 2004, 3,166 pada tahun 2003, 3,034 pada tahun 2002 dan 2,972 pada tahun 2001. Analisis Jabatan Keselamatan Jalan Raya juga menampakkan trend peningkatan yang sama. JKJR ataupun Jabatan Keselamatan Jalan Raya mendapati rekod sejak 10 tahun lalu penunggang motosikal mencatatkan jumlah kematian yang tinggi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Silakan sekejap.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Cara Yang Berhormat menyatakan kepada Dewan yang mulia ini mengenai dengan tiap-tiap kemalangan kian meningkat dan tiap-tiap kali apabila berlakunya peningkatan ini kita selalu letakkan kesalahan itu kepada *human error* dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat sekarang ini ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini kempen keselamatan jalan raya tidak begitu berkesan dan di samping itu juga saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat sebagai seorang *engineer* apakah kerana pembuatan kereta itu, sebenarnya buatan kereta, kalau kita tengok satu-satu kemalangan cukup dahsyat ia berlaku, remuk, hancur dan

sebagainya. Apakah juga disebabkan oleh kerana pembentukan jalan dan *signboard* dan sebagainya. Tiap-tiap kali perayaan kita dengar angka ini kian meningkat jadi apa cadangan Yang Berhormat dalam hal ini.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Apa yang diutarakan adalah dari segi sudut mana kemalangan ini berlaku sama ada kesilapan kereta ataupun kesilapan mekanikal, kecuaiian, kesilapan jalan raya dan mungkin kesilapan ataupun diganggu oleh hantu. Ini adalah empat faktor yang kita selalu bercakap tentang berlakunya kemalangan. Apa Yang Berhormat nyatakan tadi, saya akan jelaskan bagaimana kerajaan untuk mempertingkatkan kesedaran berkenaan pemanduan secara berhemah di jalan raya. Yang ini semuanya adalah menjurus ke arah untuk mengurangkan kemalangan dan juga kematian di jalan raya. Ya sahabat saya Setiu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Saya percaya Yang Berhormat bagi Tanah Merah pernah melihat negara maju. Di negara maju sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi, penunggang dan pembonceng motosikal di negara kita ini meningkat sebagai mangsa kemalangan jalan raya. Tetapi saya percaya di negara maju penggunaan motosikal ini kurang, tidak sebagaimana di negara kita sehingga lebih motosikal, rempit dan sebagainya.

Pandangan, Yang Berhormat bagi Tanah Merah kalau hendak kita serahkan tanggungjawab kerajaan untuk memberi kesedaran kepada pengguna-pengguna jalan raya sampai bila pun tidak berkesan. Kerana daripada dahulu lagi pun, bahkan dalam musim hendak sambut hari-hari perayaan, secara besar-besaran kerajaan berkempen keselamatan jalan raya tetapi kemalangan meningkat juga. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih sahabat saya daripada Setiu. Ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak; bukannya kerajaan, bukannya pihak berkuasa, mungkin tentang pelajaran di sekolah mungkin boleh dipertingkatkan. Saya akan cadangkan di dalam ucapan saya sekejap lagi. Dan kalau kita lihat di negara maju dan negara membangun, di negara kita banyak motosikal kalau kita hendak banding dengan di Eropah. Kita dapati, 'motor-motor cup' ini tidak ada kelihatan di negara maju, yang kita lihat motosikal yang berkuasa tinggi. Berbeza dengan tempat kita, 'motor cup' banyak, di Vietnam 'motor cup' banyak, basikal pun ada banyak, di China basikal lebih banyak daripada kenderaan. Ini menggambarkan sesebuah negara dan juga keperluan di negara berkenaan.

Berbagai-bagai usaha dan perbelanjaan yang besar telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi tujuan mengurangkan kemalangan dan kematian di jalan raya. Menurut laporan ekonomi tahun 2006, sebanyak RM6,198 juta telah dibelanjakan bagi subsektor pengangkutan negara. Terutamanya untuk memperbaiki rangkaian infrastruktur pengangkutan melalui pembinaan dan penaiktarafan jalan raya. Pihak kerajaan juga telah merangka pelan keselamatan jalan raya bagi

tahun 2006-2010 yang di antara lain bertujuan mengurangkan kematian di jalan raya, terutamanya membabitkan penunggang motosikal.

Antara strategi yang diutarakan di dalam pelan ini adalah menumpu perhatian kepada penggunaan jalan raya yang kerap terbabit dalam kemalangan, iaitu penunggang dan juga pembonceng motosikal seperti yang saya sebutkan tadi, pemandu dan penumpang dan juga pejalan kaki. Serentak dengan pelancaran pelan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Jalan Raya mengenai langkah memperkenalkan Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya yang akan diajarkan kepada murid Tahun Satu hingga Tahun Tiga di 7,601 sekolah rendah terpilih di negara mulai Januari 2007.

Mesyuarat itu juga turut memutuskan tambahan pembinaan lorong motosikal di seluruh negara membabitkan kos RM63 juta. Kedua-dua langkah ini cukup bernas kerana ia membabitkan dua aspek kritikal iaitu pendidikan dan penambahbaikan. Namun begitu, jika dilihat kepada kadar kemalangan dan kematian di jalan raya seolah-olah tidak banyak perubahan yang berlaku kesan daripada penambahbaikan ini. Menurut Menteri Kerja RayaDato' Seri S. Samy Velu ..

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat beri jalan.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:menyatakan bahawa kerajaan telah membelanjakan RM224 juta bagi tempoh lima tahun. Iaitu bagi tempoh tahun 2000 hingga 2005 untuk jalan-jalan persekutuan bagi mengurangkan kemalangan. Silakan Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Saya hendak sedikit penjelasan Yang Berhormat saya difahamkan bahawa kerajaan punyalah hendak tolong rakyat, sampai hendak beri topi keledar percuma kepada rakyat dan juga kepada masyarakat yang ada di luar bandar. Adakah ini baik dari segi kita hendak memperhebatkan kempen itu tadi? Minta penjelasan, hendak bagi topi keledar percuma. Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya bagi topi ini untuk membudayakan, untuk mengingatkan pembonceng ataupun penunggang motosikal ini pakai topi keledar. Ini kerana apabila setiap kemalangan kepala yang menjadi sasaran, dan juga kemungkinan sekiranya kepala penunggang dan pembonceng motosikal berkenaan terkena pada jalan raya dan sebagainya mengakibatkan kematian. Sekiranya ada topi keledar yang boleh mengelakkan daripada kecederaan yang teruk, sudah pasti kadar kematian itu dapat dikurangkan.

Jadi saya yakin, saya fikir bahawa hasrat kerajaan adalah baik untuk memastikan rakyat membudayakan untuk memakai topi keledar apabila menunggang motosikal, ini yang penting kalau kita lihat dari sudut positif. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan harus juga melihat persoalan itu untuk membina pemandu yang berdisiplin tinggi dan berakhlak mulia di jalan raya.

Bukan hanya terletak di dalam Kursus Pemanduan Berhemah seperti yang dibuat ketika ini, tetapi mestilah disemai bukan hanya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Bukan hanya sejak dari kecil lagi melalui sistem pendidikan negara malahan hendaklah sentiasa berterusan hingga ke akhir hayat seseorang individu itu. Silakan Yang Berhormat bagi Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikuti hujah daripada Tanah Merah tadi, dan saya yakin semua bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Sekadarkan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang banyak program yang diusahakan oleh pihak kerajaan, banyak peruntukan yang telah dikeluarkan, banyak juga program yang akan dilaksanakan, termasuk penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya.

Hari ini kerajaan, Menteri mengumumkan akan datang mewajibkan pembeli motosikal juga membeli topi keledar. Pada saya sepatutnya penjual motosikal memberi topi percuma kepada pembeli, bukannya paksa beli. Kalau paksa beli, saya rasa sudah jadi diktator pula. Cuma saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanah Merah, apa pula pandangan Yang Berhormat bagi Tanah Merah tentang sikap ibu bapa sendiri, sikap mungkin juga sekolah-sekolah yang menggalakkan, membiarkan, dan seolah-olah menggalakkan anak-anak mereka, pelajar-pelajar, murid-murid ke sekolah kerana terpaksa menunggang dan memiliki motosikal tanpa lesen, tanpa *road tax*, kerana mereka hendak kerja senang.

Bukan lagi seperti zaman kita dulu naik basikal, malah sekarang mereka galakkan, mereka beri kemudahan menunggang dan memiliki motosikal tanpa lesen. Inilah yang berlaku di seluruh negara. Kalau di peringkat kecil lagi, di peringkat sekolah tidak menghormati undang-undang, digalakkan melanggar undang-undang, apakah ekspektasi kita terhadap mereka apabila mereka keluar sekolah nanti, adakah mereka terus, mereka patuh kepada undang-undang jalan raya dan undang-undang lain sedangkan kita galakkan mereka melanggar undang-undang dan pada masa yang sama kita galakkan pula ada kempen keselamatan jalan raya dan sebagainya? Apa pandangan Yang Berhormat bagi Tanah Merah?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih sahabat saya daripada Ledang. Sebenarnya pandangan yang disuarakan oleh sahabat saya itu cukup baik. Kerana faktor menambah kemalangan, kematian daripada kalangan penunggang motosikal kerana penunggang motosikal. Ini mungkin 50% nya yang berumur atau yang masih belajar, masih menjadi pelajar sekolah. Dan di sini apa yang kita dapati senario ibu bapa hari tidak mengendahkan sangat faktor keselamatan anak-anak apabila menunggang motosikal.

Kerana apabila ibu bapa ini rasa dia berkemampuan untuk membeli motosikal maka apabila sampai sahaja permintaan daripada anak-anaknya, ibu bapa ini menuruti kehendak anaknya kerana motosikal boleh dibeli dengan harga yang murah. Hari ini oleh kerana kenaikan

harga getah dan kelapa sawit, mungkin ibu bapa mungkin khususnya di kawasan luar bandar mampu dan mereka ini tidak tahu apa kegiatan anak mereka apabila ada motosikal. Inilah yang menimbulkan masalah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Sekejap ya! Hari ini kita hendak sahabat saya - ibu bapa peka dengan kegiatan anak. Kalaulah dibeli motosikal ini untuk pergi ke sekolah pastikan anak ini menggunakan motosikal ini pergi ke sekolah sahaja. Tidak dibenarkan untuk keluar berjalan-jalan ataupun berlumba di jalan raya dan sebagainya kerana ini mengakibatkan berlaku perkara yang tidak diingini. Silakan Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Saya hendak *respond* sedikit kepada pandangan daripada Yang Berhormat bagi Ledang tadi. Kebenaran ibu bapa untuk membolehkan anak mereka membawa motosikal tanpa lesen. Saya kira adalah disebabkan beberapa faktor lain. Antaranya ialah keinginan mereka untuk pergi belajar tetapi dalam masa yang sama, mereka menghadapi masalah pengangkutan di kawasan luar bandar.

Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan dan baru-baru ini kita kerajaan boleh menjimatkan RM4.4 bilion kalau tidak silap saya daripada subsidi minyak di mana peruntukan RM4.4 bilion akan digunakan untuk meningkatkan kemudahan pengangkutan di kawasan bandar. Sedangkan pada saya di bandar ini dekat mana hendak bergilir, sama ada hendak pakai bas tanpa tayar, pakai angin terus hendak cepat, sedangkan keperluan pengangkutan di luar bandar masih banyak.

Saya mendapat maklumat Tuan Yang di-Pertua, daripada guru-guru besar di mana ada sebahagian sekolah di pinggir bandar ini seperti di kawasan saya, mereka anak-anak ini tidak pergi ke sekolah kerana sistem pengangkutan ataupun kemudahan pengangkutan di luar bandar tidak sempurna. Apa salahnya saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat bagi Tanah Merah supaya kita meminta kerajaan memberikan perhatian yang lebih, yang serius kepada kemudahan pengangkutan di kawasan pinggir bandar ini kerana ramai anak-anak kita tidak bersekolah akibat daripada tidak adanya sistem yang sempurna. Bas tidak ada, kadang-kadang tumpang bas *private* yang tidak tentu jadualnya. Akibatnya kerana hendak sekolah, mereka terpaksa membeli motosikal dan ibu bapa kerana ingin anak mereka berjaya, anak naiklah motosikal, biarlah tidak ada lesen pun asalkan kamu boleh pergi sekolah. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih sahabat saya di sebelah. Ini semuanya oleh kerana keperluan. Keperluan terutamanya masyarakat pelajar yang berada di luar bandar dan saya cukup setuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Maran supaya dana pengangkutan negara yang berjumlah RM4.4 bilion hasil daripada penjimatan subsidi minyak

daripada kerajaan juga dapat diagih-agihkan untuk mempertingkatkan pengangkutan awam atau pun pengangkutan bas sekolah di luar bandar.

Ini dapat memberi kesan yang besar. Janganlah kita tumpukan ke kawasan bandar sahaja yang sudah ada segala infrastruktur yang sudah cukup. Minta kepada kerajaan supaya menumpukan ke kawasan luar bandar terutama untuk mempertingkatkan pengangkutan bas sekolah. Ini juga boleh mengurangkan daripada penggunaan motosikal oleh pelajar-pelajar sekolah yang tidak ada lesen pun. Ini menimbulkan banyak masalah kemalangan dan juga kematian di jalan raya.

Saya berbalik kepada ucapan saya, menurut satu kajian yang dijalankan, masalah kemalangan yang melibatkan pemandu dan pembonceng motosikal golongan pada peringkat umur 16 hingga 30 tahun ini mengikut kajian dan menurut kajian yang sama juga menyatakan lokasi kemalangan maut di kalangan pemandu dan pembonceng motosikal yang paling tinggi adalah di kawasan-kawasan taman perumahan ataupun penempatan, di jalan-jalan raya negeri dan juga di jalan raya bandaran.

Justeru itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berapa banyak kah jalan-jalan khas telah disediakan di seluruh negara untuk golongan motosikal ini di kawasan-kawasan yang telah saya sebutkan tadi. Saya juga ingin mencadangkan supaya usaha-usaha bagi membentuk peribadi dan minda golongan pemandu dan pembonceng dan juga penunggang motosikal supaya lebih bersopan dan menghargai nyawa mereka dilakukan secara berterusan bukan bermusim.

Kita hendak supaya kerajaan teruskan kempen, teruskan kesedaran, teruskan beri pelajaran mulai daripada peringkat sekolah lagi untuk memberi kesan, untuk memberi kesedaran kepada anak-anak ataupun pelajar-pelajar sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Saya ingin sentuh sedikit berkenaanIni hendak gulunglah ini. Tidak boleh lagi ya? Masa sudah terhad.

Saya juga ingin berterima kasih kepada kerajaan dalam usaha yang bersungguh-sungguh untuk merencanakan pertumbuhan Koridor Pantai Timur terutamanya di Kelantan. Pembinaan universiti dan perancangan kerajaan untuk memajukan pusat perikanan di Tok Bali secara tidak langsung akan menyediakan keperluan sokongan infrastruktur lanjut bagi memperkukuhkan daya hayat pembangunan ekonomi di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanyakan kepada kerajaan apakah reaksi kerajaan terhadap perkembangan terkini mengenai cadangan kerajaan Thai untuk meneruskan projek pembukaan Terusan Segenting Kra seperti yang dilaporkan oleh Asia News Network. Kerajaan negara Thai kini sedang menjalankan kajian mengenai usaha untuk membuka terusan ini kerana pembukaan terusan ini dikatakan dapat memacu pembangunan ekonomi di

sebahagian selatan Thai dan pada pandangan saya ia akan juga akan membantu perkembangan ekonomi di Koridor Pantai Timur dan juga di negeri utara tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini mengenai usaha kerajaan menyediakan infrastruktur bagi pemulihan alam sekitar. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat tinjauan udara dalam perjalanan untuk merasmikan Jambatan Dabong di Kelantan dan Perdana Menteri telah memberi komen tentang kekotoran sungai Kelantan dan saya dapati bahawa kekotoran ini disebabkan oleh kegiatan pembalakan yang tidak terkawal di sebelah kawasan selatan negeri Kelantan.

Saya mengesyorkan kepada kerajaan, kepada kementerian supaya satu *flying squad* diwujudkan untuk memastikan dan menangani masalah disebabkan oleh pencerobohan kawasan tadahan air yang mengakibatkan sungai-sungai menjadi keladak, sungai-sungai menjadi kotor.

Di sini saya yakin dengan jumlah peruntukan oleh kerajaan yang sebanyak RM1 bilion supaya kerajaan dapat menjaga alam sekitar. Di samping itu juga kerjasama daripada kerajaan negeri untuk memastikan pemuliharaan sungai dan juga program tebatan banjir akan berjaya khususnya di negeri Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan apakah status hari ini di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tentang pencerobohan hutan yang mengakibatkan kerosakan kepada sungai, kerosakan kepada punca air untuk rakyat khususnya di negeri Kelantan. Dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiu.

4.20 ptg.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana pada petang ini saya berkesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahas belanjawan tahun 2007 yang telah dibentangkan baru-baru ini. Alhamdulillah, rakyat di Setiu merasa gembira apabila kerajaan mengumumkan bahawa yuran peperiksaan dapat dikecualikan kepada pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan bermula pada tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu belia di dalam negara kita pada hari ini. Kita percaya bahawa belia merupakan suatu golongan perkasa kepada pihak kerajaan dan apabila kita melihat kepada belia hari ini mereka adalah penentu masa depan bagi negara kita. Justeru itu kita percaya di negara kita, kita berdepan dan pelbagai ancaman dan dipagari dengan pelbagai kerenah yang melanda generasi muda golongan belia pada hari ini. Kita mengharapkan supaya belia kita menjadi belia yang perkasa, belia yang hebat, belia yang

berwawasan dan sebagainya dengan adanya Dasar Pembangunan Belia Negara yang telah digubal.

Namun begitulah hasrat kerajaan untuk mencapai matlamat menuju kepada Wawasan 2020 bagi mewujudkan belia Malaysia memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohani, akal, jasmani, mereka bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela, patriotik serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran negara serta bangsa dan agama.

Namun kalau kita bertanya kepada perkataan-perkataan tersebut, adakah belia-belia kita mempunyai ciri-ciri tersebut? Kalau kita tanya apakah belia kita hari ini majoritinya ataupun berapa ramai di kalangan mereka ini mempunyai nilai rohani yang tinggi? Kita tanya apakah belia-belia kita pada hari ini mempunyai akhlah dan jasmani sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak kerajaan? Apakah belia kita hari ini semuanya adalah yang bertanggungjawab? Adakah belia kita pada hari ini majoritinya mampu berdikari, bersemangat sukarela dan sebagainya?

Apabila soal ini timbul saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sedikit kegusaran berlaku dalam diri kita untuk kita melihat generasi belia di masa hadapan, lebih-lebih lagi mereka ini berdepan dengan pelbagai ancaman, antaranya ialah masalah penyalahgunaan dadah yang sering kali disebut oleh rakan saya di sebelah ini Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, dadah merupakan musuh nombor satu negara.

Kita percaya baru-baru ini kita telah dikejutkan oleh isu yang menyatakan bahawa lebih kurang satu juta anak muda negara kita telah terlibat dengan masalah penagihan dadah. Namun kegemparan ini dapat diredakan apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat kenyataan bahawa sejak dari tahun 1988 ialah seramai 289,763 orang yang terlibat dengan masalah dadah. Namun saya percaya bahawa pada hari ini kita tahu setiap satu jam dua orang penagih baru sedang berkembang di dalam negara kita. Soal satu juta atau pun berapa, saya percaya masalah penagihan najis dadah ini ia merupakan musuh nombor satu negara.

Kalau kita melihat pada suatu ketika dulu, musuh nombor satu negara ialah komunis. Kerajaan telah bersungguh-sungguh bagaimana untuk menghapuskan gerakan komunis di dalam negara kita. Kad pengenalan diperkenalkan dan sebagainya sebagai usaha untuk menghapuskan golongan komunis di dalam negara kita dan pelbagai lagi. Bagaimana senjata api dirampas...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Hendak bercakap ... Hendak mencelah? Boleh. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, sahabat saya. Apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat sesuatu yang menjadi perbualan umum, menjadi sesuatu yang menakutkan, sesuatu yang mencurigakan. Negara akan datang banyak bergantung pada generasi hari ini. Seperti Yang Berhormat nyatakan, ke mana arah negara ini pada masa akan datang apabila generasi muda, generasi belia, banyak perkara yang kita ragukan kepada golongan ini, soal daya tahannya, jati dirinya, cara hidupnya, alam persekitarannya dan idola contohnya. Cara hidup anak muda sekarang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, janganlah panjang sangat ulasnya. Tanya dia sudahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Oh, payah juga saya hendak bertanya dengan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau payah tanya, tanya dekat luar. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Payah juga saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kerana hendak sampai ke matlamat persoalan saya ini saya kena melalui penerangan-penerangan yang memungkinkan Yang Berhormat dan sebenarnya yang penting bukan Yang Berhormat tetapi kerajaan yang bertanggungjawab dan mereka yang ada kuasa untuk menentukan kebimbangan, keraguan yang ada pada semua masyarakat ini dapat dijawab atau dapat dilaksanakan.

Ambil contohnya, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Kesian Yang Berhormat bagi Setiu, lama sangat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak sampailah, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya belum sampai tetapi agaknya Yang Berhormat bagi Setiu bukan orang yang tidak faham. Dia faham. Agaknya ada maksud yang saya sampaikan ini difahami oleh Yang Berhormat bagi Setiu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya bukan saya sahaja, rupa-rupanya di dalam Dewan yang mulia ini merasa bimbang isu belia ini, saya percaya ramai. Kita semua pun merasa gusar mengenai persoalan belia yang kita lihat pada hari ini untuk melihat masa depan mereka yang lebih baik setelah 49 tahun negara kita mencapai kemerdekaan. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Sebagaimana yang telah saya sentuh mengenai masalah musuh nombor satu negara, kalau dulunya komunis kita telah berjaya membasmi masalah ini. Kita telah berjaya melenyapkan musuh nombor satu negara. Tetapi dadah yang sentiasa dilaung-laungkan sebagai musuh nombor satu negara, hari ini kita masih berterusan dengan masalah dadah yang seolah-olahnya tidak berkesudahan. Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Setiu. Saya hendak sebut sedikit saja. Pasal *urgency* ataupun hendak menyoergerakan tindakan terhadap musuh nombor satu negara, Yang Berhormat ada beritahu tadi kalau zaman komunis memang jelas sebenarnya kita memerangi musuh, dan saya pun hendak ambil satu contoh. Sewaktu virus nipah yang disebabkan oleh babi dahulu itu, saya pun difahamkan bahawa gerakan bersama, doktor, polis dan semuanya sampai tidak cuti dan kerana itu nampak jelas kesan daripada tindakan itu. Apa pandangan Yang Berhormat supaya *urgency* seperti ini harus diwujudkan terhadap musuh nombor satu negara kita? Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih, sahabat saya, jiran saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya hendak supaya celahan beliau ini dimasukkan ke dalam ucapan saya dan saya menyokong bahawa masalah dadah ini patut kita jadikan sebagai suatu tindakan yang *urgency* sebelum ia terus berleluasa atau terus merebak pada masa-masa yang akan datang.

Juga kita tahu bukan hanya dadah tetapi hari ini anak-anak muda kita, apabila pihak kerajaan cuba membendung masalah dadah masuk ke dalam negara kita, mereka telah mencari alternatif, daun ketum dan sebagainya. Ini juga semakin hari semakin merebak. Walaupun pokok ketum ini bukanlah satu pokok yang - kadang-kadang makhluk Tuhan yang dicipta ini untuk memberi manfaat tetapi telah disalahgunakan sehingga ada banyak pokok dioperasi, ditebang dan sebagainya kerana masalah penyalahgunaan pokok ketum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam perkara lain iaitu kita sedar bahawa masalah dadah ini merupakan cabaran yang besar yang sedang menguji kita dan juga pihak kerajaan. Tetapi kita dapati usaha-usaha ini masih belum lagi mencapai matlamat yang dihasratkan. Semakin hari semakin meningkat dan kalau kita melihat dari segi bilangan kaum, saya percaya masalah ini semakin hari semakin membimbangkan kita. Saya juga mencadangkan supaya bukan hanya pihak kerajaan dapat sama-sama membendung dan juga mengatasi masalah penyalahgunaan dadah tetapi saya juga menyeru kepada pihak swasta untuk sama-sama tampil dan bertanggungjawab. Kerana pada hari ini kerajaan telah berjaya melahirkan korporat-korporat, orang-orang yang telah menjadi kaya raya dan sebagainya. Saya merayu supaya mereka juga dapat tampil bersama-sama, turun bersama membantu kerajaan untuk membasmi masalah dadah yang mana berlaku di dalam masyarakat kita pada hari ini. Tetapi kita tahu bahawa kadang-kadang mereka juga adalah berselindung di sebalik penagih-penagih dadah ini.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Setiu. Saya nak minta pandangan dari Setiu, saya dulu pernah terlibat bukan mengambil dadah, terlibat dengan sama-sama membuat operasi dadah dengan pasukan tugas dadah, sekarang kita panggil ADK. Saya lihat dadah ini berbeza dengan benda

lain, kalau pesakit, penyakit dia tidak ada nilai wang. Maknanya tidak ada orang nak cari penyakit kerana penyakit akan bawa mati. Tetapi dalam konteks dadah ini, dadah ini ada nilai komersial, maknanya kalau dapat dadah maka akan dapat duit. Sebab itu saya nak tanya Yang Berhormat apakah mungkin ini disebabkan oleh pendekatan kita bagaimana nak mengatasi masalah ini? Kerana saya lihat, kita perhatikanlah, pengedar dadah ada dalam kawasan kita. Penagih dadah ada bersama hidup dengan pengedar dadah. Yang dah dipulihkan daripada pusat pemulihan pun berada dalam masyarakat kita. Kalau kita tahu 25% sahaja daripada 100% yang pulih daripada pusat pemulihan. 75% lagi kembali semula mengambil dadah.

Dan banyak benda-benda lain, sebab itu dulu pernah kita mencadangkan dalam banyak seminar supaya penagih-penagih yang *clear* ini kita letakkan di pulau kerana mereka tidak dapat lagi berhubungan dengan pengedar dadah dan sebagainya. Dan kerajaan belum pernah melaksanakan perkara ini. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya? Saya nak mencadangkan kalau boleh cuba kerajaan cuba sekali peruntukkan sedikit kewangan, kita buat satu *pilot* projek sebagai tempatkan penagih-penagih ini supaya mereka tidak mudah dihubungi oleh pengedar-pengedar dadah. Minta pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Bukan soal saya bersetuju ataupun tidak bersetuju tetapi apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Maran menggambarkan betapa kita hari ini sedang berdepan dengan satu ancaman yang cukup besar iaitu belia-belia kita terlibat dengan masalah dadah. Walaupun kita rasa seorang penagih yang telah dibawa ke pusat pemulihan, kemudian kembali kepada masyarakat tetapi kita juga perlu kepada kesedaran masyarakat untuk sama-sama membantu mereka, bekas-bekas penagih ini. Kalau tidak mereka akan kembali sama dengan kawan-kawan mereka untuk terus menagih. Dan akhirnya usaha kerajaan ini tidak mencapai matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, benda yang saya bawa dalam Dewan ini adalah berkait dengan isu belia.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Ini bila kita sebut masalah dadah, kita kata kita beri macam-macam dah, kita dah bercakap boleh kata tak tahulah dah bertahun-tahun dah bercakap fasal penglibatan belia-belia kita dalam soal dadah. Tetapi saya nak bertanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat tahu sekarang ini keseriusan daripada pihak penguatkuasaan terhadap pengedar-pengedar tadi. Sebenarnya selagi ada pengedar itu, selagi itulah pertambahan dan percambahan pengambilan dadah oleh belia-belia kita. Jadi apakah langkah-langkah tertentu yang difikirkan oleh Yang Berhormat atau dapat dicadangkan kepada Dewan yang mulia ini. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membanteras secara habis-habisan terhadap pengedar-pengedar ini. Yang sebenarnya, selagi ada edaran, selagi itu ada permohonan. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Sungai Petani, memang benarlah selagi ada *demand*, selagi ada *supply*, benda ini akan berterusan. Tetapi sebenarnya saya

percaya Yang Berhormat Sungai Petani, keseriusan dalam perkara ini. Kalau kerajaan serius, kalau kakitangan kerajaan serius, kalau semua jabatan-jabatan yang terlibat serius, tidak ada yang cuba nak melindungi pengedar dan juga penagih, saya percaya keseriusan ini akhirnya berjaya. Tetapi hari ini saya rasa keseriusan ini belum benar-benar berlaku di dalam usaha kita untuk membasmi masalah dadah.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Soal mengenai perlindungan yang diberikan kepada penagih dadah juga kadang-kadang termasuk ibu bapa dan keluarga. Adakah Yang Berhormat Setiu ada mencadangkan yang bersubhat melindungi penagih dadah ini mesti dikenakan undang-undang sebagai mana kita melindungi pendatang tanpa izin dan sebagainya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih sahabat Kuala Krau. Ya, kalau kita memberi perlindungan kepada pendatang asing tanpa izin memanglah hukumannya serius. Tetapi memberi perlindungan kepada penagih-penagih dadah hari ini nampaknya ia berbeza, sebenarnya berbeza. Apakah perlindungan itu memberi didikan, pembentukan jati diri akhlak dan sebagainya. Tapi ini perlu kita melihat kalau sekadar untuk melindungi penagih supaya ianya tidak diambil tindakan, saya rasa perlu satu undang-undang disediakan untuk sama-sama kita membasmi permasalahan ini. Tetapi sayang pada hari ini kita melihat sayang yang tidak bertempat berlaku baik daripada ayah kepada anak, baik daripada ibu kepada anak. Kadang-kadang apabila pihak polis mengambil tindakan menangkap anaknya penagih, ibunya marah kepada polis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah dadah yang melanda generasi muda hari ini, kita juga melihat kepada isu-isu gejala sosial yang berlaku. Mungkin kita beranggapan bahawa isu yang saya sentuh ini menjerus kepada perkara-perkara yang negatif, tetapi kita takut sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit. Minat anak muda hari ini sebagaimana yang telah disentuh oleh Yang Berhormat daripada Muar tadi, yang menyentuh bahawa minatnya generasi muda pada hari ini kepada hiburan. Dan isu-isu sosial yang berlaku dalam negara kita pada hari ini pun tidak kurang hebatnya. Dan saya percaya isu sosial ini ada kaitan juga dengan masalah dadah. Di pusat-pusat hiburan contohnya dengan gelagat anak-anak muda di sana, dan mereka dipengaruhi oleh masalah dadah dan sebagainya yang boleh membawa kepada isu sosial yang semakin lama semakin menebal dan akhirnya mungkin satu kesukaran kepada kita usaha kerajaan untuk membaiki ataupun membasmi masalah gejala sosial yang berlaku di dalam negara kita.

Walaupun setakat ini kita melihat siri-siri ceramah kursus dan sebagainya yang telah dibuat, tetapi saya percaya antara perkara buruk dengan perkara yang baik ini, saya percaya perkara yang baik akan kalah, tewas kerana perkara yang buruk sentiasa mendapat tempat di dalam hati manusia sebagaimana firman Allah SWT yang berbunyi, *[membaca sepotong ayat Al-*

Quran]. “Sesungguhnya jiwa manusia itu sentiasa mendorong kepada perkara yang buruk kecuali jiwanya telah mendapat rahmat daripada Allah SWT”.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada isu gejala sosial saya juga melihat kepada generasi muda dari segi semangat patriotik mereka kepada negara. Pada hari ini kita baru sahaja selesai menyambut, kita masih lagi berada di dalam bulan merdeka, 31 Ogos baru ini kita telah sambut tahun merdeka yang ke 49. Dan kalau kita melihat di ibu kota negara kita ramai anak-anak muda mengibarkan jalur gemilang, menunggang motosikal dalam keadaan yang saya rasa bukan sifat patriotik yang ada pada mereka.

Hanya yang ada pada masa itu adalah inginkan keseronokan sama-sama datang beramai-ramai menyebarkan jalur gemilang dan sebagainya. Tetapi ramai juga yang mempunyai sifat patriotik di dalam diri mereka. Namun begitu sekiranya minat anak-anak muda kita kepada hiburan sebagaimana pada hari ini dan kurangnya sifat patriotik rasa kasih dan sayang kepada negara kita takut suatu hari nanti negara kita juga akan berdepan dengan masalah.

Dan saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan yang telah mengambil pendekatan semula. Kalau dahulunya program PKSN hari ini telah membuat program memperkasakan tenaga muda. Dan dahulu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading Yang Berhormat seorang lagi.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara yang menarik yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Setiu ini sifat cinta kepada negara ini. Setiap kali kita menyambut hari kemerdekaan ulang tahun kemerdekaan baik di peringkat federal-persekutuan sampai lah ke kampung pengisiannya ialah hiburan, pengisiannya ialah lagu rock, pengisiannya ialah lagu-lagu macam-macam lagulah, lagu sahaja lah artis-artis. Apakah persembahan berupa nyanyian-nyanyian ini boleh membentuk jiwa patriotik di kalangan anak muda kita. Itu sahaja cuma artis sahaja yang bertukarlah bertukar artis bertukar artis di mana-mana. Itulah dia punya agenda besar. Apakah anak muda kita boleh dirangsang rasa kasih dan cintanya kepada negara hanya disogokkan dengan nyanyian-nyanyian dan malahan lagu-lagu yang kadang-kadang seni katanya langsung tidak menolong kepada cinta menjadi patriotik kepada negara ini. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Setiu dalam perkara ini.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Saya bersetuju dengan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading sebab itu saya menyentuh persoalan ini. Tetapi apabila Yang Berhormat bagi Sri Gading menambah perkara ini saya rasa lebih gagah sedikit sayalah dengan isu yang saya bawa. Kerana Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja di ibu kota bahkan di kampung-kampung pun berlaku senario yang sama. Kita melihat program menyambut

hari merdeka ini menunggu detik ini begitu hebat tetapi saya percaya kasih sayang cinta pada masa itu tidak seberapa sangat lebih kepada mencari hiburan. Saya percaya Kementerian Belia dan Sukan boleh mengambil satu perjalanan untuk mengatasi senario yang berlaku seperti ini. PLKN tahniah kepada program PLKN saya percaya telah banyak menyedarkan generasi muda tentang erti patriotik dan sumbangan mereka untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sedikit.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Sungai Petani sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Tadi kita bangkit soal sambutan kemerdekaan dan dikaitkan dengan Kementerian Belia dan juga soal dadah tadi yang berkaitan dengan belia. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat di sini, kalau Yang Berhormat lihat Kementerian Belia dan Sukan hari ini dia lebih banyak memikirkan soal sukan yang bertaraf tinggi tidak adalah sukan rakyat dan sebagainya, itulah yang saya lihat. Dan juga program-program belia langsung tidak mendapat perhatian. Jadi apa pandangan Yang Berhormat mengenai Kementerian Belia dan Sukan ini tadi program-program belia ini cukup tidak dapat perhatian langsung. Saya pun tidak faham dahulu ada saya buat cadangan supaya kementerian ini dibahagi dua juga iaitu kementerian sukan satu kementerian belia satu. Supaya tumpuan kepada program belia ini khususnya kepada belia yang lepasan sekolah. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Antara belia dan sukan kita melihat ada kebenarannya tetapi kalau dikatakan langsung tidak diberi perhatian itu saya rasa terkilannya kementerian. Ada diberi perhatian kepada belia tetapi saya percaya kepercayaan ini juga berdepan dengan kekangan-kekangan tertentu yang akan saya sentuh selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua ...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Menyebut belia ini anak kita generasi muda ini cergas, aktif, cerdas sebenarnya memang semua pihak mengambil perhatian dan wajar mengambil perhatian. Saya ada kebimbangan tadi tentang budaya *hedonism* ini budaya hiburan yang keterlaluan. Saya lihat di sini bukan sahaja Kementerian Belia dan Sukan saya rasa semua kementerian yang bertanggungjawab terhadap media, media elektronik, media cetak ini harus duduk satu meja untuk memastikan bahawa ada satu bentuk kawalan sebenarnya terhadap budaya hiburan yang melampau. Saya rasa di Malay Mail kira-kira seminggu yang lepas di Amerika telah dibuat kajian lagu rap dan hip hop itu telah dikenal pasti sebagai mendorong dan

merangsang untuk anak-anak kita *the teen* punya *group* untuk melakukan perlakuan seksual lebih awal.

Jadi oleh kerana itu wajar ataupun tidak suatu kajian dibuat dalam negara kita supaya perkara ini diberikan perhatian dan suatu kawalan diberikan terhadap budaya *hedonism* ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Saya sangat setuju Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kerana kita pun tahu bahawa teguran-teguran telah kita suarakan di dalam Dewan ini mengenai penyebaran majalah-majalah, buletin-buletin, variasari dan sebagainya ini yang tidak menggambarkan suatu imej generasi muda yang baik yang akhirnya mendorong mereka untuk terikut-ikut dengan apa yang telah diketengahkan oleh satu kumpulan ataupun golongan yang hanya melihat duit ataupun keuntungan di dalam hidup mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Setiu kena gulung Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua belia dan kesukarelaan ini juga perlu diberi perhatian. Hendak melahirkan sukarelawan belia saya percaya kita juga berdepan dengan masalah pada hari ini. Kalau sebut belia kalau kita buat program kita tengok belia-belia kita akan bertanya mana *t-shirt* nya, mana upahnya, kalau pergi kursus berapa elaunnya dan sebagainya. Ini menggambarkan bahawa semangat sukarela di dalam diri anak-anak muda kita hari ini sudah tiris ataupun sudah semakin hari semakin pudar dan luntur dalam jiwa mereka. Saya juga secara ringkas ini hendak laju, belia dan kepimpinan keterampilan dan jati diri saya percaya ini juga sedang melanda generasi muda pada hari ini. Kita melihat ramai anak-anak muda kita yang pergi ke universiti melanjut pelajaran ke menara gading mempunyai akademik yang tinggi tetapi apabila mereka kembali ke bidang pekerjaan ke pangkuan masyarakat dan sebagainya seolah-olah mereka ini terasing *isolated*, dengan izin.

Terasing daripada masyarakat mereka ini tidak dapat membantu generasi muda untuk sama-sama membimbing anak-anak muda yang ada yang ketinggalan dalam pendidikan di kampung-kampung yang akhirnya mereka membawa arah tuju dan haluan mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua kalau kita melihat pula kepada belia dan agama pada hari ini saya rasa belia kita juga berdepan dengan satu masalah yang sangat serius. Kita buat kempen Rakan Muda ke masjid dalam bulan puasa nanti ada program Rakan Muda tadarus dan sebagainya ini juga tidak mencapai matlamat kalau melihat kepada masa-masa yang lalu. Oleh kerana jauhnya generasi muda dengan agama yang akhirnya menjerus mereka kepada perkara-perkara yang tidak baik. Dan belia dengan budaya pada hari ini Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, KeKKWa lah ringkasnya memupuk semangat masyarakat supaya kembali kepada hidup berbudaya. Tetapi bagaimana dengan budaya anak-anak muda belia-belia kita pada hari

ini. Saya rasa mereka berdepan dengan suatu kalau hendak dikatakan satu krisis saya percaya anak muda kita berdepan dengan satu krisis yang melanda mereka pada hari ini.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua secara ringkas satu lagi belia dengan ICT dengan telefon bimbit dengan teknologi moden yang ada pada hari ini dan sebagainya ini juga merupakan satu ancaman kepada mereka yang menentukan hidup kuat hidup lemah mereka pada hari ini dan juga masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bagi mengatasi masalah-masalah ini dan banyak lagi masalah-masalah, saya mencadangkan supaya peruntukan dapat ditambahkan kepada Kementerian Belia dan menjurus kepada permasalahan belia, kalau sukan, sukanlah. Tetapi untuk belia sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi berilah tumpuan kewangan kepada Kementerian Belia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat ya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Saya hendak menggulung ini Tuan Yang di-Pertua, dalam gulungan. Yang kedua saya mencadangkan kementerian-kementerian dapat memberi tumpuan kepada agenda pembangunan belia bukan hanya kita serahkan kepada Kementerian Belia, di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masih ada ruang untuk diisi oleh golongan muda. Di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi masih banyak ruang untuk diisi oleh orang-orang muda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup Yang Berhormat ya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Saya juga merayu kepada media massa pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, berilah perhatian kepada masalah golongan muda pada hari ini. Janganlah kita mewartarkan, menyebarkan risalah dan sebagai dalam surat khabar yang menghairahkan, yang mengganggu pemikiran anak-anak muda.

Saya juga merayu kepada masyarakat seluruhnya supaya dapat sama-sama membantu untuk memperkasakan generasi belia pada hari ini. Belia sendiri juga sesama mereka perlu untuk sama-sama memainkan peranan dan saya juga mohon yang terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Memohon kepada institusi keluarga, memantapkan institusi keluarga bagi melihat dan memastikan generasi belia kita akan terus mara dengan baik dan berjaya masa hadapan kita. Oleh sebab itu saya menyokong terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Melaka.

4.52 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajet tempoh hari yang menyatakan walaupun kita mengalami rintangan ekonomi dunia. Walau bagaimanapun, kita masih dapat lagi mencapai mudah-mudahan 5.8 peratus KDNK bagi tahun ini juga bajet ini telah pun dihuraikan yang sebenarnya sealiran dengan Misi Nasional iaitu lima teras. Bagi teras yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada sebutnya oleh Yang Amat Berhormat yang mengatakan kita haruslah memupuk minda kelas pertama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu konsep yang cukup penting kerana pemupukan minda kelas pertama ini ia akan memastikan bahawa negara kita akan terus maju dan tidak akan ketinggalan dari segi pemikiran politik. Tetapi baru-baru ini apa yang berlaku dalam negara kita, saya rasa ia sebenarnya membelakangkan kemajuan dalam negara kita. Kerana seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita harus memikirkan sesuatu itu iaitu *thinking outside the box*, tetapi sebenarnya apa yang kita ada selama ini yang apa yang saya lihat dan yang apa yang saya *observe* dengan izin. Sebenarnya ia masih seolah-olah dan masih sesak lagi dalam kotak yang sama.

Baru-baru ini wujudnya intonasi ataupun penyertaan yang dibuat oleh pemimpin dalam negara kita yang menyatakan "baik dia rugi menjual saham dia, dia tidak akan jual saham itu kepada orang Cina" dan sebagainya. Saya rasa ini adalah satu intonasi yang tidak betul kerana dia seolah-olah menjadikan kaum Cina dalam negara ini sebagai musuh kepada bangsa-bangsa lain dan sebagai atau pun sebaliknya. Saya rasa kita haruslah mengikis pendapat sebegini, kerana selepas kita mencapai kemerdekaan selama 49 tahun. Tetapi jika kita masih lagi menganggap seolah-olah kita berlumba-lumba dan kita menganggap bangsa lain atau kaum lain sebagai musuh kita. Daripada intonasi itu saya rasa ini adalah sesuatu yang sungguh malang dan juga wujud intonasi yang menyatakan apabila parti dalam Barisan Nasional dan UMNO yang mengalami kesusahan ataupun kesulitan maka MCA pula yang mengambil kesempatan. Saya rasa ini tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Kerana saya rasa dari segi sejarah dalam negara kita semenjak tahun 1952 sebenarnya telah pun wujud satu gabungan dan satu ikatan antara UMNO dengan MCA dalam pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan di Kuala Lumpur. Yang mana ikatan ini telah pun menunjukkan bahawa ikatan ini merupakan satu ikatan yang cukup baik yang dia merupakan *pre-cursor* dengan izin kepada Barisan Nasional yang wujud dalam tahun 1974.

Sebenarnya dalam tahun 1952, daripada buku sejarah yang saya boleh baca. Ia sebenarnya telah pun menyatakan bahawa dalam tahun 1952 dalam pilihan raya Kerajaan Tempatan di Kuala Lumpur sebenarnya sebahagian besar daripada wang kempen untuk pilihan raya itu sebenarnya telah pun disumbangkan oleh MCA. Dan dalam tahun 1987, 1988, apabila

wujudnya masalah dalaman bagi parti UMNO pada masa itu, MCA pun tidak pernah mengambil kesempatan. Dan juga pada masa yang sama dalam tahun 1990-an mungkin dalam tahun 1997, apabila wujudnya pergolakan politik dalam UMNO juga, MCA pun tidak pernah mengambil kesempatan.

Saya rasa ini adalah persoalan yang harus kita betul-betul berhati-hati. Kerana jika kita silap dan kita sentiasa menganggap ini seolah-olah satu gambaran yang kita berikan kepada rakyat, rakyat mungkin akan keliru. Ini kerana saya rasa yang penting sekali kita haruslah menganggap negara kita sebagai satu keluarga besar yang merangkumi kepelbagaian orang Cina baiklah ataupun Melayu, Iban, Dayak dan sebagainya.

Baru-baru ini pun ada persoalan, kontroversi yang mengatakan orang-orang Melayu telah pun tersingkir dalam arus pembangunan di Pulau Pinang. Saya tidak berasal daripada Pulau Pinang tetapi saya rasa penekanan itu haruslah kita bagikan sebagai rakyat Malaysia.

Adakah kita wujudnya golongan tertentu yang telah pun disingkirkan ataupun tidak, sama ada ataupun tidak ada, saya pun tidak tahu. Tetapi penekanan itu intonasi yang kita gunakan itu janganlah kita gunakan perkataan yang seolah-olah sesuatu bangsa itu disingkirkan di dalam satu arus pembangunan. Jika kita menggunakan intonasi sebegitu, jika kita menggunakan logik sebegitu. Jika kita menggunakan logik sebegitu, kita pun boleh gunakan logik yang salah dan katakan orang Cina dalam Kampung Baru pun ada masalah tersingkir, orang India pun dalam ladang pun tersingkir ataupun orang Dayak dalam rumah panjang pun tersingkir.

Jadi saya rasa ini adalah intonasi-intonasi yang harus kita berjaga-jaga kerana ini akan memusnahkan negara kita. Dan ini akan menidakkan segala usaha yang selama ini telah pun dicurahkan oleh pihak kerajaan oleh agensi-agensi kerajaan, oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional yang selama ini cuba memupuk perpaduan dalam negara kita dan saya rasa ini haruslah kita berjaga-jaga kerana saya rasa jika kita tidak menjaga intonasi yang kita katakan itu, ia akan memberikan satu gambaran yang salah dan akan mengelirukan rakyat kita. Saya rasa itu adalah satu perkara yang sentiasa saya ingin berkongsi dengan semua rakyat di Malaysia bahawa perpaduan yang kita ada dalam negara pada hari ini bukanlah satu fenomena semula jadi sejak kita lahirkan.

Sebenarnya ia merupakan titik peluh dan juga berkat usaha daripada nenek moyang kita yang selama ini dapat memastikan dengan penuh dengan kepintaran, bahawa wujudnya satu keperluan sebagai penggerak utama dan juga teras pembangunan negara kita.

Dari sini saya beralih ke artikel untuk forum Artikel 11 yang saya rasa faham wujudnya kekhawatiran dalam masyarakat yang juga boleh dirasai oleh kerajaan kita, bahawa kita haruslah memberhentikan perbincangan berkenaan dengan forum Artikel 11 itu. Tetapi itu pada masa kini, tetapi saya rasa kita tidak boleh menyapu semua perkara itu di bawah karpit dan keluar daripada situ dan seolah-olah berpura-pura tidak ada masalah yang berlaku dalam negara kita. Ini kerana, saya rasa apabila kita hendak mencapai permuafakatan ke atas apa-apa jua isu Tuan

Yang di-Pertua, yang penting sekali ialah kita haruslah melahirkan atau mewujudkan satu pentas untuk komunikasi, satu pentas untuk perbincangan, perundingan yang mana kita akan mendapat maklumat ataupun *feedback*, pandangan daripada orang-orang lain. Saya rasa ini adalah penting dari segi kebebasan meluahkan pandangan itu saya rasa juga penting.

Walaupun dia bukan satu kebebasan yang muktamad, tapi saya rasa dari segi meluahkan fikiran kita, dari segi keupayaan kita untuk berbincang sesuatu secara rasional dan saya rasa sekurang-kurangnya kita haruslah memberikan ini peluang dan juga ruang perbincangan yang harus diadakan dalam negara kita. Apakah yang terjemahan yang dia bagi betul ke tidak ke itu soal lain. Tapi yang penting ialah kita haruslah mewujudkan dan memberikan satu pentas perbincangan kepada warga-warga kita supaya atas apa jua masalah atau pun pandangan yang berlainan, kita dapat bersama-sama.

Kerana saya rasa ini bukan soal penghinaan ke atas apa-apa agama dalam negara kita. Bukan. Kerana saya rasa adalah cukup malang kerana forum perkara 11 ini, apabila mereka adakan satu forum di Kuala Lumpur, tidak ada masalah. Mereka adakah forum yang sama di negeri Melaka dalam kawasan saya pun tidak ada masalah, secara aman damai. Tapi apabila mereka cuba mengadakan forum yang sama dan dia di Pulau Pinang saya difahamkan dia tidak dapat adakan kerana wujudnya satu kumpulan badai jika tidak silap saya.

Satu angin kencang yang cukup kencang, badai. Yang telah pun menyebabkan mereka terpaksa berhenti dan di Johor Bahru baru-baru ini, saya difahamkan juga mereka terpaksa berhenti dua jam sebelum *time table*, dengan izin yang telah pun ditetapkan. Saya rasa ini adalah satu perkara yang cuba haruslah kita selesaikan kerana saya percaya ialah bahawa kerajaan kita mempunyai satu tanggungjawab untuk memberikan penjelasan kepada rakyat kita.

Satu penjelasan mengapa kita mungkin kita melarang perundingan pada masa kini, tetapi pada masa yang sama kita tidak seharusnya melarang ini selama-lamanya kerana ia merupakan satu isu yang sentiasa akan berbangkit. Dan kita sebenarnya terhutang satu penjelasan kepada warga-warga muda kita, mungkin generasi muda kita. Mengapa kita berbuat begitu? Bolehkah perkara itu berpanjangan begitu sahaja kerana saya rasa mungkin dari satu segi jika kita memberikan ruang untuk perundingan, ia mungkin melahirkan satu *disharmony* dengan izin dalam negara kita.

Tapi pada masa yang sama, jika kita menutup ruang itu, dia juga akan melahirkan satu *disharmony* yang sama. Jadi saya rasa lebih baik kita berdepan dengan masalah itu dan kita memberikan ruang untuk perbincangan dan mudah-mudahan dari perbincangan itu kita dapat mencapai satu permuafakatan. Dan dari Seksyen 121, Artikel 121 (1A) juga saya rasa itu haruslah kita bincang juga. Saya tidak mempersoalkan bidang kuasa bagi undang-undang syariah dalam negara kita. Tapi pada masa yang sama, kita haruslah berdepan juga dengan satu persoalan pokok iaitu kedudukan undang-undang sivil dalam negara kita.

Saya tidak tahu mengapa baru-baru ini wujudnya satu ugutan maut ke atas seorang peguam bernama Malik Imtiyaz yang beliau hanya cuba bekerja sebagai seorang peguam di Malaysia, beramal dan sebagai seorang peguam di Majlis Peguam Malaysia, beliau beramal dan beliau telah pun diberikan tanggungjawab untuk *watching brief* dalam satu kes Lina Joy tapi saya tak tahu mengapa beliau pula yang dikenakan, diberikan ugutan maut oleh pihak-pihak tertentu dan saya rasa ini haruslah kita memberikan penjelasan kepada rakyat kita bahawa janganlah kita terjerumus ke satu arah ekstremisme yang mana apabila wujudnya apa-apa pandangan yang kita tidak bersetuju, kita mahu orang itu mati.

Saya rasa ini bukanlah satu konsep, satu fikiran yang sivik yang boleh dianggapkan sebagai minda kelas pertama. Saya rasa ini haruslah kita lihat dan bincang dengan betul-betul secara rasional dan juga secara terbuka. Dan satu hal lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah atas ini krisis kehakiman, yang sebenarnya ia merupakan satu kontroversi baru-baru ini dalam negara kita kerana ia telah pun dijadikan satu isu sama ada perlu atau pun tidak kita memberikan satu, melahirkan atau pun mewujudkan satu tribunal yang bebas untuk meneliti dan meninjau semula apa yang telah pun berlaku dalam tahun 1988 iaitu krisis kehakiman yang telah pun menyebabkan pemecatan seorang *Lord President* dengan izin. Iaitu Tun Salleh Abbas pada masa itu.

Saya rasa kita adalah perlu kerana seperti mana yang dikatakan oleh pihak-pihak tertentu, saya bersetuju dengan pendirian yang diberikan oleh Majlis Peguam Malaysia kerana kita terhutang satu penjelasan mengapa kita seharusnya melahirkan atau pun mewujudkan tribunal yang bebas ini untuk meneliti semula, meninjau semula apa yang sebenarnya berlaku dalam tahun 1988 kerana ini merupakan satu *chapter* dengan izin, sejarah. Dalam sejarah sektor kehakiman dalam negara kita yang begitu gelap sekali sehingga kan keseluruhan sistem kehakiman kita jatuh maruah.

Dan apabila dipandang oleh orang-orang lain, kita memang tidak boleh menjawab apa-apa, kita tak boleh memberikan satu jawapan atau pun satu penjelasan mengapa dia boleh terjadi atau pun berlaku begitu. Kerana dalam proses apabila wujudnya krisis kehakiman ini, wujudnya banyak persoalan juga yang mungkin kita kena jawab kerana saya rasa haruslah kita berdepan dengan sejarah negara kita sendiri. Apabila kita tidak dapat berdepan dengan sejarah negara kita sendiri dan cuba mempelajari mungkin daripada episod ini, mungkin mempelajari apakah itu pengalaman yang pahit itu. Barulah kita dapat berganjak ke hadapan.

Jika kita asyik sahaja tak mahu tengok apa yang telah pun berlalu sama ada wujudnya kesilapan atau pun tidak, saya rasa ini bukan satu cara seperti mana yang disarankan iaitu Minda Kelas Pertama dan persoalan-persoalan yang bangkit dalam krisis kehakiman dalam tahun 1988 itu ia termasuklah adakah betul apabila seorang hakim yang senior dalam Mahkamah Agung, dia boleh mengingkari arahan daripada *Lord President, acting Lord President* pada masa itu dan sama ada komposisi bagi tribunal yang kedua yang telah pun membuat cadangan memecat dua

orang hakim senior dalam Mahkamah Agung itu dan juga menggantung lagi tiga hakim Mahkamah Agung yang senior daripada jawatan itu merupakan satu keputusan yang betul pada masa itu.

Saya rasa semua perkara ini haruslah kita meninjau semula. Jadi saya rasa jika kita ingin mencapai satu kemajuan yang lebih, kita haruslah berdepan dengan isu-isu sebegini. Ini bukan satu isu yang akan menyebabkan kesulitan kepada kerajaan kita kerana saya rasa dalam satu parti yang dikatakan cukup bertanggungjawab, maka kita mestilah mempunyai satu mekanisme yang boleh mengkritik kita sendiri. Barulah kita dapat berganjak ke hadapan, barulah kita boleh maju. Kerana jika kita tidak mengambil kira, satu insiden sebagai satu pengalaman atau pun satu insiden sebagai satu apa yang kita harus pelajari daripada pengalaman pahit itu, maka kita tidak akan berganjak daripada itu.

Dan saya berharaplah supaya dengan minda yang betul-betul terbuka dan bukan sahaja kita bermain-main di mulut sahaja, tetapi kita betul-betul mengamalkan, mengamalkan konsep yang baik ini, saya rasa kita dapat berganjak ke hadapan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sepanggar.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Warga emas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya. terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian..

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sepanggar, bukan Yang Berhormat bagi Bagan. Yang Berhormat bagi Sepanggar.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan Yang Berhormat bagi Bagan?

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sepanggar. Yang Berhormat bagi Bagan sila duduk.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bukan Yang Berhormat bagi Bagan?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan mikrofon].*

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: *[Ketawa].*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Telinga sumbat.

[Ketawa].

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: *Sorry* lah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas Bajek bagi tahun 2007. Tahun 2006 ini adalah satu tahun yang penuh dengan nilai peningkatan tahap inovasi. Penuh dengan pengertian bagi memperkasakan modal insan yang akan meneruskan perjuangan untuk memaju serta memartabatkan kemerdekaan kita rakyat Malaysia yang bersopan santun juga beretika, hidup berharmoni bersama untuk menjunjung Kedaulatan Negara dengan prinsip Rukun Negara.

Pada permulaan tahun ini, kita bersama-sama telah diungkap dengan satu rancangan, Rancangan Malaysia Kesembilan, dan kini selepas kita menyambut kemerdekaan kita yang ke 49, kita pula dihadiahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dikasihi, dengan Bajet 2007, yang memfokuskan kepada modal insan secara totalnya menuju melaksanakan Misi Nasional ke arah mencapai wawasan negara.

Dengan pemansuhan yuran peperiksaan sekolah dari terendah hingga ke tahap STPM, maka ini bukan sahaja telah meringankan beban ibu bapa tetapi saya percaya dan yakin ia akan memberi satu suntikan semangat, *the invisible of letting force*, dengan izin, kepada beratus ribu murid-murid kita yang masih di bangku sekolah untuk meneruskan serta mencapai persekolahan mereka sehingga pendidikan tinggi. Satu harta diri yang tidak boleh dinilai dengan wang ringgit. Harta yang betul-betul tidak ada orang lain yang dapat memperoleh malahan dapat dibawa ke hujung hayat diri sendiri. *[Disorak]*

Saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Bajet 2007, yang bernilai RM159.4 bilion, berbanding dengan RM137 bilion pada tahun 2006. Kita yakin dengan peningkatan bajet ini tentu sekali banyak pembangunan akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan keselamatan dan kesihatan. Dengan adanya pembinaan pusat Tentera Laut Diraja Malaysia, yang hampir siap terletak di Teluk Sepanggar, di kawasan saya, ini akan mempertingkatkan serta menjamin keselamatan kita, rakyat di Sabah dan Sarawak untuk membanteras anasir-anasir penyeludup serta pendatang tanpa izin, yang menggunakan lautan persisiran Sabah dan Sarawak.

Dengan penempatan pusat yang kedua utama TLDM di Sepanggar, maka keluasan tanah yang diguna juga agak besar sehingga menggugat pula keselesaan perkampungan tradisi di Kampung Gentisan, yang pada awalnya hanya dijangka 11 buah rumah yang akan dipinda bagi pembinaan laluan masuk di pusat TLDM ini tetapi kini didapati banyak lagi rumah penduduk rakyat tempatan akan terlibat.

Disebabkan ini, saya ingin mengesyorkan agar Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri bersama-sama dapat menyediakan satu tapak tanah kosong kerajaan negeri yang berhampiran bagi menempatkan rakyat tempatan ini dan bukan menempatkan mereka bersama-sama dengan orang-orang penempatan yang dikhaskan di Kampung Numbak. Saya mohon dan merayu kepada kerajaan berkenaan, agar mengambil tindakan ini supaya penduduk asal Kampung Gentisan dapat meneruskan amal tradisi suku kaum tempatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Balai Polis Inanam telah pun diwartakan. Saya ucapkan syukur dan terima kasih atas perwujudan ini. Atas perwujudan ini, saya yakin pihak kementerian akan menyegerakan pembinaan balai polis penuh dengan kelengkapan perumahan, anggota. Ini disebabkan pada ketika ini, mereka yang bertugas hanya menggunakan sebuah pondok yang kecil, yang dibina pada awal tahun 90-an. Saya ingin juga

bertanya, bilakah pembinaan balai polis bagi Inanam yang ditunggu-tunggu ini dapat direalisasikan. Begitu juga permasalahan bagi pekan Telipok, di mana pada ketika ini kita dapat lihat dan dengar orang-orang, '*the so called Malaysian*', dengan izin, telah melebihkan penduduk tempatan, anak watan Malaysia di Sabah. Sangat-sangat membimbangkan terhadap keselamatan kehidupan seharian yang senantiasa tergugat sehingga mereka enggan dan tidak terdaya untuk melapur jenayah kecurian harta benda, sama ada di rumah, mahupun di ladang buah-buahan mereka.

Kecurian dan ragut, sering kali berlaku. Pondok polis di pekan Telipok hanya mempunyai dua orang anggota. Bagaimana mereka dapat mengawal kawasan penempatan Boronuon yang didiami lebih daripada 8,000 orang Filipina yang masih diragui kerakyatan mereka, bebas keluar masuk tanpa sekatan. Saya merayu sekali lagi agar anggota polis ditambah dengan perumahan mereka sekali gus di pekan Telipok.

Menyentuh dengan rondaan polis. Saya mengucapkan syukur, disebabkan memang ada perondaan yang dijalankan tetapi saya merayu dan memohon agar rondaan ini dapat dilipatgandakan lagi dengan kenderaan yang berkuasa tinggi serta anggota polis yang penuh berdisiplin, bermoral serta berintegritas, bukan hanya untuk mengawal lori-lori yang bermuatan lebih dan pendatang asing tetapi juga memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang sering kali diancam keselamatan seperti di kawasan UMS, KKIP, taman-taman seperti Taman Indah Permai, King Frisher dan lain-lain taman serta kampung-kampung tradisi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan tahap kesihatan. Di Sabah, disebabkan rakyat tempatan sukar bersaing dengan orang-orang asing yang mendapat kemudahan perubatan di klinik-klinik serta di hospital kerajaan, maka saya merayu kepada kementerian agar dapat memantau kos rawatan di hospital serta klinik swasta. Begitu juga dengan harga ubat-ubatan yang harganya melambung tinggi demi kesihatan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyentuh kemudahan asas seperti yang saya saran berkali-kali sejak saya dipilih sebagai Wakil Rakyat Sepanggar, sekali lagi saya ingin memohon desakan disebabkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, di mana saya telah memohon untuk dibaik pulih enam batang jalan utama luar bandar tetapi hanya satu setengah batang jalan, yang saya faham dapat kelulusan. Itu pun saya difahamkan bahawa Jalan Kokol-Poring-Poring, yang sepanjang 17 kilometer ini belum siap reka bentuknya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Ya! Begitu juga dengan kelulusan separuh Jalan Tombongan-Natai sejauh 3 kilometer, setakat ini belum ada pun reka bentuk yang telah disiapkan. Bagaimana pula jalan-jalan utama yang lain yang sangat mendesak seperti Jalan Telipok-Tombongon hingga ke Kiulu, Jalan Pulutan-Kolonsi, Jalan Babagon Toki-Inanam, Jalan Kawakaan-Tindai serta Jalan Lintas Sulaman ke Tuaran, Kota Kinabalu.

Jalan-jalan luar bandar serta jalan-jalan kampung yang lain telah musnah, rosak teruk sejak dilanda hujan lumpur pada 17 Julai tahun lalu, seperti Jalan Tampilan-Natai, Jalan Kebayau, jalan ke Kampung Tolungan, jalan ke Kampung Natai, Jalan Lawa Mondow, Jalan Kelosunan dan banyak lagi jalan-jalan kampung yang lain perlu diperbaiki agar penduduk kampung yang ramainya petani, peladang, penoreh getah, dapat memasarkan hasil pertanian mereka, maka ini akan pasti dapat mempertingkatkan tahap kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merayu kepada kementerian berkenaan, agar permohonan-permohonan yang telah kita ajukan bagi bekalan air supaya dapat dipertimbangkan. Walaupun kita mungkin tidak dapat 100% air bersih, bekalan air graviti serta bekalan air di bawah tanah ini adalah satu-satunya sumber bekalan air seharian keperluan bagi penduduk luar bandar yang tidak dapat bekalan air yang telah dirawat seperti di bandar.

Menyentuh dengan bekalan tenaga elektrik, saya difahamkan bahawa pendawaian Timur-Selatan Grik Sabah tidak dapat dilaksanakan seperti yang telah dijadualkan. Maka dengan ini, saya memohon agar kementerian dapat merancang sesuatu agar bekalan tenaga elektrik diperbaiki dan bukan seperti yang sedang kita hadapi ketika ini yang sering kali dilanda dengan *voltage* tenaga elektrik yang tidak menentu. Disebabkan bekalan kerap kali terputus sehingga beribu-ribu ringgit nilai harta benda yang menggunakan tenaga elektrik rosak musnah.

Di sini, saya ingin juga bertanya mengenai projek penjana elektrik di Silam, Lahad Datu, yang saya difahamkan akan menggunakan sepenuh bahan api daripada arang batu dari negara Indonesia. Adakah ini betul-betul telah dibuat penyelidikan atau *feasibility stage study*, dengan izin? Jangan pula jika pemaju tidak dapat arang batu dari negara jiran, maka kerajaan pula didesak agar mereka dapat galian arang batu di Meliau Basin, yang dikenali sebagai *National Heritage* kita, dengan izin. Tentu sekali jika arang batu yang diimport dari negara jiran terbantut dan terputus, apa pula jadi penjana elektrik tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan elektrik luar bandar khususnya di kampung-kampung sehingga kini belum lagi diberi. Saya diberitahu akan pelaksanaannya. Pada beberapa tahun yang lalu, saya difahamkan bahawa Kementerian Kewangan telah melantik kontraktor-kontraktor untuk membekal elektrik luar bandar dan lampu-lampu jalan kampung tetapi sehingga ini belum lagi menyala. Ini disebabkan tidak ada yang dikhaskan untuk memantau pelaksanaannya. Saya merayu agar pelaksanaan tersebut tidak diulangi lagi.

Sebenarnya pelaksanaan bekalan air luar bandar juga telah mengalami keadaan sedemikian, terbantut disebabkan pelantikan kontraktor yang tidak beretika, tidak bertanggungjawab tetapi hanya semata-mata mementingkan keuntungan. Kementerian Kewangan haruslah berhati-hati dan prihatin kepada rakyat jelata dan bukan kepada kontraktor yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan perumahan. Disebabkan kenaikan bahan bina yang begitu mendadak melambung tinggi, saya merayu kepada kementerian berkenaan agar

menaikkan peruntukkan, ongkos bagi Rumah Mesra Rakyat serta dapat mempertingkatkan cara pembayaran agar *process payment*, dengan izin, dapat dibayar dengan segera dan tepat pada masanya. Begitu juga dengan peruntukan bagi pembinaan rumah PPRT yang pada ketika ini kos pembinaan diperuntukkan kurang daripada RM15 ribu. Pembinaan rumah ini sukar dapat dilaksanakan jika peruntukkan ini tidak dinaikkan bagaimana kita dapat membantu rakyat-rakyat yang miskin, daif ini.

Menyentuh dengan pengangkutan udara. Kerajaan kita selalu mengingatkan kita supaya mempergandakan perpaduan integrasi tanpa mengira kaum, rakyat Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Apa pula terjadi dengan penerbangan MAS? Satu syarikat GLC yang kononnya akan memartabatkan nama Malaysia di antara bangsa, yang mengenakan tambang yang begitu melambung tinggi, RM1,990 bagi pulang balik dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur. Berapa ramaikah rakyat Semenanjung mahupun Sabah dan Sarawak yang sanggup membayar tambang yang begitu tinggi melambung? Di manakah obligasi sosialnya? Adakah ini dibuat dengan sengaja untuk membantut tali perhubungan serta persaudaraan rakyat Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung? Soalan ini hanya dapat kita jawab sekiranya rakyat Malaysia dapat bersama-sama bertanggungjawab.

Dalam kita memupuk insan yang bertamadun, juga penuh dengan perasaan kekitaan ataupun *sense of belonging to our nation*, dengan izin, kita menghendaki rakyat yang penuh berdisiplin, bertanggungjawab, berintegriti dan mengamalkan adat resam budaya yang penyayang. Di sini, saya ingin mendesak kepada Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen dan Jabatan Perangkaan Malaysia, semuanya di bawah naungan Kementerian Keselamatan Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mereka ada *link up facilities*, dengan izin.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimana rakyat Sabah yang begitu subur sekali sehingga penduduknya mendadak tinggi melangkau bancian penduduk dari negeri-negeri yang lain dalam negara kita. Tidakkah kita hairan dan ragu bagaimana anak-anak watan dari Sabah, dari suku Bajau, Kadazan, Dusun, Murut, Ikaan, Kedayan, yang dahulunya sebagai suku kaum bumiputera yang majoriti dan kini dilangkau dengan kononnya bumiputera yang lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, '*sinonatif*' bukanlah satu suku kaum bumiputera di Sabah. Kita tahu perkataan '*sino*' itu diambil daripada perkataan Cina dan '*natif*' itu dengan pengertian anak negeri bumiputera. Adakah '*sino*', bumiputera melambangkan satu suku kaum di Sabah? Inilah tercatat dalam sijil kelahiran bayi yang dilahirkan dari perkahwinan campur yang tidak mengenalkan suku kaum bayi itu. Saya memohon agar jabatan yang berkenaan, yang berkuasa ini dapat memperbetulkan catatan sijil kelahiran ini, dan semua yang telah dicatatkan dahulu ini diperbetulkan tanpa yuran pembayaran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

5.30 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat petang dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi saya peluang, bangun menyokong Bajet 2007 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada hari Jumaat, 1 September yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi masa sudah 5.30 Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, saya patuh kepada Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambung esok, boleh?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Izinkan saya menyambung esok. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

11 September 2006**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO

17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, **Dato’ Sri** Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.(Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO

33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lepar) - PBB
8. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Datin Paduka** Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator

16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. Yang Berhormat Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titawangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA

27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ **Datuk** Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP

63. “ **Datuk Seri** Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO

99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ **Dato’** Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. Yang Berhormat Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Azanariah binti Mohd Yunan

Norhasani binti Yaacob